

[Dokumen ini belum disemak]

## **PARLIMEN KESEBELAS**

**PENGGAL PERTAMA**

**MESYUARAT KETIGA**

---

---

**Bil. 46**

**Khamis**

**30 September 2004**

---

### **K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 2005

**Jawatankuasa:-**

**Jadual:-**

Maksud B.1 hingga B.9 & B.40

(Halaman 27)

**USUL:**

Usul Anggaran Pembangunan 2005

(Halaman 24)

**Jawatankuasa:-**

Maksud P.6 & P.7

(Halaman 27)

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Khamis, 30 September 2004**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng)]

***mempengerusikan Mesyuarat***

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

***[Soalan No. 1 - Y.B Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) tidak hadir]***

2. **Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat [Indera Mahkota]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah Pelan Pembangunan Semula Iraq yang dirangka Barat akan berhasil meredakan keganasan dan mencapai keamanan; dan
- (b) apakah kemungkinan OIC akan campur tangan di Iraq untuk membantu pelaksanaan pelan ini, jika tidak mengapa?

**Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Osman]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Indera Mahkota kerana mengemukakan soalan. Bagi menjawab soalan,

- (a) Adalah terlalu awal untuk menyatakan sama ada Pelan Pembangunan Semula Iraq yang dirangka oleh pihak Barat akan berhasil atau tidak, untuk meredakan keganasan dan mencapai keamanan mutlak di Iraq. Walau bagaimanapun, kita semua sedia maklum bahawa keadaan keselamatan di Iraq masih rapuh. Ada ketika dan tempat keadaan keselamatan adalah bertambah buruk dan tidak menentu.

Sekolah-sekolah di Iraq masih lagi ditutup walaupun ia sepatutnya dibuka mulai pertengahan September 2004 setelah 19 bulan kerajaan Saddam digulingkan. Jalan-jalan raya yang

menghubungi Baghdad dari pelbagai arah adalah tidak selamat akibat serangan hendap dan kawasan-kawasan yang sebelum ini kurang berbahaya dan agak selamat telah menjadi tidak selamat dan menggerunkan disebabkan penculikan dan aktiviti-aktiviti mencari mangsa untuk dijadikan tebusan yang disasarkan kepada rakyat asing.

Pertempuran yang berlaku di Najaf sejak 5 Ogos 2004 antara pasukan keselamatan Amerika Syarikat dan puak Syiah pimpinan Mukhtar al-Sadr, al-Mehdi telah memburukkan lagi suasana keselamatan di Iraq. Malaysia tetap berpendapat bahawa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) adalah agensi yang sepatutnya bertanggungjawab untuk mencari penyelesaian di kawasan Iraq yang bersengketa. Dalam mesyuarat khas membincangkan isu-isu di Timur Tengah pada 22 April 2004, yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, satu deklarasi mengenai Iraq telah digubal di mana salah satu perkara yang dipersetujui adalah supaya Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu memainkan peranan utama untuk mengembalikan keamanan, keselamatan dan kestabilan di Iraq.

Deklarasi tersebut juga menyarankan bahawa proses mendemokrasikan negara tersebut hendaklah datang sendiri daripada rakyat Iraq dan bukannya dipengaruhi oleh usaha-usaha dari luar Iraq.

- (b) Untuk jawapan soalan yang kedua, semenjak Pelan Pembangunan bermula di Iraq, OIC telah menyuarakan hasrat untuk menolong Iraq yang merupakan salah satu anggota OIC. Walau bagaimanapun, seperti mana yang sering dinyatakan, OIC tidak akan campur tangan untuk membantu menyelesaikan konflik dalaman Iraq terutama sekali jika tentera penceroboh yang diketuai oleh Amerika Syarikat masih berkuasa di negara itu. OIC hanya akan membantu dalam proses pembangunan semula di Iraq jika keamanan telah dicapai dan

kerajaan serta rakyat negara itu sedia dan bersetuju menerima bantuan OIC dan sebarang bentuk penglibatan ketenteraan hendaklah di bawah naungan dan Panji-panji Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

**Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat :** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya berhubung dengan sebagaimana yang kita ketahui bahawa kita telah menghantar satu pasukan peninjau (*reeky team*) yang dihantar oleh kerajaan baru-baru ini. Apakah kita berjaya masuk ke kawasan Iraq dan bagaimanakah keadaan keselamatan terkini di Iraq? Apakah seluruh negara Iraq itu berbahaya dan apakah sebahagian sahaja dan apakah sebabnya pertempuran yang kita dapat kawal dan dibendung.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Indera Mahkota yang bukan sahaja prihatin tentang masalah Indera Mahkota dan juga di Malaysia, tetapi juga, sungguh ambil tahu perkembangan yang berlaku di dunia terutama di Iraq. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, pasukan *reeky team* ataupun peninjau Malaysia yang pergi ke Iraq untuk melihat, kemungkinan kita menghantar pasukan perubatan, telah berlepas ke sana pada 25 September dan sampai hari ini mereka masih berada di sana tetapi tidak berjaya memasuki kawasan Iraq.

Ini adalah kerana, keselamatan menggunakan jalan raya dari Amman ke Baghdad adalah tidak selamat serta terdedah kepada ancaman. Keselamatan menggunakan jalan raya di lapangan terbang ke pusat bandar sejauh 40 kilometer juga tidak selamat kerana berlaku serangan terhadap kenderaan hampir setiap hari. Pasukan Iraqi Red Crescent (IRC) boleh membantu membawa ahli pasukan ke Iraq dalam kumpulan kecil, dua orang sahaja, tetapi sebarang lawatan seperti ini adalah perlu dirancang selama dua minggu, *two weeks and advance* dengan izin, dan yang lebih penting, keselamatan mereka tidak dijamin sama sekali.

Secara keseluruhannya, keadaan keselamatan di Iraq masih tegang dan tidak terjamin. Seluruh kawasan boleh dikatakan menjadi *red alert* dengan izin, walau bagaimanapun kawasan di bahagian utara lebih selamat berbanding dengan kawasan-kawasan lain di bahagian selatan. Kita merasakan bahawa keadaan ini mungkin akan bertambah buruk disebabkan bulan Ramadan yang akan tiba, Pilihan Raya Presiden Amerika Syarikat, Pilihan Raya Iraq yang sepatutnya berlaku pada Januari 2004 dan faktor-faktor lain seperti keseronokan ataupun kejayaan mendapat

tebusan yang dilakukan dalam usaha-usaha penculikan. Jadi, sama-samalah kita berharap bahawa keadaan akan lebih baik dan tidak akan terus menjadi sengsara kepada rakyat Iraq yang menderita setelah 19 bulan Presiden mereka ditumbang. Terima kasih.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat pagi dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Setiausaha Parlimen. Kita hanya bermimpilah Tuan Yang di-Pertua. Kita hanya boleh berangan. Kita memang boleh mencipta dan mengharapkan kedamaian. Mengikut saya punya bacaanlah, mudah-mudahan bacaan sayalah, tiga tahun lagi masalah di Iraq tidak akan selesai. Konflik ini ataupun masalah ini sebenarnya memang sengaja. Agenda Israel, dia memang hendak supaya negara-negara Arab yang berjiran dengan dia, sentiasa akan bergolak. Apabila negara-negara Arab ini bergolak, maka keselamatan untuk menguasai seluruh cita-cita Yahudi di Palestine itu akan dapat dijayakan. Apa OIC? Bukan hendak memperkecilkan OIC, PBB.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, soalan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ini soalanlah Tuan Yang di-Pertua. Macam mana Tuan Yang di-Pertua hendak buat soalan, kalau terus-terus. Kalau tidak ada ayat yang berangkai-rangkai, yang bersambung-sambung.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ramai Ahli Yang Berhormat lain boleh, mengapa Yang Berhormat tidak boleh? *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya tidak sedar yang lain boleh Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat pun, lebih kurang saya juga Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Bolehkah terus bangun soal?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Boleh, kalau bijak. *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya tidak tahulah Tuan Yang di-Pertua, macam mana Tuan Yang di-Pertua ini, hebatlah. Saya tidak dapat kehebatan Tuan Yang di-Pertualah, bangun terus soal. Jadi, saya masuk soalan. Sebenarnya, apa harapan dunia kalau agenda yang berlaku di Iraq ini, agenda yang disengajakan. Selepas itu, saya rasa Syria, Iran. Kalau negara-negara ini hancur, maka Israel akan rasa lebih selamat. Jadi, ini agenda lain Tuan Yang di-Pertua. Jadi, kasihanlah. Arab ada 22 negara dekat sana. Dia pun 'nafsi-nafsi'....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, tidak kasihankah, empat orang Menteri yang menunggu hendak memberi jawapan nanti. Teruskan jawapan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Menteri tunggu jawapan tidak apa Tuan Yang di-Pertua. Dia sudah pangkat besar, biarlah dia tunggu. Ini, yang Ahli Parlimen biasa ini, yang Tuan Yang di-Pertua patut lebih kasihankan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat. Saya buat kesilapan membenarkan Yang Berhormat, keluarkan soalan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Okey Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya ringkaskan Tuan Yang di-Pertua. Jangan marah saya Tuan Yang di-Pertua. Pagi-pagi tidak baik marah Tuan Yang di-Pertua, nanti Tuan Yang di-Pertua lekas tua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** [*Senyum*]

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Jadi, itulah. Macam mana Yang Berhormat Setiausaha Parlimen? Kita memang rasa terharu, kita memang rasa sayang. Kita memang rasa sedih. Tetapi, apa jalan agaknya? Malaysia yang begitu prihatin kepada negara-negara di dunia supaya dapat hidup bersama dalam bahagia ini, apa agaknya harapan kita di Malaysia? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, jawapan tidak payah panjang, ya. [*Ketawa*]

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Saya sebenarnya menghargai pandangan peribadi Yang Berhormat, kita sebenarnya tidak bermimpi dan berangan, kita boleh melakukan sesuatu. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, keadaan kesihatan di Iraq sekarang ini sebenarnya cukup meruncing, kita boleh lakukan sesuatu kerana rakyat Iraq amat memerlukan bekalan perubatan (*medical supplies*) dan alat-alat habis pakai (*disposal medical items*) seperti sarung tangan getah yang sangat berkurangan. Rakyat Iraq juga memerlukan peralatan pengubatan air (*water fabrication*) untuk kegunaan minuman. Iraq banyak doktor tetapi kekurangan jururawat sangat-sangat dan juga mereka memerlukan bantuan untuk mengendalikan program psikososial kepada kanak-kanak untuk mengatasi masalah akibat peperangan. 70% daripada hospital-hospital di Iraq ini perlu diperbaiki.

Apa yang terjadi pada waktu ini seperti pihak-pihak yang menjadi pencolek ini dikenal pasti lebih kurang 23 puak, Tuan Yang di-Pertua, tetapi yang paling aktif sekali adalah Jemaat Al-Jawed Al-Jihad, Ansar Al Sunna, Islamic Army of Iraq, Al-Rayal As Sod, briged Al-Mujahidin dan kumpulan-kumpulan ini mengambil kesempatan dengan suasana yang berlaku di Iraq Ini, mereka merupakan daripada pengikut setia parti Saddam, parti Bath dahulu, mereka juga adalah kumpulan agama, kumpulan militan dan kumpulan penjenayah dan yang lebih membimbangkan, Tuan Yang di-Pertua, masalah kesihatan di Iraq iaitu kadar kematian bayi dan ibu-ibu, peningkatan kes-kes berjangkit dan juga peningkatan semula penyakit *tuberculosis* yang mempunyai satu hospital sahaja di Iraq.

Jadi banyak Yang Berhormat yang kita boleh bantu, bukan sahaja Malaysia tetapi rakyat seluruh dunia boleh menghulurkan bantuan kepada negara Iraq yang memerlukan bantuan kewangan memulihkan semula keadaan persekitaran, kesihatan dan juga sekolah-sekolah dan juga kemudahan-kemudahan awam yang lain di Iraq. Sekian, terima kasih.

**3. Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan berapakah jumlah penjimatan yang diperolehi oleh kerajaan melalui penswastan projek penyenggaraan jalan-jalan Persekutuan di Wilayah Persekutuan Labuan.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui penswastan penyenggaraan jalan-jalan Persekutuan di Wilayah Persekutuan Labuan, kerajaan memperolehi penjimatan dari segi perbelanjaan untuk saraan kakitangan yang menyertai syarikat konsesi. Kos modal serta kos penyenggaraan kenderaan dan jentera-jentera penyenggaraan jalan yang telah diambil alih oleh syarikat.

Seramai 11 kakitangan telah menyertai syarikat konsesi dan ini melibat kos saraan RM182,000 setahun, manakala sebanyak 11 kenderaan dan jentera penyenggaraan jalan telah diambil alih oleh syarikat dengan harga kos RM550,000 dan ini melibatkan kos operasi RM60,000 sahaja setahun.

Penswastan jalan bukanlah bertujuan untuk menjimatkan kos semata-mata, tujuan utama penswastan ialah untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih baik dan

bersistematik menerusi piawaian pelaksanaan yang dipersetujui awal atau, dengan izin, *agreed performance standard*, yang perlu diikuti oleh syarikat konsesi.

Skop penswastaaan terbahagi kepada tiga jenis kerja iaitu kerja rutin, kerja berkala dan kerja kecemasan.

Tuan Yang di-Pertua, jika syarikat gagal melaksanakan kerja-kerja mengikut piawaian yang telah dipersetujui, kerajaan berhak melantik pihak ketiga dan semua kos yang terlibat dikenakan ke atas syarikat dengan tambahan denda sebanyak 25%. Penswastaaan ini juga akan mewujudkan sistem pengurusan, penyenggaraan jalan yang lebih bersepadu dan simbol, dengan izin, *comprehensive* yang mengutamakan strategi bagi meningkatkan keselamatan pengguna, sekiranya berlaku kerosakan, kerja-kerja penyenggaraan akan dibuat dengan segera mengikut piawai pelaksanaan yang dipersetujui. Secara keseluruhan pengguna jalan raya akan menikmati sistem jalan raya yang lebih selesa dan selamat.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Menteri atas jawapan yang diberikan sebentar tadi. Soalan tambahan saya, Dato' Seri Menteri menyatakan bahawa meningkatkan kualiti penyenggaraan tetapi tidak dalam konteks Wilayah Persekutuan, jalan Persekutuan di Labuan cuma 140 kilometer Dato' Seri Menteri.

Dato' Seri Menteri tahu, Dato' Seri pernah ke Labuan, saya memantau keadaan jalan di Labuan setiap hari, bukannya baik bertambah buruk bila mana diswastakan, itu yang pertama.

Yang kedua, dasar kerajaan untuk membantu kontraktor-kontraktor Kelas F dengan mewujudkan pelbagai kerja penyenggaraan, kenapa dalam konteks penyenggaraan jalan-jalan raya kita swastakan, sedangkan kita secara tidak langsung membunuh ramai kontraktor Kelas F, terutama sekali di Labuan, saya sendiri bercakap dengan Pengarah Jabatan Kerja Raya, kenapa JKR swastakan jalan raya Persekutuan yang hanya 140 kilometer di Labuan. Pengarah JKR kata, kakitangan JKR kata, bukan kami Datuk, kami tidak bersetuju, kementerian yang punya mahu.

Mana yang lebih utama Dato' Seri? Kepentingan rakyat ataupun dasar kerajaan, yang bercakap ini kerajaan, kerajaan mengumumkan dasar masa belanjawan hendak tolong kontraktor Kelas F, wujudkan kerja-kerja penyenggaraan tetapi di depan mata kita, kerja-kerja penyenggaraan yang sedia ada, yang bumiputera menikmatinya [*Tepuk*] diberikan kepada kontraktor besar.

Kalau dasar ini menolong bumiputera tidak mengapa, tetapi ini 'buliputera', bukan tolong bumiputera, ini 'buli putera', ianya bermakna membuli putera.

**Beberapa Ahli:** Yah!

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Bermakna dasar kerajaan dalam penswastaaan melencong jauh. Selanjutnya Dato' Seri, Dato' Seri kata tadi tidak menjimatkan kos, kalau begitu kenapa kerajaan, apakah kakitangan kerajaan yang ada di sebelah kualiti kerja *very poorkah*? Sampai kita terpaksa mencari orang swasta untuk baiki kualiti kerja. *I think this is .....*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, soalan.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Soalanlah ini Datuk. Tuan Yang di-Pertua, saya baru sahaja hendak ikut Sri Gading sedikit, Tuan Yang di-Pertua dah sergah saya.

Saya berbangga Dato' Seri Menteri turun ini sebab Dato' Seri Menteri pernah turun ke Labuan, saya layan beliau tatang macam minyak penuh. Jadi, saya berpeluang bertanya dengan dia sekarang ini. Jadi, Dato' Seri Menteri, soalan saya selanjutnya, apa rasional kementerian, masukkan Labuan yang sudah 20 tahun menjadi Wilayah Persekutuan dalam pakej penyenggaraan jalan raya dengan negeri Sabah, kenapa 140 kilometer pun hendak dimasukkan, rakus sangatkah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Daif sangatkah kerajaan ini, sampai 140 kilometer jalan di Labuan pun hendak diswastakan? *[Tepuk]*

Itu sahaja Dato' Seri Menteri, saya minta maaf kalau pagi-pagi ini terkasar sedikit.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja Ahli Yang Berhormat bersimpati dengan kontraktor Kelas F, saya lebih bersimpati daripada beliau. *[Ketawa]* Kami juga telah memberi beberapa kerja kepada Kelas F sekarang. Sudah mengarah kepada kontraktor-kontraktor untuk menjaga kepentingan Kelas F di dalam tanah air kita ini.

Apabila saya dapat tahu Pengarah saya menyatakan beliau tidak bersetuju tetapi kementerian telah diambil alih oleh kerajaan, beliau tidak layak untuk menjaga kerja itu, oleh kerana itulah kami mengambil kerja ini, pada masa dahulunya, walaupun ada juga beberapa banyak kontraktor-kontraktor Kelas F di kawasan itu, tetapi kontrak-kontrak beberapa negeri beri kepada kawan-kawan sahaja. Kawan sahaja dapat, kali

ini dapat, kali akan datang dapat, kali ketiga dapat, kali keempat dapat, kali kelima pun dapat, tetapi ada juga banyak kontraktor yang langsung tidak dapat.

Kami mengambil alih kerja ini untuk menjaga kepentingan dan juga untuk memberi kepada kontraktor-kontraktor dengan rutin, beri kepada orang yang tidak dapat. Jadi, untuk penjelasan kepada Yang Berhormat, kami suka memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat, penswastaan meliputi semua Jalan Persekutuan di bawah Akta Jalan ini.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tak, tak, teruskan jawapan Yang Berhormat.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Jadi, saya apa yang saya dapat tahu dari soalan tambahan Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat bukan menyatakan kerja-kerja yang sedang dijalankan bukan tidak baik, tetapi apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu, kerja-kerja itu mengapa tidak diserahkan kepada kontraktor-kontraktor, itu saya percaya penting dalam soalan tambahan itulah.

Ini saya boleh juga mengarahkan kepada Kementerian Kerja Raya untuk menjaga kepentingan kontraktor-kontraktor Kelas F di Labuan diambil kira sebagai lebih penting daripada kontraktor-kontraktor daripada luar.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jerai. Yang Berhormat bagi Labuan, kalau ada maklumat tambahan, bincang di luar.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Dato' Menteri, sebenarnya Labuan, dia kata tadi dia pergi Labuan, dia tatang Dato' Menteri macam minyak yang penuh, kenapa Yang Berhormat bagi Labuan tidak bisik kepada menteri? Bisiklah kepada dia, apa fasal buat kerja macam itu?

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Masa itu tidak swasta.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Oh tidak swasta, oh, selepas Yang Berhormat melawat baru swasta. Hmm, tidak mengapalah. *Vanakam.*

Cuma saya minta penjelasan sedikit kepada Menteri Kerja Raya ini, menteri veteran ini, tadi dia bercakap fasal penswastaan, penyenggaraan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa mungkin kesilapan *alignment* dan sebagainya, kadang-kadang lebuhraya itu menyebabkan kemalangan dan kita dapati bahawa mungkin ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masalah Labuan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ia akan terus ke Labuan. Dia dah masuk Semenanjung kemudian dia pergi ke Labuan, dia patah balik ke kementerian.

Jadi, ini mungkin kemalangan juga disebabkan oleh kelalaian pemandu, tetapi kemalangan juga disebabkan oleh jalan. Contohnya, banyak lebuhraya termasuk di Labuan yang diswastakan dia berlopak, apabila hujan, air bertakung, kereta di hadapan, ia memotong air itu akan naik ke cermin kereta di belakang dan kereta itu terperangkap dan dalam keadaan yang merbahaya.

Banyak saya dapati pengguna-pengguna lebuhraya merungut, contohnya macam di Jelapang, Yang Berhormat pun mengakui bahawa tol di Jelapang itu merbahaya, tetapi sedang diambil tindakan oleh pihak kementerian untuk mengubah tol itu, kerana banyak berlaku kemalangan maut di situ, jadi adakah Yang Berhormat untuk memastikan lebuhraya yang akan datang, *alignment* lebuhraya itu mestilah elok, pembinaan lebuhraya itu mesti elok, jangan apabila telah siap enam bulan, setahun lepas itu kena *maintain*, dan ini merosakkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik Yang Berhormat, cukup, cukup.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya, Yang Berhormat Menteri fahamalah, dia menteri lama, terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, lebuhraya selain daripada jalan raya. Lebuhraya di dalam tanah air kita ini 128 kilometer daripada Bukit Kayu Hitam ke Johor Bahru.

Ada juga lebuhraya-lebuhraya kecil daripada itu. Tetapi jalan rayanya adalah lebih daripada 58,000 kilometer. Setiap tahun kami mendapat lebih kurang RM250 juta hingga RM300 juta untuk memperbaiki keadaan jalan. Dengan peruntukan yang itu diberi kepada kementerian, kami menjalankan semua kerja-kerja, tetapi ada jugalah kadangkala kita kena tukar *alignment* oleh kerana kawasan itu tidak berapa sesuai untuk membawa kenderaan.

Jadi, kami sudah setakat ini memperbaiki 128 kawasan. Ada juga banyak kawasan yang kita akan perbaiki apabila Kementerian Kewangan akan memberi peruntukan kepada kita. Kami bersimpati juga orang meninggal di atas jalan raya, kami

bersimpati, tetapi bukannya kita boleh memperbaiki semua masalah dalam tempoh satu tahun atau dua tahun. Hari ini kita memperbaiki satu kawasan, hari esok ini berlaku di kawasan yang lain. Jadi, kita sudah mengambil kira berapakah kawasan berbahaya dalam jalan raya dan juga lebuh raya.

Lebuh raya disenggarakan oleh syarikat-syarikat konsesi. Walau bagaimanapun, apabila ada juga masalah kita minta syarikat konsesi untuk menjalankan kerja-kerja memperbaiki lebih awal daripada rutin yang ditetapkan oleh mereka. Satu contohnya, lebuh raya itu daripada Tapah ke Gopeng. Ada juga beberapa masalah, sekarang ini semua masalah telah diatasi oleh kerana saya sendiri mengarah kepada syarikat konsesi Lebuhraya Utara-Selatan untuk memperbaiki keadaan, kerja sedang dijalankan dan juga beberapa banyak kawasan, kerja-kerja akan dijalankan. Itulah jaminan daripada saya. Terima kasih.

**Soalan Nombor 4** – *Y.B. Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa)* tidak hadir.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum* dan Salam Sejahtera. Izinkan saya terlebih dahulu Tuan Yang di-Pertua mengalu-alukan kehadiran pemuda-pemuda dari Petra Jaya pada persidangan hari ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Soalan saya Soalan No. 5.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kepada yang bukan datang daripada Petra Jaya, kita juga mengalu-alukan.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Sama-sama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Itulah sebab kita sentiasa tidak sebut.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Sama-sama Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya Soalan No. 5. Terima kasih.

**5. Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]** minta Perdana Menteri menyatakan data-data jumlah syarikat bumiputera di negeri-negeri pengeluar yang terlibat dalam projek-projek dari Petronas dan kategori projek-projek tersebut dan apakah perancangan Petronas untuk menjadikan syarikat-syarikat ini berdaya saing di persada global.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mustapa bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, bilangan syarikat bumiputera yang terlibat dalam syarikat Petronas sehingga Mei 2004 ialah 2,312 buah syarikat semuanya. Daripada jumlah tersebut, 35% syarikat terlibat dalam sektor hulu atau *out stream* dan seperti pembekalan peralatan aktiviti cari gali, *marine vessels and oil fuel services* dengan izin manakala 65% adalah syarikat yang terlibat dalam sektor hiliran atau *down stream* seperti penyenggaraan, peralatan loji minyak, gas dan petrokimia, bekalan mesin dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu Petronas juga telah melaksanakan sejak tahun 1994 skim apa yang dipanggil *Vendor Development Programme* dan pada masa ini terdapat 32 buah syarikat yang terlibat dalam skim ini dan syarikat-syarikat ini telah diberikan kontrak sejak tahun 1994 sehingga sekarang kira-kira RM2.8 bilion dan tahun lalu nilainya RM600 juta diberikan kepada 32 buah syarikat yang menyertai program vendor ini syarikat-syarikat bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kedua berkaitan dengan strategi Petronas untuk menjadikan syarikat tempatan berdaya saing di peringkat antarabangsa. Strateginya seperti berikut:

- (i) mengenakan syarat teknikal dan kewangan yang tertentu dalam pelesenan kontraktor bagi industri hiliran dan hulu petroleum negara,
- (ii) membahagikan kontrak besar kepada kontrak yang lebih kecil,
- (iii) mengenakan syarat oleh syarikat asing untuk menubuhkan konsortium dan usahasama dengan syarikat-syarikat tempatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan sebagai contoh ada syarikat tempatan telah berjaya mengembangkan operasi urusan mereka ke peringkat antarabangsa ialah Petra Resources Sdn. Bhd. syarikat ini bermula sebagai sebuah syarikat vendor dengan Petronas yang baru-baru ini syarikat ini telah berjaya

menjalinkan usaha sama dengan sebuah syarikat antarabangsa untuk menerokai North Sea Oil and Gas. Terima kasih.

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak tahu keadaan syarikat-syarikat bumiputera, tetapi kalau dilihat syarikat-syarikat bumiputera daripada Sabah yang diberi peluang oleh Petronas mendapatkan kerja-kerja kontrak daripada Petronas, ianya terlalu kecil.

Beberapa agensi kerajaan negeri yang cuba mendapatkan kerja-kerja Petronas di Sabah juga tidak selalu berjaya. Adakah kementerian maklum akan perkara ini dan saya ingin tahu apakah tindakan kementerian untuk menentukan khususnya kontraktor-kontraktor bumiputera dari Sabah mendapat peluang yang sebaiknya daripada cari gali dan juga operasi minyak dan gas Petronas di negeri tersebut.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, yang pertamanya bumiputera mendapat faedah yang besar daripada kontrak-kontrak yang diberikan kepada syarikat bumiputera dan Petronas tanpa mengira negeri asal mereka. Sebanyak 2,312 buah syarikat dan yang menyertai program vendor 32. Bilangannya besar dan *amount* kontrak pun besar juga.

Mengenai pandangan supaya diberi lebih perhatian kepada syarikat-syarikat di negeri Sabah, insya-Allah Petronas akan memberi perhatian sewajarnya kepada cadangan tersebut.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu baru-baru ini satu cari gali Petronas di Sabah di mana dua tempat yang terbesar itu dikatakan juga di *claim* dengan izin oleh Indonesia. Apakah pandangan kerajaan dan adakah minyak di sana kepunyaan Malaysia. Apakah galakan-galakan yang tertentu diberi oleh kerajaan kepada bukan bumiputera dalam penglibatan mereka dalam Petronas.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Yang pertama berkaitan dengan pertindihan hak satu kawasan yang dipertikaikan di Sabah, perkara ini telah pun dijelaskan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri di mana pendirian Malaysia adalah jelas iaitu kawasan-kawasan yang dipertikaikan itu adalah milik Malaysia. Walau bagaimanapun, kita serahkan kepada Wisma Putera untuk menangani perkara ini dan kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen adalah tegas dan jelas bagi rakyat Malaysia dan tidak harus ada pertikaian di negara kita ini.

Berkaitan dengan penglibatan syarikat-syarikat bukan bumiputera, kita dapati bahawa syarikat-syarikat bukan bumiputera juga terlibat dalam kontrak-kontrak Petronas. Dua kumpulan, yang pertama syarikat-syarikat asing dan yang keduanya syarikat-syarikat bukan bumiputera tempatan.

Mengikut rekod Petronas sekurang-kurangnya 30% daripada kontrak-kontrak yang telah diberikan oleh Petronas telah diambil oleh kontraktor bukan bumiputera. Jadi, bidang petroleum ini adalah satu bidang yang baru yang pesat berkembang, kerajaan merasakan adalah wajar diberi lebih perhatian kepada bumiputera. Oleh itulah jika dikira keseluruhannya peratusan kontrak yang diperolehi oleh bumiputera kira-kira 70% dan 30% adalah kepada kontraktor bukan bumiputera. Maknanya kontraktor bukan bumiputera juga ada peluang untuk menyertai kontrak-kontrak yang diagihkan oleh Petronas. Terima kasih.

**6. Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan berapakah jumlah pelajar Malaysia yang melanjutkan pelajaran di luar negara serta nyatakan negara-negara tersebut.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]:** Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, dalam rekod kami sehingga Mac 2004 seramai 43,279 orang pelajar telah melanjutkan pelajaran ke luar negara. Daripada jumlah tersebut, 9,105 orang pelajar adalah pelajar tajaan. 34,174 pelajar adalah pelajar persendirian. Negara-negara yang mempunyai pelajar-pelajar Malaysia adalah seperti berikut mengikut turutan yang paling ramai.

- (i) Australia (mengikut perangkaan kami ada 15,434 orang)
- (ii) United Kindgom
- (iii) Mesir
- (iv) USA
- (v) Indonesia
- (vi) Ukraine
- (vii) New Zealand
- (viii) Jepun
- (ix) Russia
- (x) Syria

- (xi) German
- (xii) Korea Selatan
- (xiii) India
- (xiv) Jordan
- (xv) Kanada
- (xvi) Perancis dan
- (xvii) Arab Saudi

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Baru-baru ini Menteri kepada Kementerian Pengajian Tinggi telah membuat kenyataan bahawa tidak akan membuka tempat di UiTM kepada pelajar bukan bumiputera dan akan memastikan bahawa tidak kurang daripada kuota 55% bumiputera di IPTA. Ini nampaknya bercanggah dengan sistem meritokrasi yang sering dikatakan dipakai di IPTA.

Soalan saya adalah apakah kementerian pernah mengkaji sebab mengapa pelajar-pelajar yang kebanyakannya bukan Melayu terpaksa melanjutkan pendidikan mereka ke luar negara dan selepas itu apakah kerajaan mempunyai rancangan untuk memastikan mereka seramai lebih 40,000 ini yang telah keluar negara ini akan pulang kembali ke negara kita untuk berkhidmat. Sebab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini ke US, ke France, ke Britain menyeru mereka kembali, terpaksa sampai ke sana untuk berjumpa mereka menyeru mereka kembali.

Apakah Perdana Menteri mempunyai rancangan memastikan mereka akan balik dan sebab mereka mengapa terpaksa pergi ke sana?

**Datuk Dr. Adham bin Baba:** Yang Berhormat, jelas bahawa penubuhan UiTM ialah untuk membantu meramaikan bilangan profesional Melayu ke tahap yang diperlukan seperti Dasar Ekonomi Baru. Antara yang menyebabkan pelajar-pelajar kita terpaksa keluar negara ialah kerana tempat yang disediakan di IPTA adalah terhad. Seperti contoh tahun ini sahaja tahun kemasukan 2004/2005 seramai 38,000 pelajar sahaja mempunyai tempat sedangkan permohonan yang layak adalah 80,000.

Jadi, sama ada mereka pergi ke dalam negara memasuki institusi pengajian swasta ataupun mereka lebih gemar untuk pergi ke luar negara kerana mereka ingin mencari ijazah-ijazah yang lebih baik dan juga lebih *marketable* untuk kembali ke negara kita. Isu berkaitan dengan pelajar-pelajar yang tidak dikatakan berminat untuk

balik ke negara kita sebenarnya tidak timbul, kerana kebanyakan pelajar-pelajar yang sama ada ditaja oleh penaja-penaja atau pelajar persendirian kebanyakan daripada mereka memanglah bersedia untuk balik dan pihak kementerian sentiasa memberikan pemantauan melalui 11 *Malaysian Student Department (MSD)* di luar negara untuk memastikan kebajikan mereka dan juga kepentingan pendidikan mereka terbela.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya mendengar statistik tadi dan saya dapati jumlah pelajar yang pergi ke Singapura mungkin tercicir. Soalan saya adakah Jabatan Hal Ehwal Pelajar juga diwujudkan di Singapura dan berapa ramaikan yang pergi kerana setiap tahun, ada *ASEAN Schorlaship* ditawarkan kepada pelajar-pelajar dan saya yakin ianya melebihi daripada pelajar di Mesir. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat. Terima kasih.

**Datuk Dr. Adham bin Baba:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Sebenarnya oleh kerana Singapura adalah sempadan kepada negara Malaysia, kita tidak menubuhkan *Malaysian Student Department (MSD)* di Singapura dan rekod untuk ke Singapura akan kami berikan kepada Yang Berhormat nanti. Terima kasih.

**7. Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah menyatakan adakah kementerian sedar ada sesetengah kampung yang diletakkan di bawah Gerakan Daya Wawasan (GDW) bagaikan 'hidup segan mati tak mahu'. Adakah kementerian bercadang untuk menempatkan pegawai khas khususnya di Parlimen Jerlun.

**Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Jerlun, kementerian ini memang menyedari bahawa terdapat sesetengah kampung Gerakan Daya Wawasan yang tidak menunjukkan prestasi yang menggalakkan dan bergerak tidak aktif di dalam melaksanakan aktiviti kemasyarakatan dan projek kecil ekonomi di peringkat kampung.

Yang Berhormat, ibarat menanam pokok, kadang-kadang ia tumbuh berbunga dan berbuah. Kadang-kadang ia setakat tumbuh berbunga. Ada setengah itu tumbuh sahaja langsung tidak berbunga, langsung tidak berbuah. Namun demikian sebagai pemimpin kita jangan kecewa. Kita harus terus memperhatikan supaya Gerakan Daya Wawasan ini berjaya.

Saya yakin kalau di panggil Penolong Pegawai Daerah, Penghulu, Ketua Kampung dan AJK dan Yang Berhormat sendiri menjadi gembala nombor satu, usaha Gerakan Daya Wawasan ini akan berjaya, insya-Allah. Kementerian bercadang untuk menempatkan Pegawai Khas bagi tujuan tersebut kerana Penyelia-penyelia KEMAS bagi setiap kawasan Parlimen bertindak sebagai penggerak bagi kampung-kampung Gerakan Daya Wawasan.

Kementerian ini berbesar hati kalau Yang Berhormat dapat berbincang dengan KEMAS di kawasan Yang Berhormat. Kalau sekiranya masih belum berjaya, saya sendiri dengan pegawai-pegawai akan turun supaya kita sama-sama perbetulkan, insya-Allah Gerakan Daya Wawasan akan berjaya juga nanti. Terima kasih.

**Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya jadi lemah bila dengar Yang Berhormat Bang Aziz, selalu kita panggil Dato' Bang Aziz menjawab. Soalan ini sebenarnya tidaklah mempertikaikan keupayaan mana-mana jabatan ataupun kementerian terutama kementerian Yang Berhormat Dato'. Cuma kadang-kadang kita nampak soalan saya di sini ialah pengisian.

Walaupun Gerakan Desa Wawasan dahulu Desa Wawasan, sekarang Daya Wawasan kadang-kadang kehadiran pegawai-pegawai secara berjadual untuk bermesyuarat dengan JKK pun kadang-kadang enam bulan sekali pun tidak ada. Kalau kita isikan yang itu pun cukup. Kadang-kadang kita nampak di kampung ini hendak nampak juga ramai. Gotong-royong pun kadang-kadang tidak dijalankan. Inilah perkara-perkara asas yang hendak diterima ataupun hendak dilihat oleh penduduk kampung.

Jadi, benda-benda asas yang macam ini kalau ditinggalkan mungkin hubungan antara penduduk kampung dengan pegawai-pegawai itu renggang. Wakil Rakyat boleh membantu tiap-tiap kali kenduri ataupun peralatan yang tidak cukup, memang Wakil Rakyat bantu cuma kita mintalah pegawai-pegawai ini mengadakan sedikit jadual dan sekurang-kurangnya meletakkan kerja-kerja yang asas agar penduduk-penduduk kampung ini dapat bersama-sama dengan pegawai memajukan terutamanya Gerakan Daya Wawasan yang telah pun diletakkan di bawah kementerian. Terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Tuan Yang di-Pertua, di awal saya memegang kementerian ini, saya meminta supaya institusi-institusi yang ada di negeri

ini dihormati terutama sekali institusi Penghululah yang patut kita pandang secara serius. Kalau Penghulu dapat bergerak dengan pegawai-pegawai yang di dalam bahagian KEMAS dan Penolong Pegawai Daerah dan dibantu oleh Yang Berhormat Ahli Parlimen dan ADUN-ADUN, saya yakin apa juga rancangan akan dapat berjaya.

Oleh sebab itu saya merayu supaya Yang Berhormat kalau sekiranya ada kegagalan bagi pegawai daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar, sila beri laporan dan saya dan pegawai-pegawai lain akan memastikan supaya mereka tidak bersikap pasif. Insya-Allah ini akan dijalankan. Terima kasih.

**Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Antara objektif yang digariskan dalam GDW ini saya rasakan cukup baik. Antaranya untuk membentuk semangat berdikari, mengikis mentaliti subsidi, menarik penglibatan aktif penduduk tempatan yang digariskan di sini, antara lain juga menyebut tentang memberi harapan ke atas keupayaan penduduk desa untuk membentuk generasi kedua yang cemerlang, mengubah paradigma berhubung pemilikan tanah dan sebagainya.

Cuma apa yang saya lihat bila diadakan persaingan antara kampung ini, saban tahun kampung yang sama dipilih dan sasaran 3,000 kampung menjelang tahun 2000 sebenarnya tercapai atau tidak, tidak lagi diberikan pertimbangan. Maka objektif yang kita sasarkan kepada sebanyak kampung yang mungkin melibatkan diri dalam GDW mungkin tidak tercapai, hanya kerana pemilihan kampung untuk pertandingan itu lebih diutamakan. Maka kampung-kampung yang telah sedia baik, yang saya tidak nafikan memiliki kepimpinan yang baik, hasil produk yang baik terus baik, tetapi matlamat sebenar kementerian untuk menjadikan lebih banyak kampung mempunyai mentaliti sebegini bakal tercicir. Soalannya adakah sasaran 3,000 buah kampung pada tahun 2000 telah mencapai matlamat atau tidak? Terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Muar, sudah pastilah sesuatu perkara untuk memajukannya dibuat satu sasaran khususnya dalam mempertikaikan GDW ini. Bagaimanakah kita hendak mengukur kampung mana yang terbaik? Melalui pertandingan inilah kita dapat menyaksikan bahawa usaha sesuatu kampung itu begitu cemerlang dan diharapkan mereka menjadi contoh kepada kampung-kampung yang kurang maju.

Jadi, soal pertandingan, memang perlu kerana ia dapat memastikan cara dan gaya kepimpinan di tempat itu yang menyebabkan ia terserlah dan maju. Kalau

sekiranya kita mengikut ini, kita hanya mendapat satu kefahaman bahawa manusia ini di mana juga pun perlukan gembala dan gembala inilah yang akan menentukan, apakah cara sikap bertindak di sesuatu kampung. Insya-Allah sebagaimana Yang Berhormat ragukan, oleh sebab hanya satu-satu kampung sahaja yang sentiasa menang pada peringkat kementerian, kalau satu kampung itu telah mencapai tiga kali berturut-turut menang dia tidak lagi dibenarkan bertanding pada masa hadapan. Dengan cara ini, maka peluang akan terbuka luas kepada kampung-kampung yang ingin maju seperti kampung-kampung yang berdekatan dengannya. Tiga ribu ini adalah besar dan ini adalah permulaan. Bagi kita di kementerian, kita harus memulakan sesuatu perkara yang baik supaya dapat menjadi contoh dan contoh ini akan dapat berkembang terus maju ke desa-desa yang lebih kecil. Terima kasih.

**[Soalan No. 8. - Y.B. Datuk Abdul Ghafur bin Salleh (Kalabakan) tidak hadir]**

9. **Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]** minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan bilangan pemohon dan jumlah pinjaman yang telah diluluskan mengikut daerah di negeri Melaka di bawah Skim Tekun.

**Setiausaha Parlimen Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Jasin, Program Pinjaman Tekun yang dilaksanakan oleh kerajaan, melalui Yayasan Tekun Nasional (YTN) adalah untuk membantu usahawan-usahawan bumiputera kecil mendapat modal tambahan bagi meningkatkan perniagaan sedia ada.

Program Pinjaman Tekun menawarkan pinjaman dari RM1,000 hingga RM10,000 bagi pinjaman peringkat pertama. Bagi peminjam yang telah menyelesaikan pinjaman peringkat pertama dan mempunyai rekod bayaran balik pinjaman yang cemerlang mereka juga boleh memohon pinjaman yang seterusnya sehingga RM20,000.

Sejak Program Pinjaman Tekun dilancarkan pada 25 Mei 1999 sehingga 31 Julai 2004, Tekun telah mengeluarkan pinjaman sebanyak RM444,855,000 yang berjaya dimanfaatkan oleh seramai 96,067 orang usahawan di seluruh negara. Daripada jumlah ini sebanyak RM10,078,500 telah dikeluarkan kepada seramai 1,970 orang usahawan di negeri Melaka.

Pecahan pengeluaran pinjaman Tekun bagi daerah-daerah di negeri Melaka sehingga 31 Julai 2004 adalah seperti berikut:-

DAERAH	BILANGAN PEMINJAM	JUMLAH PINJAMAN (RM)
1. Kawasan Parlimen Batu Berendam	243	1,127,000
2. Melaka Tengah	476	2,173,000
3. Jasin	523	2,692,000
4. Alor Gajah	728	4,086,500
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>1,970</b>	<b>RM10,078,500</b>

**Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Setiausaha Parlimen di atas jawapan. Masalah yang kita hadapi pada hari ini, mengikut taklimat dari kementerian, kementerian hendak bekerjasama dengan bahagian, hendak bekerjasama dengan Ahli-ahli Parlimen, tetapi setakat yang ia berjalan hari inilah saya baru tahu di Jasin hanya ada 523 orang dan berapa juta pinjaman yang dapat?

Jadi, kita ini indah khabar dari rupa dan Ahli Parlimen pun kadang-kadang tidak kenal yang mana satu pegawai Tekun. *[Disampuk]*. Lebih-lebih lagi pada hari ini kita menghadapi masalah *Along* ini. Kita ingatkan dengan adanya pinjaman Tekun ini kita dapat membantu peniaga-peniaga kecil di kawasan kita untuk mengatasi masalah *Along*. Kalau pegawai Tekun pun kita tidak kenal, bagaimana? Tetapi kalau taklimat dia, "Kementerian hendak membantu". Bukan main lagi. Tetapi akhirnya hanya sekadar kata-kata yang manis sahaja. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ada soalankah?

**Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof:** Soalannya yang tadi itu. Adakah hendak berterusan ataupun hendak bubar? *[Disorak]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, cukup.

**Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut angka bagi negeri Melaka sebelum....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, saya yakin Jasin tidak perlu lagi angka. Dia tidak mahu angka lagi.

**Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman:** Oh, angka tidak mahu. *[Dewan riuh]* Jumlah sudah diberitahu. Ada peningkatan. Dari tahun lalu.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak mengapalah, Yang Berhormat. Kalau perlu ingin berikan jawapan secara bertulis boleh berbuat demikian.

**Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Jasin, pegawai-pegawai TEKUN ada ditempatkan di daerah-daerah di seluruh negara dan sebahagian besarnya ditempatkan di pejabat Bahagian UMNO dan juga ...*[Dewan masih riuh]* Kalau tidak berminat untuk mendengar tidak mengapalah. Kalau berminat, sama ada jawapan itu boleh diterima oleh Ahli Yang Berhormat bagi Jasin, program ini sentiasa berterusan. ..

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** *[Bangun]*

**Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman:** ...dan sama ada tahu atau tidak tahu adalah menjadi tanggungjawab wakil rakyat untuk mengetahui program ini. Kita telah mengedarkan sebenarnya surat pekeliling ini.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sabak Bernam, sila duduk. Jawapan belum habis.

**Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman:** ..kepada semua pejabat bahagian di seluruh negara. Kalau pejabat Ahli Yang Berhormat bagi Jasin tidak menerimanya, kita boleh panjangkan surat pekeliling tersebut. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sabak Bernam.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Setiausaha Parlimen. Sabak Bernam mengambil masa lebih tiga bulan untuk mewujudkan pejabat TEKUN. Pejabat itu telah disediakan. Jadi, saya hendak bertanya dengan mudah supaya kalau boleh kementerian ini dapat mengerakkan pegawai supaya dapat menjadualkan atau menyusun program supaya lebih cepat ditubuhkan. Jadi, Ahli Parlimen kita memang membantu. Masalahnya ialah kita lihat pegawai TEKUN ini sangat lambat. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Boleh diaturlah Yang Berhormat.

**Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman:** Boleh. Boleh diatur.

10. **Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan apakah rancangan infrastruktur di luar bandar sebagai usaha untuk menghalang atau mengurangkan penghijrahan penduduk ke bandar-bandar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri. Soalan No. 10, Yang Berhormat. Tidak mengapa. Tunggu, sebab ada dua yang datang, Menteri dan Timbalan Menteri.

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Timbalan Menteri boleh jawab.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sememangnya bertanggungjawab menyediakan kemudahan-kemudahan infrastruktur di luar bandar yang meliputi beberapa program, seperti mana yang sedia maklum iaitu:

- Program Jalan Luar Bandar,
- Program Jalan Kampung,
- Projek Bekalan Air Luar Bandar,
- Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar,
- Projek Lampu Jalan Kampung.

Pada masa yang sama Program Pemodenan Kampung juga ada dilaksanakan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan guna sama seperti dewan serba guna untuk kegunaan masyarakat setempat.

Walau bagaimanapun projek-projek dan program yang dilaksanakan oleh kementerian ini tidak dapat menghalang penghijrahan penduduk ke bandar-bandar. Ini kerana terdapat banyak faktor lain terutamanya keadaan ekonomi dan peluang pekerjaan di bandar-bandar yang menarik penghijrahan tersebut.

Walau bagaimanapun kementerian akan terus berusaha ke arah menyediakan kemudahan-kemudahan infrastruktur dan utiliti semoga ketiadaan kemudahan asas ini tidak langsung menjadi penyebab kepada penghijrahan penduduk luar bandar ke bandar-bandar.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya ialah, adakah kerajaan bersedia untuk meminta syarikat-syarikat gergasi dalam negara Malaysia mewujudkan anak-anak syarikat seperti kilang-kilang dan sebagainya di luar-luar bandar dalam usaha untuk

meningkatkan jumlah peluang pekerjaan dan usaha mengurangkan penghijrahan masyarakat luar bandar ke bandar. Terima kasih.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Sememangnya menjadi dasar kerajaan semoga kegiatan-kegiatan ekonomi ini diagihkan di seluruh negara dan tidak berpusat di bandar-bandar sahaja. Bahkan sekian lama terdapat insentif-insentif lokasi (*location incentive*) yang diberikan oleh kerajaan semoga kegiatan ekonomi ini sama ada melalui anak-anak syarikat ataupun usaha sama, ataupun pelaburan sendiri oleh syarikat-syarikat besar ini dibuat di kawasan-kawasan luar bandar. Tetapi seperti mana yang kita lihat, walaupun dasar ini sudah lama dilaksanakan masih terdapat ruang-ruang di mana ianya perlu lagi dipertingkatkan.

Oleh kerana kita tidak dapat memaksa syarikat-syarikat besar ini membuat pelaburan, di mana yang kita mahu selain daripada mengadakan insentif-insentif, maka itulah sebabnya kita tidak dapat melihat kegiatan ekonomi ini dilaksanakan di seluruh pelosok tanah air seperti mana yang diidam-idamkan oleh dasar kita.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Menteri. Pertama sekali syabaslah kepada kedua-dua peneraju kementerian menang MKT UMNO dan ini merupakan amanah dan mereka perlu bekerja keras nampaknya.

Soalan tambahan, apakah kementerian berhasrat untuk menganjurkan bersama-sama dengan kementerian-kementerian yang lain secara menyeluruh iaitu, contohnya seperti mengajak remaja ataupun belia balik kampung. Apabila ada program belia balik kampung, ini bermakna kementerian kenalah menjuruskan beberapa program-program demi meyakinkan mereka termasuk memberi pembangunan ekonomi, termasuk kepada saya memanggil sektor-sektor korporat yang telah berjaya untuk menyalurkan kewangan sebab penghijrahan belia-belia luar bandar ke bandar ini telah mendatangkan mudarat kepada masyarakat di bandar, bukan tujuan mereka hendak mencari pekerjaan tetapi mereka terlibat dalam penagihan dadah. Mereka terlibat dengan pencurian, penyamun dan pembunuhan. Minta pandangan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Kementerian dapat meneliti dan mengkaji sekiranya sesuatu seperti mana yang dicadangkan oleh ahli-ahli Yang Berhormat itu dan kerjasama semua kementerian-kementerian berkenaan. Tetapi kita juga harus mengingati bahawa penghijrahan daripada luar bandar ke bandar ia menepati hasrat

dan cita-cita kita untuk mengeluarkan penduduk-penduduk luar bandar daripada kemiskinan. Kalau mereka terpaksa berada di luar-luar bandar tanpa peluang-peluang pekerjaan yang mencukupi tanpa pekerjaan yang boleh menghasilkan pendapatan supaya mereka tidak kekal miskin maka penghijrahan ini adalah satu-satu caranya walaupun kita sedar ia boleh mendatangkan masalah di bandar-bandar tetapi kita juga perlu ingat kalau mereka berada di luar-luar bandar mereka juga tanpa pekerjaan akan terlibat dalam masalah-masalah seperti mencuri, dadah dan sebagainya. Saya rasa ia bukanlah mestinya satu penyelesaian tetapi apa juga cara yang boleh mengurangkan masalah-masalah ini dapat kita fikirkan dan apa juga cadangan yang dapat kita teliti. Sekian, terima kasih.

**11. Tuan Lim Hock Seng [Bagan]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan sama ada sedar walaupun terdapat subsidi diesel untuk nelayan tetapi para nelayan sukar mendapatkan bekalan diesel dengan harga subsidi. Apakah langkah-langkah yang lebih berkesan supaya faedah tersebut etul-betul dapat dinikmati oleh para nelayan.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini sedar terdapat masalah yang dihadapi oleh sebilangan kecil nelayan untuk mendapatkan bekalan minyak diesel dengan harga-harga subsidi. Antara sebab-sebabnya ialah pertama bekalan subsidi minyak diesel yang dikendalikan oleh persatuan nelayan kebangsaan ataupun NIKMAT disalurkan melalui persatuan nelayan kawasan. Pada masa ini hanya terdapat 49 persatuan nelayan kawasan sahaja yang terlibat dalam pembekalan minyak diesel dengan harga subsidi di pangkalan kawasan berkenaan. Baki 27 persatuan nelayan kawasan masih belum melibatkan diri memandangkan bilangan *vesse/* menangkap ikan yang menggunakan enjin diesel adalah kecil dan tidak *economic*.

Kedua, terdapat jeti pendaratan yang berselerak dan bilangan *vesse/* yang kecil yang menyebabkan tidak ada pihak yang berminat untuk membekalkan minyak diesel dengan harga subsidi kerana tidak *economic* selain daripada melibatkan kos penyediaan *skip tank*, pam serta kos operasi yang tinggi.

Ketiga, pada musim-musim tertentu terdapat kes di mana penggunaan minyak diesel yang tinggi melebihi daripada bulan-bulan yang lain dan melebihi kuota bulanan

yang ditetapkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Apabila penggunaan melebihi kuota yang dibenarkan nelayan terpaksa membayar harga mengikut harga pasaran biasa tanpa subsidi.

Bagi mengatasi masalah ini kementerian ini telah mengambil tindakan seperti berikut:

- (i) meminta NIKMAT membantu persatuan nelayan kawasan dalam menyediakan perkhidmatan bekalan minyak diesel dengan harga subsidi dengan lebih luas agar ia dapat memenuhi keperluan nelayan.
- (ii) membenarkan nelayan-nelayan tempatan mendapatkan bekalan minyak diesel dengan harga subsidi daripada syarikat swasta yang telah mendapat kelulusan untuk membekalkan minyak diesel bersubsidi di kawasan berkenaan. Untuk memastikan skim ini memberikan manfaat kepada nelayan.
- (iii) kementerian melalui NIKMAT sentiasa memohon tambahan kuota mengikut kawasan dari masa ke semasa untuk memenuhi keperluan nelayan.
- (iv) Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan NIKMAT sentiasa membuat pemantauan bagi memastikan tidak berlaku penyelewengan serta memastikan keperluan nelayan-nelayan dapat dipenuhi.
- (v) pihak Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Kastam juga sentiasa menjalankan pemeriksaan dari masa ke semasa bagi memastikan tidak berlaku unsur-unsur penyelewengan dan memastikan skim subsidi ini berjalan dengan lancar dan telus.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat masa untuk soal jawab sudah cukup.

***[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan telah tamat]***

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2005***DAN***USUL  
ANGGARAN PEMBANGUNAN 2005****Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2005 dan Anggaran Pembangunan 2005 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis [*Hari Pertama*]

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**11.06 pagi**

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Dengan ini saya meminta Menteri Kewangan mengemukakan Anggaran Perbelanjaan bagi semua kementerian.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada RM68,676,181,000.00 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2005 bagi maksud-maksud bekalan B.1 hingga B.13, B.20 hingga B.32, B.40 hingga B.49, B.60 hingga B.62 untuk kementerian-kementerian dan jabatan berkenaan dijadikan Jadual dan wang sejumlah tidak lebih daripada RM28,303,894,600.00 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan tahun 2005 bagi maksud-maksud pembangunan P.6, P.7, P.10, P.13, P.20 hingga P.32, P.41 hingga P.49, P.60 hingga P.62 dan P.70 untuk kementerian-kementerian dan jabatan yang berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam penyata yang dibentangkan sebagai Lampiran A dan Lampiran B, Kertas Perintah 39 tahun 2004 dijadikan anggaran perbelanjaan.

Tuan Pengerusi, keperluan bagi mengadakan peruntukan Anggaran Perbelanjaan Mengurus tahun 2005 dan juga Anggaran Perbelanjaan Pembangunan

tahun 2005 telah pun dibentangkan. Di samping itu penjelasan lanjut mengenai cadangan-cadangan anggaran ini adalah juga diberi dalam Kertas Perintah 39 tahun 2004 dan buku Bajet Persekutuan 2005 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 40 tahun 2004. Oleh itu saya tidak berhajat hendak memberi apa-apa penerangan tambahan lagi. Tuan Pengerusi, saya mahu mencadangkan.

**Maksud B.1, B.2, B.3, B.4, B.5, B.6, 7, B.8, B.9 dan B.40 [Jadual] -  
Maksud P.6 dan P.7 [Anggaran Pembangunan 2005] –**

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat kepala bekalan B.1 hingga B.9 dan B.40 dan kepala pembangunan P.6 dan P.7 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat, di peringkat Jawatankuasa saya ingin menghadkan masa 10 minit bagi setiap ahli berucap. Yang Berhormat Ipoh Timur.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Bahas apa begitu banyak isu-isu di hadapan kita.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat semua bijak tahu keluarkan soalan memang boleh.

**Tuan Lim Kit Siang:** Okey kalau begitu apa boleh buat. Sangat demokratik negara kita. Yang pertama, Tuan Pengerusi saya sebut mengenai apa yang dalam BPR, korupsi. Dalam Julai ada satu *opinion poll* Yang diadakan oleh Center for Opinion Research dan Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa yang mengenai *post election* dan antara soalan yang dikemukakan ialah mengenai tahap perang menghapuskan rasuah. Golongan yang manakah dirasakan akan paling terjejas sama ada VIP atau kakitangan awam yang biasa. Jawapan adalah 38% merasakan bahawa hanya ikan-ikan kecil yang akan ditangkap, saya tidak tahu sama ada di sini ikan-ikan kecil atau bukan ikan kecil. Kalau bukan ikan kecil berdirilah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat di sini semua ahli Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Sama ada ikan kecil atau ikan besar belum tahu. Dan jawapan adalah 38% merasakan bahawa hanya ikan-ikan kecil yang akan ditangkap, 28% merasakan bahawa ikan-ikan besar akan ditangkap manakala 21% berkata bahawa kedua-duanya akan terjejas. Saya percaya bahawa sekiranya tinjauan

pendapat ini diadakan pada masa sekarang. Hasil siasatan akan agak berlainan di mana peratusan yang lebih tinggi dari 38% responden dalam bulan Julai yang akan merasakan bahawa hanya ikan-ikan kecil yang akan ditangkap khasnya setelah berlaku politik wang paling teruk dalam sejarah pilihan raya parti UMNO minggu lepas.

Pada hakikatnya peranan dan keupayaan BPR untuk menangkap dan mendakwa ikan-ikan besar yang bertanggungjawab terhadap politik wang paling teruk dalam sejarah pilihan parti UMNO akan merupakan ujian asid test mengenai sama ada perang yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru terhadap gejala rasuah akan terus kekal pada peringkat retorik dan merosok menjadi cakap tidak serupa bikin. Bukannya DAP yang berkata bahawa pilihan raya parti UMNO baru-baru ini pada peringkat Naib Presiden dan MT adalah yang paling teruk dalam sejarah UMNO. Tetapi ia merupakan pendapat para pemimpin UMNO sendiri yang menghuraikan fenomena berkenaan sebagai, dengan izin 'Christmas early year', di mana para perwakilan UMNO telah disogok dengan wang upahan tambahan yang juga dihuraikan curahan wang dan hujan salji jumlahnya dari RM1000 atau RM2000 atau RM3000 pada malam sebelum pilihan raya parti. Semuanya boleh berjumlah setinggi beratus-ratus juta ringgit, kalau bukan berpuluh-puluh juta ringgit untuk pilihan raya parti UMNO.

Menteri Penerangan sebagai contohnya telah menghuraikan pilihan raya parti UMNO pada 23 September sebagai politik wang yang paling teruk sekali dalam tempoh 34 tahun beliau memegang jawatan peringkat kebangsaan dalam parti menjanjikan politik wang kali ini paling teruk sekali dalam sejarah parti UMNO. Ini benar, boleh dinafikan bahawa Yang Berhormat Menteri ada membuat kenyataan begitu.

Menteri Pertanian yang sama-sama seperti yang lain-lain pemimpin tertinggi UMNO secara terbuka pun mengakui bahawa politik wang merupakan bukan satu rahsia terbuka, *open secret*. Apa yang paling ketara dalam ini ialah bahawa tiada seorang pun pemimpin tertinggi UMNO yang secara tegas menafikan bahawa pilihan parti UMNO baru-baru ini telah tercemar oleh politik wang. Tidak ada yang berani menafikan. Apa yang ada hanyalah suara-suara yang sama ada meminta supaya bukti dikemukakan atau seperti mana yang disuarakan oleh pemenang undi tertinggi jawatan Naib Presiden UMNO yang sangat tidak diperanjatkan, Tan Sri Mod. Isa yang meminta semua orang berhenti cakap mengenai politik wang di dalam pilihan parti

UMNO. Bagaikan dengan tidak membangkitkan isu ini akan dapat membantu menghapuskan rasuah parti politik paling buruk di negara ini.

Yang Berhormat dari Kota Bharu telah berkata minggu lepas bahawa adalah salah untuk menganggap bahawa setiap perwakilan UMNO terlibat dalam politik wang dan bahawa beliau tidak pernah menerima satu sen pun rasuah. Saya percaya kata-kata Yang Berhormat Kota Bharu dan pasti ramai perwakilan dan pemimpin UMNO yang tidak tercemar dengan budaya politik wang ini, saya bersetuju tetapi orang-orang yang protes sekarang mungkin terlibat dalam senarai yang bersih itu. Sebab itu protes begitu lantang oleh sebab mungkin mereka terlibat, inilah juga sebab yang dapat menjelaskan mengapa sesetengah pemimpin UMNO sama ada yang bertanding jawatan Naib Presiden atau MT telah dikalahkan, bukannya semua perwakilan UMNO yang terlibat dalam politik wang, saya setuju tetapi ini tidak dapat menafikan keseriusan dan berleluasanya politik wang dalam pilihan parti UMNO baru-baru ini.

Khasnya pada masa UMNO di bawah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mahu memelopori satu kempen membanteras rasuah, mahu sebuah kerajaan yang bersih tidak *corruptible* dan boleh menjadi teladan mengenai integriti dan sebenarnya ini dengan izin, buat satu *mockery, mockery* kepada *national unity plan*, ada suara-suara kata bahawa khasnya daripada Yang Berhormat saya tidak tahu Yang Berhormat di depan saya, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, yang kata UMNO boleh mengendalikan menangani isu ini, tidak payahlah ACA campur tangan. Itulah pandangan UMNO, tetapi kalau begitu bukannya ini satu *mockery national unity plan*, semacam UMNO ada immunity dikecualikan daripada proses mengadakan satu sistem yang berintegriti dan itulah sebagai Parlimen dalaman.

Perhimpunan Agung UMNO sudah gagal khasnya dalam satu peristiwa yang begitu penting untuk menunjukkan teladan bersih tidak korup, Parlimen perlu dalam sesi ini mengeluarkan mesej yang jelas bahawa tidak sesiapa termasuk UMNO sungguh *backbone* Barisan Nasional boleh dikecualikan daripada proses integriti dan kalau ada berlaku politik wang, itu perlu disiasat oleh ACA dan tidak kata bahawa inilah perkara masalah dalaman, tidak boleh, kalau begitu adakah ini bererti bahawa korupsi boleh berlaku dalam UMNO tetapi tak boleh lain daripada UMNO, ini tidak boleh diterima dan ACA ada kata bahawa ada menteri-menteri yang kata bahawa selain daripada laporan dibuat ACA tidak boleh buat apa-apa, ini tidak benar oleh kerana kita ada tengok ada contoh di mana ACA dengan sendiri buat laporan dan kes

yang terkenal ialah pada tahun 1999 apabila ACA buat laporan sendiri atas Statutory Declarations yang dibuat oleh Murad, bekas Timbalan Gabenor Bank Negara atas Statutory Declarations yang buat tuduhan bahawa apabila bekas Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim menjadi Timbalan Perdana Menteri dia ada kumpul RM30 bilion income, pendapatan daripada 30 Master Accounts, sampai sekarang tidak tahulah apa yang telah berlaku.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat boleh gulung.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, mahu gulung. Baru bukan tajuk pertama tajuk bermuka sahaja.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk].*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat dua minggu yang lepas sudah berucap.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, saya di sini, ini tidak adillah mana boleh.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup adil Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Yang Berhormat Menteri ada kata bahawa ini ialah bukan iklan, ini sangat jelas bukan mengenai dengan izin, *[Bertutur dalam bahas Cina]* bahawa sistem korupsi bukan masa lampau.

**Puan Chong Eng:** Ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Sekarang berakar umbi, *rotten and corrupt to very core* *[Bertutur dalam bahas Cina]* bahawa untuk beberapa tahun, barulah Paklah berani untuk menyuarakan mahu memerangi rasuah seperti Pao Kong, Justic Pao, sekarang mana? Kalau cakap sahaja tidak serupa bikin dan Yang Berhormat kata ada sebut mengenai Bolivia, saya kata buat amaran bahawa dengan semacam Bolivia di mana ada Nasional Integriti Pelan tetapi akhirnya lebih corrupt. Yang Berhormat kata ini oleh kerana di Bolivia mereka bukan itu khusus antirasuah, saya ada baca itu Nasional Integriti Pelan. Itu tidak benar.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, sudah gulung. Yang Berhormat nampaknya diberi nasihat yang silap, itu tidak benar, Bolivia National Integrity Plan lebih menyeluruh daripada Nasional Integriti Plan Malaysia. Ada mengenai keutuhan integriti kehakiman pun dalam Nasional Integriti Pelan Malaysia, tidak berani menyebut mengenai kebebasan, keutuhan, kehakiman, itulah saya harap bahawa kita perlu ada Parlimen,

Menteri-menteri yang lebih berkesan yang lebih cekap, semalam akhirnya semalam Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan memberi jawapan yang kita tahu, tidak benar, tidak benar. Kenapa boleh berlaku, kenapa boleh berlaku mengenai komersial vehicle syarat yang mewajibkan penyertaan bumiputera sudah dibatalkan semalam, tetapi dalam Dewan beliau kata tidak benar, akhirnya apabila baca ucapan beliau akhirnya ada perenggan yang mengandungi benar [Ketawa]. Menunjukkan beliau tidak faham apa dia baca, tidak faham apa dia kata, bukankah patutlah kalau kita ada satu kerajaan yang cekap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri patutlah gantung jawatan beliau selama enam bulan sekurang-kurangnya, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengakui silap, kalau kita semacam Barisan Nasional.

**Seorang Ahli:** Masa cukup

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masa cukup.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kita akan menuntut Yang Berhormat ditanggung 10 hari semacam....

**Seorang Ahli:** Masa cukup.

**Tuan Lim Kit Siang:** Beliau mahu Yang Berhormat Bukit Gelugor di suspend 10 hari sungguh dia minta maaf.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sekarang kita di Jabatan Perdana Menteri bukan di Kementerian.

**Tuan Lim Kit Siang:** Parlimen, mengenai Parlimen, tetapi itu Parliamentary performance.

**Seorang Ahli:** Masa cukup.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya harap akhirnya kita mahu Parliamentary reform, modernization, kita harap kita boleh bermula dengan itu dan jangan - 10 minit apa boleh cakap?

**Seorang Ahli:** Masa cukup.

**Tuan Lim Kit Siang:** Dalam Perdana Menteri, saya rasa ini tunjuk kita perlu Parliamentary reform.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah, cukuplah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Okey.

**Seorang Ahli:** [Menyampuk].

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa, sibuk, apa bising, bising apa itu?

**Seorang Ahli:** Masa cukup.

**Tuan Lim Kit Siang:** Patut setuju kita mahu faham reform lebih masa untuk bahas masalah rakyat, jangan kacau-kacau apa itu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, sebelum reform apa yang diputuskan perlu patuhlah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, tetapi dengan lewat untuk reform sekian.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah. Santubong.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** 10 minit Tuan Pengerusi, ha dengar orang cakap.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat perlu memberikan satu contoh yang baik ya.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Haa, saya akan tunjuk contoh yang baik kepada mereka-mereka ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk].*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Jangan buang masa sekarang terus berucap.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, terima kasih Tuan Pengerusi. Yang pertama saya hendak sentuh soalan Parlimen Tuan Pengerusi, sentuh soalan Parlimen, saya harap semua Ahli Parlimen menyokong cadangan saya ini.

**Seorang Ahli:** *[Sokong].*

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Yang pertama saya hendak sentuh soalan Parlimen ialah soalan kewangan. Datuk Menteri sendiri memang taat menjaga Parlimen tengok Parlimen dengar kita punya ucapan bahas kita di Parlimen. Dahulunya Tuan Pengerusi, apabila saya menjadi Ahli Parlimen pada tahun 1990, parlimen menjaga kewangan sendiri, Parlimen *control* kewangan dia yang Parlimen lulus diserahkan dengan Parlimen dan Parlimenlah beri, Parlimenlah jaga kewangan. Tetapi pada satu ketika pada tahun 90'an semasa saya juga berada di Parlimen, sumber kewangan ini Parlimen sendiri lulus kepada Parlimen diserahkan kepada Kementerian Kewangan untuk di kawal selia. Jadi dalam keadaan sedemikian banyakkah Ahli-ahli Parlimen yang terasa terkena.

Oleh kerana Ahli Parlimen kalau bersidang dalam masa dua bulan setengah ini kredit kad mereka hanya mungkin satu bulan sahaja boleh bayar untuk bayar hotel

tetapi tuntutan sampai ke Kementerian Kewangan datang dua bulan selepas itu kredit kad tidak boleh lagi sudah. Jadi macam mana Ahli Parlimen hendak buat, hendak berhutang ke tempat lain, 'along' pun susah, TEKUN pun susah dipinta. *[Ketawa]*

Hah! Ini Setiausaha Parlimen beritahu memang susah, Ahli Parlimen memekik, melolong mengatakan susah hendak cari TEKUN. Jadi macam mana Ahli Parlimen hendak cari sumber kewangan untuk membayar, menyara diri semasa duduk di hotel untuk makan dan sebagainya dan untuk *transport*. Khususnya untuk orang Sarawak dan Sabah tidak ada kereta sendiri di sini.

**Beberapa Ahli:** Ooh! Betul...

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Jadi saya bermohon kepada pihak kerajaan, menatang jari sepuluh Tuan Pengerusi, minta sokong Yang Berhormat Menteri beritahu rintihan Ahli Parlimen ini supaya sumber kewangan dilulus oleh pihak Parlimen ini diserahkan balik kepada Parlimen untuk ditadbirkan kewangan ini, itu yang pertama.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, kalau kita lihat apabila kita hendak buat *refurbishment* ataupun pengubahsuaian Parlimen ini supaya ia ceria, baik, elok sedikit setaraf dengan parlimen-parlimen yang unggul di negara-negara dunia lain, sumber kewangannya ditadbir oleh pihak lain, bahkan orang Parlimen, Setiausaha Parlimen sendiri pun tidak tahu apa berlaku, macam mana hendak diperbuat, nasiblah kepada ketika itu kita punya Presiden Backbenchers peka dengan kehendak itu, kita *intervene*, kalau tidak Tuan Pengerusi, saya tidak tahu macam mana kewangan itu dibelanjakan untuk Parlimen tetapi Parlimen sendiri tidak tahu. Macamlah yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Jasin mengatakan TEKUN dibuat di kawasan dia, dia sendiri tidak tahu sama ada TEKUN ada di kawasan dia atau tidak ada di kawasan dia. Ini Ahli Parlimen selalu kena *marginalise*, Tuan Pengerusi.

**Beberapa Ahli:** ***Betul Tuan Pengerusi!***

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Dan sekarang Parlimen sendiri di *marginalise*, kita lulus sumber kewangan untuk kerajaan, untuk kementerian, untuk jabatan tetapi kewangan kita sendiri yang anehnya orang lain yang tadbir. Saya memohonlah kepada kerajaan, saya cukup yakin Menteri kita akan menyokong bahawa Ahli Parlimen sekalian membantu menyokong supaya kewangan Parlimen ini diserahkan kembali kepada Parlimen sebagaimana diamal dahulu-dahulu lagi. *[Tepuk]* Itu yang pertama.

Yang kedua soalan Parlimen juga, Tuan Pengerusi. Kalau kita lihat hanya Tun Speaker sahaja yang terawang-awang duduk protokolnya di atas. Timbalan Speaker, minta maaf, jauh diteropong pun tidak nampak.

**Beberapa ahli:** Ya, betul!

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Baru sekarang saya dengar bahawa Timbalan Speaker diberi sama tahap dengan Timbalan Menteri.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ya, sokong.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Timbalan Menteri, Tuan Pengerusi, mintalah Timbalan Speaker Parlimen Malaysia ini ditahap yang lebih tinggi sedikit. *[Tepuk]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ya, sokong, sokong.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Parlimen ini Tuan Pengerusi, Parlimen ini salah satu organ kerajaan..

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** *[Menyampuk]*

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Parlimen ini salah satu organ kerajaan, yang satu executive, judiciary dan legislature. Tetapi tahap kita orang dalaman ini tidak sama pun dengan executive, diketuk kepala oleh pihak executive. Hanya Tun seorang sahaja tarik tali di atas tinggi, tetapi orang bawahan atau anak-anak di Dewan ini semua rendah belaka. Pegawai Ahli Parlimen ini sama rendah dengan pegawai managerial dan group sahaja dalam aturan protokol dan aturan kemudahan dan sebagainya oleh kerajaan kerana mengaturnya ialah pihak executive, Tuan Pengerusi, kita meluluskan sumber kewangan daripada segi hakikat dan undang-undang ini tetapi kita pula yang menjadi orang bawahan kalau dibandingkan oleh pihak-pihak lain.

Saya pernah dicaci dalam internet oleh sebab menyarankan perkara ini tetapi tahap kita Tuan Pengerusi, ini Dewan yang mulia meluluskan semua dasarnya mesti di sini. Kalau ada keputusan semua buat di sini, dasar negara di sini tetapi kitalah yang terendah sekali. Saya memohon pihak kerajaan menerusi Menteri bersama dengan Ahli-Ahli Parlimen yang berada bersama ini saya dilantik menjadi Pengerusi jawatankuasa oleh Backbenchers menyelidik saranan Parlimen, jadi saya bercakap bagi pihak Parlimen, bagi pihak Backbenchers, bukan saya sendiri, bukan Dato' Wan Junaidi bercakap di sini. Saya mewakili semua Ahli Parlimen untuk memartabatkan

Parlimen ini setahap dengan pihak-pihak executive dan pihak-pihak judiscary. Tuan Pengerusi, saya cukup yakin.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat ....

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:....** wakil Kinabatangan akan sebut .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Nampaknya disokong oleh semua.  
*[Dewan riuh seketika]*

**Beberapa ahli:** Ya, semua!

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Insya-Allah Tuan Pengerusi, Insya-Allah termasuk Tuan Pengerusi sendiri akan sokong.

**Seorang ahli:** Pembangkang pun sama!

**Seorang Ahli:** Allahuakbar!

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Kita hendak memartabatkan Parlimen, kita hendak memartabatkan judiscary, kita hendak memartabatkan semua badan tetapi Parlimen adalah yang muda dalam peraturan yang kita lihat sekarang ini.

**Seorang ahli:** Bawah sekali!

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Bawah sekali, itu pun jauh di belakang, dalam segi protokolnya kita duduk di belakang....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat, tajuk yang ketiga?

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Bukankah mudah hanya kita duduk belakang, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Itu cukuplah, tajuk yang ketiga.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Pengerusi, saya pindah ke satu perkara kecil, Tuan Pengerusi. Saya sudah bincang soalan minyak, Tuan Pengerusi, dengan Kementerian Pengguna dalam .....

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** *[Bangun dan beredar]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** *[Sambil memandang ke arah Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]* Dia ingat Menteri hendak minta penjelasan!

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Ketawa]* ..dengan Kementerian Pertanian saya sudah bincang tentang soalan subsidi minyak ini, Tuan Pengerusi.

Saya di sini dalam kementerian Perdana Menteri ini, tidak ada lain tempat yang tertinggi lagi saya memohon supaya subsidi minyak ini dilihat semula. Pada masa sekarang kita ada dua subsidi minyak, satu subsidi minyak yang di filling station yang mana penjualan minyak satu liternya, 70 sen lebih tetapi subsidi minyak diberi dengan nelayan-nelayan kita yang miskin, papa kedana, di tepi laut, di tepi longkang, di tepi sungai, di mana-mana itu RM1.25 sen.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ini di bawah...

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Jadi mana letaknya subsidi?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ini mana satu butiran?

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Ini soalan ...sebab daripada segi dasarnya, Tuan Pengerusi, ini dalam Perdana Menteri.

**Beberapa Ahli: [Ketawa]**

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Petronas di bawah Perdana Menteri, minyak Perdana Menteri, mana ada tempat lain lagi?

**Seorang ahli: [Menyampuk]**

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Jadi saya hendak cakap Pertanian, Pertanian kata ini Kementerian Pengguna, saya cakap Kementerian Pengguna, ini Kabinet punya cerita, jadi di sinilah letaknya...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Menyampuk]**

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya sudah tiga hari cerita ini sahaja, jadi saya kali ini saya bermohon kepada pihak semua nelayan kecil-kecil, orang yang miskin-miskin di luar bandar, di persisiran itu minyak ini jangan di pegged dengan international pricing kerana apabila di pegged dengan international pricing naikhlah juga harga minyak di antarabangsa, naikhlah juga subsidi harga minyak yang di subsidize kononnya kepada nelayan-nelayan di tepian laut.

Jadi macam mana, orang yang merayau-rayau suka dan naik Pajero dan sebagainya dapat subsidi rendah tetapi nelayan yang mencari hidup dan menyara hidup di tepian laut menangkap ikan dan mengail ikan dapat subsidi tinggi.

**Beberapa ahli: [Ketawa]**

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Ini tidak adil, Tuan Pengerusi.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Betul, betul Yang Berhormat bilang tidak adil!

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Jadi saya bermohonlah supaya subsidi kepada mereka ini khususnya nelayan-nelayan kecil di tepian laut, di tepi sungai, di kampung di luar bandar, termasuk juga mereka yang mengusahakan teksi-teksi bukan kaya orang ini, dapat subsidi yang sewajarnya yang diluluskan oleh pihak Kabinet, bukan di pegged dengan international pricing. Apabila Amerika tidak bom Iraq, hendak bom lagi Iran, bom ke sana sini, minyak memang banyak, matilah nelayan di Malaysia.

Tuan Pengerusi, saya bermohon, saya tidak banyak cerita ini bukan untuk saya, untuk semua soalan Parlimen, untuk nelayan di luar bandar. Saya bermohonlah kerajaan melihat dengan secara serius, kita sudah menang begitu elok sekali dalam pilihan raya yang lepas. Gunakan mandat kita ini untuk memperbaiki kedudukan orang yang telah menyokong kita tidak berbelah bagi.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Saya cukup yakin Ahli-ahli Parlimen di sini akan menyokong permohonan saya ini.

**Semua ahli:** Ya, sokong!

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Masa pun sudah habis!

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Pengerusi, saya sudah habis cerita?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, ya, masa pun sudah habis!

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Masa sudah habis?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya!

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Baiklah, Tuan Pengerusi, sebagaimana yang saya janjikan saya akur dengan arahan Tuan Pengerusi, permohonan dua ini harap mendapat.....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Perhatian!

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** .....perhatian, saya melihat Menteri Pembangunan Luar Bandar memang dia tahu soalan-soalan dan masalah ini.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup Yang Berhormat, ya!

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** ....menyokong dalam Kabinet nanti, Insya-Allah. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, saya jemput Jerai. Jerai,, Dewan mengalu-alukan nampaknya ada orang daripada Jerai datang.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Ya, ya terima kasih Tuan Pengerusi. Ada, ada daripada Jerai dan Putrajaya ini. Assalamualaikum!

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dewan yang mulia ini mengalu-alukan pelawat-pelawat yang hadir.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Richard Riot anak Jaem:** Serian juga, Serian!

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Serian pun datang.

**Tuan Richard Riot anak Jaem:** Ya, Serian.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Inilah para penyokong kerajaan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Teruskan, masa berjalan Jerai.

**11.32 pagi.**

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Sepuluh minit, sepuluh minit.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Pengerusi, saya ingin membahaskan Kepala Bekalan B.1 dengan B.9 dan B.40 Jabatan Perdana Menteri. Pertamanya Yang Berhormat, kita kena faham bahawa Ahli-ahli Parlimen ini bukannya di lantik. Ahli-ahli Parlimen ini telah dipilih oleh rakyat. Rakyat memberi kepercayaan kepada Ahli Parlimen dan di sinilah rakyat merintih, merayu, memohon dan meminta sesuatu sama ada penggubalan dasar, sama ada peruntukan, sama ada pembangunan, sama ada membasmi kemiskinan, pendidikan dan sebagainya di dalam perbelanjaan negara kita ini.

Jadi ini Parlimen, Yang Berhormat, masuk di bawah Parlimen. Yang Berhormat pun tidak baca macam mana....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sri Gading bangun.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Jadi sebagai Ahli Parlimen....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sri Gading bangun. Hendak beri jalan?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** 20 saat, 20 saat sahaja!

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Hah! Okey, okey...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Jerai ini sepatutnya tidak boleh duduk di situ lagi. Apabila dia sudah menang Timbalan Pengerusi tetap UMNO kekananannya dalam parti akan menyebabkan dia kena pindah duduk ke blok yang lain.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ini pandangan saya Tuan Pengerusi, pihak Parlimen kena ambil perhatian dan kena hormat keputusan parti, terima kasih. Bersetuju Jerai? Bersetuju?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih Sri Gading tetapi saya lebih seronok di sebelah Backbenchers kerana saya boleh menyuarakan hasrat dan pandangan rakyat daripada saya berada di sebelah sana kerana saya tidak boleh menyuarakan, hanya mengikut arahan dan peraturan. Jadi, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, apabila rakyat memilih Ahli-ahli Parlimen, ini adalah satu tempat yang tertinggi kita menggubal segala undang-undang di dalam negara kita ini. Kita boleh menggubal juga Perlembagaan Negara dan segala undang-undang perbelanjaan negara di sini yang kita luluskan.

Saya menyarankan supaya menteri hadir dan hari ini alhamdulillah, saya nampak sahabat-sahabat kita hadir untuk mendengar rintihan rakyat walaupun kita ada timbalan menteri dan setiausaha Parlimen, tetapi komitmen seorang menteri itu terhadap kementeriannya itu adalah penting supaya mereka memahami apa yang dikeluarkan oleh wakil-wakil rakyat ini adalah rintihan rakyat, bukan atas kehendak peribadi supaya menteri faham dan boleh bawa ke dalam *Post Cabinet* dan berbincang sama ada dasar yang kita bincangkan ini betul atau tidak betul dan boleh diterima oleh rakyat.

Yang keduanya iaitu dari segi kita meluluskan undang-undang. Selalunya dibentangkan oleh menteri, kita hanya berbahas dan akhirnya walaupun kita menyuarakan sesuatu, perkara itu tidak dipinda, dikekalkan dan dijadikan peraturan dan undang-undang.

Jadi, saya berharap ke hadapan ini biarlah Dewan Rakyat ini berbahas dahulu, Dewan Rakyat ini memberi teguran dan pandangan dan akhirnya *bill* dan rang undang-undang itu diubahsuai supaya ia dapat menyesuaikan dengan kehendak rakyat di mana kami mewakili rakyat di bandar dan di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu saya ingin bercakap iaitu tentang protokol dan sebagainya, tidak apalah, itu telah disuarakan oleh Yang Berhormat bagi Santubong. Ini pun satu hal, Tuan Yang di-Pertua. Kita ini pun tidak tahu di mana *position* kita. Kadang-kadang KSN itu lebih tinggi *position* daripada Ahli Parlimen, sedangkan yang meluluskan undang-undang adalah kita. Bukanlah saya hendak iri hati dengan pegawai kerajaan, tidak, tetapi kami hendakkan satu kedudukan yang sah. Tang mana ini, kategori mana kami diletakkan ini? Bawah daripada Timbalan Perdana Menteri kah, bawah Setiausaha Parlimen kah, macam manakah? Jadi, ini tidak apalah. Minta pihak Jabatan Perdana Menteri kaji kerana masa tidak mencukupi untuk saya.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan harga minyak kita akan naik mengikut pasaran dunia dan bila harga minyak naik, sudah tentu rakyat ataupun kerajaan akan cuba mensubsidikan harga minyak itu. Tetapi secara keseluruhannya ini akan melibatkan masalah rakyat. Apabila harga minyak naik, maka harga barang akan naik dan segala-galanya akan naik.

Jadi, saya ingin tahu apakah sumbangan Petronas balik kepada negara kita ini. Petronas, sebuah syarikat gergasi di negara kita ini yang mendapat keuntungan berbilion-bilion ringgit, mungkin sumbangan balik kepada kerajaan ataupun kepada rakyat itu ada, tetapi mungkin kita tidak faham dan kita tidak dimaklumkan tentang bantuan balik ataupun sumbangan balik Petronas kepada kerajaan. Apakah kerajaan harus mensubsidikannya? Mungkin Petronas boleh mensubsidikan harga minyak ini kerana di atas keuntungan dan juga di atas perniagaan yang mereka dapat pada ketika ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi berkenaan dengan penswastaaan. Kita dapati penswastaaan kadang-kadang untung, tetapi kadang-kadang menguntungkan individu dan saya hendak minta Jabatan Perdana Menteri termasuk Kementerian Kewangan, kalau boleh, pastikan jangan satu-satu syarikat itu diberi projek bertimpa-timpa, sedangkan sesetengah syarikat tidak dapat apa-apa. Ini masalah dan kita dapati syarikat ini kadang-kadang dia dapat projek penswastaaan, dia tidak buat pun projek itu.

Dan kita dapati kadang-kadang projek syarikat-syarikat ini berhutang, *very bad pay master*, bayaran mereka kepada subkontraktor mereka cukup teruk.

Dan mereka ini adalah *chairman* syarikat itu, *chairman* syarikat ini, Tan Sri itu, Tan Sri ini, tetapi menipu projek-projek, menipu syarikat-syarikat kecil ini. Banyak syarikat kecil ini menggulung tikar disebabkan oleh syarikat induk yang mendapat projek kerajaan, suruh mereka buat subkontrak tetapi tidak bayar. Jadi, ini harus kita ingat.

Dan kita kena ingat, Tuan Yang di-Pertua, dahulu kita ada pemborong berwibawa. Hari ini syarikat kontraktor berwibawa sudah gulung tikar. Mereka sudah tidak lagi dilihat, sedangkan kontrak berwibawa ini adalah diilhamkan oleh Jabatan Perdana Menteri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada ketika itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad sendiri iaitu untuk membina kontraktor-kontraktor bumiputera supaya mereka berjaya.

Tetapi hari ini, Kementerian Kewangan membuat keputusan, kadang-kadang memberi projek tidak langsung menolak kontraktor berwibawa ini dan apabila mereka ini tidak ditolong, beribu-ribu konsultannya, jurutera, pekerja-pekerja yang ada dalam syarikat ini terpaksa diberhentikan. Ini merugikan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap satu lagi yang saya katakan tadi, pihak swasta hendak beri projek, kaji betul-betul. Jangan kita bagi macam itu sahaja. Banyak lagi syarikat yang ada, Tuan Yang di-Pertua, dalam negara kita ini, bagilah kepada mereka seorang satu. Mereka sudah berjaya, jangan dok harap kerajaan lagi. Biarlah mereka pergi sendiri. Ini kadang-kadang tokoh-tokoh korporat ini naik kapal terbang ada jet sendiri dan sebagainya, hutang bersepah di bank tidak dibayar. Kadang-kadang bank pula naik takut kepada mereka. Takut kalau mereka tidak bayar, bank boleh tutup kerana mereka. Jadi, ini banyak berlaku.

Dan kita berharap ke hadapan ini, kalau hendakkan swastakan sesuatu, pastikan penswastakan tidak membebankan rakyat, penswastakan menguntungkan kerajaan dan menguntungkan juga orang yang menswastakannya. Bukan diperalatkan penswastakan untuk kepentingan diri mereka di atas susah payahnya rakyat. Yang ini kita tidak mahu. Jadi, rakyat dalam kesusahan, mereka untung, apa faedahnya?

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi iaitu berkenaan dengan JAKIM, peruntukan keagamaan kepada JAKIM. Saya minta kalau boleh JAKIM tolong bantu. Di luar bandar, Tuan Yang di-Pertua, guru-guru agama ini kadang-kadang bekerja kerana

Allah sahaja. Naiklah motor buruk, pakai kain dengan ketayap, pergilah mengajar merata-rata di surau kampung. Kadang-kadang kutip duit ini, “Hang pi mengaji, itu Mak Long, Mak Ngah, Mak Timah kutiplah duit, Pak Long pun mai tumpang.” Bagilah sebulan RM20 atau RM30. Kerana Allah itu tidak apalah, itu kerana Allah. Kerana lelah dia kena kira sama, penat lelah dia.

Jadi, saya minta JAKIM ini kaji supaya kelas-kelas agama di surau, di masjid atau di merata-rata seluruh pelosok kampung ini diberi elaun sagu hati kepada mereka untuk mengajar walaupun baru-baru ini terima kasih kerana tok imam kita sudah bagi RM450.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Menunjukkan isyarat masa]*

**Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Apa Yang Berhormat bagi Kepong?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Masa sudah habis, Yang Berhormat.

**Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Masa sudah habis.

**Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang ini fasal agama, Tuan Yang di-Pertua, yang tengah bercakap ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tidak apalah.

**Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Di akhirat kelak, Tuan Yang di-Pertua kena, saya pun kena. Ini saya hendak khabar betul-betul.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kalau pendek masa lagi pahala tinggi.

**Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ha, sedikit sahaja, sedikit sahaja. Jadi, saya berharap kepada Jabatan Perdana Menteri tolong kaji balik supaya jangan orang-orang kita ini terpesong dengan ajaran agama yang sesat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup Yang Berhormat.

**Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** ...agama Islam yang ekstrem, agama Islam yang kadang-kadang memecahbelahkan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Masa sudah habis, Yang Berhormat.

**Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** ...umat-umat Islam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Jadi, tidak apalah. Duduklah, saya belum habis. *[Ketawa]* Sabarlah.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Jadi, saya ucapkan terima kasih. Inilah daripada Yan ini kita hendak bahas...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** ...macam inilah masa tidak cukup.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup, Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih banyak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kinabatangan.

**11.43 pagi.**

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tengok jam ini, cukup 10 minit saya berhenti. *[Ketawa]*

Pertama, berhubung dengan Butiran 030100 berhubung dengan ICU. Jadi kebetulan Yang Berhormat yang bertanggungjawab dengan agensi ini ada di sini, kita memintalah kepada agensi ini supaya lebih efisien melihat masalah-masalah yang dikemukakan oleh wakil rakyat. Kalau saya tidak silap, melalui Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya menyalurkan projek-projek kecil pembangunan di kawasan saya kepada ICU dan malangnya tidak ada surat balasan pun sama ada dalam kajian kah, dalam apa-apa perancangan sekalipun dan ini menjadi persoalan kepada saya macam mana kita hendak menjawab pula kepada rakyat kita di kawasan sekiranya tidak ada apa-apa maklumat yang diberikan daripada pihak yang bertanggungjawab.

Jadi, saya meminta Yang Berhormat agar Unit ICU ini ataupun UPP ini diperhebatkan untuk memastikan bahawa mereka, pemegang-pemegang amanah ini betul-betul bertanggungjawab ke arah memastikan supaya membawa pembangunan

seimbang kepada bandar dan luar bandar sebab agensi ini amat perlu dan penting sebelum projek-projek kecil dilaksanakan, ianya perlu penyelarasan daripada unit ini. Jadi, saya mohon jasa baik Yang Berhormat itu agar dapat melihat masalah-masalah seumpama ini.

Yang kedua ialah Butiran 220300 iaitu berhubung dengan Petronas. Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat, daripada data yang saya terima syarikat-syarikat kontraktor seramai lebih kurang 63 buah syarikat yang beroperasi di negara kita termasuk lebih kurang 9 daripada luar negara, malangnya tidak ada satu pun kontraktor dari Sabah yang diambil oleh Petronas selaku vendor ataupun kontraktor untuk berusaha sama dalam Petronas.

Ini saya rasa satu perniagaan kalau saya boleh kod ungkapan P. Ramlee dalam filem Tiga Abdul, ini tidak adil Tuan Yang di-Pertua. Di Sabah ada minyak tapi kontraktor Sabah satu pun tidak dibenarkan. Apabila kita jumpa, Petronas cakap kontraktor Sabah tidak ada pengalaman. Macam mana hendak ada pengalaman kalau tidak diberi peluang. Ini tidak betul dan sekarang ini Alhamdulillah Tuhan beri kita kekayaan. Terdapat lebih kurang dua telaga baru ditemui di perairan Malaysia di Sabah. Adakah ini Petronas juga akan mengamalkan diskriminasi yang sama dengan mengundang kontraktor luar tetapi dari Sabah dia tidak layan. Saya hairan macam mana boleh berniaga begini. Kalau pun budak sekolah Tuan Yang di-Pertua, terfikirlah bahawa perniagaan ini tidak adil, berat sebelah betul.

Jadi minta Tuan Yang di-Pertua, minta Petronas supaya memberi ruang kepada kontraktor di Sabah untuk menyertai dan mengapa Petronas tidak membuka *refinery* ataupun kilang *oil and gas* di Sabah. sedangkan kita melihat apabila ini diwujudkan di negeri Sabah ianya akan mewujudkan satu sistem ekonomi yang lebih *conducive*, mendatangkan tenaga pekerjaan dan sebagainya. Ini dapat mempertingkatkan ekonomi negeri Sabah itu sendiri dan rakyat di Sabah dapat menikmati sedikit-sebanyak daripada limpahan yang dianugerahkan oleh Allah s.w.t diperut bumi Sabah itu.

Kita bukan bercakap soal negeri Tuan Yang di-Pertua tetapi kita bercakap soal keadilan. Petronas seolah-olah tidak mengendahkan akan saranan-saranan pemimpin-pemimpin daripada Sabah. Ini betul-betul tidak relevanlah Tuan Yang di-Pertua dalam dunia pada hari ini. Kita bercakap soal globalisasi, perseimbangan dan keadilan. Mana ada keadilan macam ini Tuan Yang di-Pertua. Ini bukan keadilan

namanya, ini penganiayaan secara besar-besaran, secara psikologi oleh Petronas terhadap masyarakat di Sabah.

Soal yang kedua, saya pun setuju dengan Yang Berhormat bagi Jerai iaitu kita mahu bertanya mengapa Petronas tidak *subsidies* harga minyak ini. Kenapa perlu Kementerian Kewangan yang mengeluarkan kewangan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Hentam sahaja.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Jadi pada saya sudah tiba masanya kerajaan harus campur tangan secara menyeluruh. Betul Petronas itu untung tetapi mungkin kalau syarikat lain diberi juga lesen seperti Petronas mereka lebih untung daripada Petronas, apa yang mereka dapat pada hari ini.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** [*Tepuk*]

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Tetapi oleh kerana tidak ada persaingan maka Petronas mendakwa, *we are was successful contractor oil and gas*. Sebab tidak ada orang lain. Cuba bagi peluang kepada orang lain bukan Petronas monopoli, mungkin orang lain boleh juga berjaya daripada Petronas apa yang mereka peroleh pada hari ini, mungkin lebih, kita tidak tahu sebab apa yang kita lihat di Petronas ini pegawai-pegawai eksekutifnya gaji puluh-puluh ribu, ratus-ratus ribu. Kontraktor di bawah pun dia punya, vendor pun mereka punya. Kita orang politik sokong satu kontraktor pun dia sepak. Dia sepak sahajalah dia tidak peduli. Dia kata lu apa, ini Petronas kita punya. Macam bapak dia punya sahaja.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ya!

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Ini masalah. Jadi kena difikirkanlah masalah ini Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak saya rasa jangan rakyat mengamuklah kepada kerajaan fasal Petronas ini. Sebab kita sudah diberi amanah oleh rakyat kita harus pegang amanah ini. Kalau rakyat sudah marah kepada kita, Petronas pun lingkup Tuan Yang di-Pertua. Jangan bilang Petronas, gunung pun runtuh. Jadi apalagi Petronas. Janganlah terlampau memikirkan untuk kepentingan diri sendiri.

Mereka perlu melihat keperluan-keperluan semasa. Membuka ruang secara seimbang serta seadil-adilnya. Jangan kepada *crony* sahaja, tidak kenal tidak dapat. Orang baru dia kata tidak ada pengalaman. Dia pun duduk kerja situ bukan terus jadi CEO, bukan jadi *Regional Manager*. Dia duduk sana pun dari pegawai, melalui pengalaman dia naiklah. Dahulu pun dia bodoh juga. Jadi mintalah Tuan Yang di-

Pertua dalam soal Petronas ini supaya kita terus melihat bahawa pengagihan seimbang ini harus diberi kesaksamaan, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Temerloh.

**11.50 pagi.**

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya hendak menyentuh pertama di bawah kepala 02050 - Penswastaan, 020700 - MTEN, dan 050300 - Pengurusan Masjid. Penswastaan Tuan Yang di-Pertua, saya pernah sebut dalam ucapan belanjawan saya tempoh hari tentang peranan *regulators* ini iaitu jawatankuasa pemantau. Kita tahu penswastaan ini banyak membawa kebaikan kepada negara dan sepatutnya bila kita menswastakan sesuatu syarikat kerajaan ataupun syarikat-syarikat di bawah tajaan kerajaan ianya seharusnya meningkatkan kecekapan dan mengurangkan kos.

Saya pernah sebut dalam soal air dahulu. Hari ini kita lihat negeri-negeri hendak naikkan tarif air, sedangkan tujuan kita bila kita menswastakan air ini kita hendak pertama air lebih murah dan kualiti air yang dibekalkan juga lebih baik. Tetapi kalau harga air semakin naik dan kualiti pun tidak baik, pada saya penswastaan tidak mencapai matlamat. Saya pernah sebut Tuan Yang di-Pertua, negara-negara maju yang mengamalkan penswastaan ini, syarikat-syarikat yang diswastakan itu menyumbang beratus-ratus bilion ringgit kepada kerajaan. Kita tidak sampai RM30 bilion pun dapat disumbangkan. Ertinya dasar penswastaan kita setakat ini tidak mewujudkan kecekapan dan tidak memberi manfaat sebaiknya kepada rakyat.

Saya harap supaya kita dapat tubuhkan jawatankuasa pemantau ini Tuan Yang di-Pertua iaitu *regulators* ini. Negara-negara maju yang mengamalkan penswastaan ini mereka ada *regulators* ini, ada *expertnya* dalam bidang penswastaan ini dan mereka ini akan menilai, kalau penswastaan itu memberi manfaat kepada rakyat, meningkatkan kecekapan, harga semakin murah, okey jalan. Kalau ia tidak meningkatkan kecekapan rakyat terpaksa menanggung kos beban yang lebih tinggi ertinya tidak perlu kita menswastakan. Jadi ini saya minta supaya kerajaan memberikan perhatian kepada perkara ini.

MTEN Tuan Yang di-Pertua, saya cukup puji Majlis Tindakan Ekonomi Negara ini, kerana bukan sahaja telah menyelamatkan negara tetapi banyak hasil kajian yang telah dibuat oleh MTEN. Malangnya, saya ingat Ahli-ahli Parlimen banyak tidak

mendapat hasil-hasil kajian ini. Barangkali MTEN boleh timbangkan sama ada meletakkan di Perpustakaan Parlimen ataupun memastikan bahawa Ahli-ahli Parlimen boleh mendapat *access* kepada hasil-hasil kajian ini. Saya hanya dapat tahu melalui internet memang banyak kajian-kajian yang begitu baik sekali yang dibuat oleh MTEN.

Saya hanya hendak minta Tuan Yang di-Pertua supaya MTEN mengkaji, meneliti dan melihat ekonomi Malaysia ini secara keseluruhan, menghadapi realiti keadaan semasa. Hari ini saya lihat kadar faedah di Amerika telah naik. Saya tidak tahu bagaimana kesannya kepada ekonomi dunia keseluruhannya. Tetapi saya yakin pembekalan wang di Amerika akan berkurangan. Barangkali salah satu langkah yang akan diambil oleh Amerika ialah untuk *dumping*, untuk melambakkan barang-barang mereka. Di mana mereka hendak lambakkan. Tidak lain tidak bukan di pasaran negara-negara yang sedang membangun. Malaysia sudah tentu akan menghadapi keadaan ini dan *dumping* ini Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak dikawal ianya akan memberi kesan kepada industri-industri tempatan. Saya ambil contoh dalam bidang *sanitary wares* dengan izin. Alat-alat kegunaan rumah tangga, digunakan di bilik mandi dan sebagainya yang dibuat daripada bata ini. Kalau tidak dikawal, saya ingat kebanyakan syarikat-syarikat (*factories*) yang membuat barang yang sama di negara ini akan terpaksa ditutup kerana *dumping* ini dan kita hendak sekat pun kita di bawah Perjanjian WTO, tetapi kita mesti ada cara untuk melihat ekonomi Malaysia ini secara keseluruhannya.

Saya sebut dalam Ucapan Bajet saya baru-baru ini tentang satu tajuk yang amat tidak popular iaitu *pegging* US Dollar, duit Amerika dengan kita ini. Saya minta MTEN supaya mengambil sikap yang lebih berani meneliti, tidak ada emosi dalam perkara ini. Kalau kita rasa betul-betul, kita teruskan *pegging* ini memberi manfaat kepada ekonomi negara, okay kita teruskan. Tetapi kalau ianya boleh menyebabkan kita menghadapi masalah kemudian, saya kira MTEN mesti berani untuk mencadangkan kepada kerajaan apa langkah yang perlu kita ambil supaya jangan nanti kita terperangkap.

Saya bimbang Tuan Pengerusi kerana kalau hendak bercakap dari segi FDI ataupun pelaburan dari luar negara, mereka ini sudah ada portfolio masing-masing, dia hanya melihat mana negara dia hendak pergi. Dia tengok Malaysia okay, duit dia masih *dipeg*, masih ada *exchange control*. Dia ada pilihan lain, dia boleh pergi ke South Korea, dia boleh pergi ke Thailand, dia boleh pergi ke Indonesia dan keadaan

politik Indonesia hari ini, bila Presiden baru ini akan lebih stabil, ekonomi akan lebih mantap. Dia boleh pergi ke Singapura, boleh pergi ke negara lain.

Saya bimbang nanti, kita bila sudah tengok semua pelabur ini sudah pergi ke negara-negara ini, baru kita kata kita hendak *unpeg*. Jadi kita sentiasa lambat, sentiasa terperangkap, bila kita sudah terperangkap baru kita hendak ambil tindakan. Mengapa tidak kita fikirkan terlebih dahulu, hadapi realiti dunia semasa, itu maksud saya. Saya bukan menyarankan supaya hari besok kita hapuskan *exchange control* ini tetapi kalau kita lihat ia berbahaya kepada negara dan langkah lain yang boleh diambil, boleh menyelamatkan negara. Saya ingat MTEN perlu berani menghadapi realiti ini, mencadangkan kepada kerajaan.

Tuan Pengerusi, di bawah pengurusan masjid – 050300, saya ucapkan tahniah kepada kerajaan. Kita beri elaun kepada imam-imam dalam bajet baru-baru ini. Saya ingat ini memang kena pada masanya tetapi bagaimana dengan jawatankuasa masjid yang lain? Dengan Bilalnya, dengan Tok Siaknya? Saya sedih juga nanti kalau kita beri kepada imam, dapat RM300, kalau imam yang baik itu, mungkin dia kongsi dengan Bilal dan Tok Siak. Tetapi kalau dapat imam yang tidak baik itu, Sri Gading ya, dia tidak bagi apa pun. Jadi saya ingat kerajaan patut lihat juga, kalau perlu kita beri sedikit imbuhan kepada Imam, kepada Siak, kepada jawatankuasa masjid yang lain, saya ingat perlu kita beri.

Saya juga hendak mencadangkan Tuan Pengerusi, supaya sedikit peruntukan sama ada *direct* dengan izin, dari Jabatan Perdana Menteri atau boleh disalurkan kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Ini *maintenance*, penjagaan masjid-masjid ini, saya ingat perlu sangat kita sediakan peruntukan-peruntukan tertentu. Kalau tidak jawatankuasa masjid ini tidak ada tempat lain hendak pergi, dia akan mengadu pada wakil rakyat. Wakil rakyat harapkan peruntukan, peruntukan tidak banyak. Jadi kadang-kadang itu kasihan juga, masjid yang sudah begitu usang, tidak *dimaintain* dengan baik, kadang-kadang atap sudah bocor, keadaan hendak bersembahyang pun tidak selesa dan sebagainya. Saya kira ini perlu kita berikan perhatian dan kepada orang kampung Tuan Pengerusi, perkara-perkara ini walaupun kecil tetapi besar sangat maknanya kepada mereka. Mereka akan nampak bahawa kerajaan memberi perhatian kepada masalah mereka.

Saya rasa itu sahaja yang hendak disampaikan Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Tuanan.

**11.59 pagi**

**Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Di dalam kesempatan ini saya ingin turut membahaskan dalam Bekalan 1, Butiran 010000 – Urusan Parlimen dan juga Bekalan 6, Butiran 020000 – Unit Perancang Ekonomi Negara.

Tuan Pengerusi, dalam peringkat dasar, saya telah menyentuh sedikit sebanyak tentang peranan Parlimen dalam soal pembangunan negara dan setelah kita kaji peraturan-peraturan yang sedia ada dalam soal Parlimen ini, di antara tanggungjawab, di antara perkara yang penting yang kita buat ialah, kita sebagai *financial controller* bagi negara. Maksudnya, segala kewangan Kerajaan Persekutuan hendaklah melalui Parlimen dan kitalah yang meluluskan dan segala peraturan-peraturan telah dibuat termasuk dalam soal pembentangan bajet, bahas dan sebagainya. Bila kita bahaskan, seperti mana yang telah kita alami, kita terpaksa lagi dihadkan masa dalam perbahasan dan sebagainya sebab kita tidak mempunyai masa yang begitu banyak, itu pun kita bersidang selama lima bulan dalam setahun.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal ini persoalannya di sini ialah bagaimanakah kita mengoptimumkan masa yang diberikan kepada kita untuk memberi kesan yang optimum terhadap bagaimana seharusnya pihak kerajaan memberi keutamaan dalam belanjawan. Saya ambil satu contoh di dalam soal pembangunan wilayah. Dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama, Kedua dan Ketiga, sudah diperakui bahawa terdapatnya ketidakseimbangan pembangunan wilayah dan dalam hal ini, apabila kita berbahas dalam bajet di Dewan yang mulia ini, fokus kita hanyalah kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan harapan di situ akan dibuat sesuatu untuk merapatkan lagi jurang perbezaan di antara pembangunan wilayah.

Walau bagaimanapun, kementerian ini juga mempunyai hambatan tertentu dari segi agensi pelaksana. Semalam Yang Berhormat Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan bahawa tidak ada agensi sebagai contoh di Sabah dan Sarawak, peruntukan disalurkan kepada agensi di negeri-negeri Sabah dan Sarawak. Kemudian kita akan mencadangkan supaya diadakan Lembaga Kemajuan Wilayah di Sabah dan Sarawak, selepas itu malam tadi Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa ini juga perlu kelulusan dan perlu juga pandangan daripada pihak negeri.

Dalam hal ini Tuan Pengerusi, apabila kita berbahas di Dewan yang mulia ini, pandangan daripada kerajaan negeri terhadap bajet ini tidak dapat diambil kira,

walaupun barangkali bila membuat bajet ini, pegawai-pegawai daripada kerajaan negeri di hantar ke kementerian, barangkali juga diambil kira. Walau bagaimanapun, apabila kita berbahas di Dewan yang mulia ini, Ahli-ahli Parlimen kita akan berbahas dengan kita punya *favorite subject* ataupun perkara-perkara yang kita katakan tidak semestinya dari pandangan kerajaan negeri. Oleh sebab itu saya telah mencadangkan di peringkat dasar supaya barangkali, bukan dari segi peraturan, Statut Parlimen ini tetapi dari segi konvensyen dia, kalau boleh, bila bajet dibentangkan di Dewan yang mulia ini, kita adakan 14 pembahas utama, tidak semestinya sampai 20 minit atau 30 minit tidak apalah. Tetapi 14 orang ini mewakili negeri-negeri termasuklah Wilayah Persekutuan. Beberapa ahli ini boleh dilantik ataupun diberi kepercayaan oleh negeri masing-masing supaya ahli-ahli negeri itu akan memberi pandangan bagaimana mereka melihat bajet ini daripada pandangan kerajaan negeri.

Satu lagi dalam soal ini, apabila penggulungan bajet, kalau boleh saya ingin cadangkan supaya yang menggulung itu hendaklah menteri, janganlah Setiausaha Parlimen, janganlah Timbalan Menteri sebab ini bajet. Oleh sebab itu bila ada penggulungan, kalau boleh janganlah pada hari Rabu sebab hari Rabu itu ada Mesyuarat Kabinet, menteri tidak boleh datang, sebab ini amat penting, bila kita minta penjelasan, kerana ini dasar. Jadi apabila Setiausaha Parlimen, minta maaf, ini bukan perkecilkan. Bila Setiausaha Parlimen atau Timbalan Menteri menjawab, jadi kita agak kecewa kerana ini di peringkat dasar dan yang membentangkan pun Perdana Menteri, okey, itu penting.

Dalam hal ini, kalau kita lihat...

**Tuan Jimmy Donald:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Sri Aman bangun Yang Berhormat.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Sri Aman bangun? Ini sepuluh minit sahaja.

**Seorang Ahli:** boleh, boleh.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Okay, okay.

**Tuan Jimmy Donald:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Satu perkara yang sangat aneh. Tiap-tiap tahun apabila Perdana Menteri membentangkan bajet, semua menteri datang. Selepas itu.....

**Beberapa Ahli:** Semua menteri hilang.

**Tuan Jimmy Donald:** Semua menteri hilang [*Ketawa*] kecuali menteri yang kita sayangi ini, menteri yang jaga Parlimen, dia tiap-tiap hari datang dan membawa begitu banyak perubahan yang baik kepada Parlimen kita. tetapi menteri lain hilang terus, nampaknya terus tidak ada minat. Mengapa ini berlaku dalam pemikiran Yang Berhormat?

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Manalah saya boleh fikir, itu kena bertanya kepada Menteri tetapi saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa dalam penggulungan itu Menteri itu amat penting datang.

Yang keduanya dari segi Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, kita ini mahu memperseimbangkan Wilayah dan fokus ke situ lagi. Sejak daripada pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru ada empat strategi, iaitu satu kita membina pembangunan tanah, *in situ development*, selepas itu *rural urbanization*, *creation of new growth center*, membina pusat-pusat pertumbuhan yang baru. Kesemuanya ini bergantung kepada *access*, kita membuat kemudahan, jalan raya dan sebagainya seperti mana persoalan dari Yang Berhormat bagi Ledang itu tadi.

Bahawa belia-belia ini berhijrah ke bandar, bila kita lihat di luar bandar ini kemudahannya kurang, jalan raya dan sebagainya. Bila membina jalan raya kita dengar pula Menteri Kerja Raya semalam menyatakan bahawa ini kena mengikut syarat iaitu *traffic volume*, di luar bandar mana ada *traffic volume*, tetapi dari segi dasar kita mahu jangan ada penghijrahan, kita mesti ada membuat pertumbuhan di desa dan sebagainya. Pusat pertumbuhan di desa, kalau kita hendak melihat, setakat Kementerian Pembangunan Wilayah untuk melihatnya - tidak boleh. Dia kena juga perancang ekonomi supaya janganlah diambil kriteria JKR tadi.

Tetapi masalah kita semua hantar, semua cadangan dihantar kepada EPU, bila EPU mengikut perkiraan dia juga, syarat-syarat, syarat-syarat yang digantungkan dan bukan dasar. Ini yang masalahnya, dasar sudah betul Rangka Rancangan Jangka Panjang Yang Ketiga, semua ada di situ dasarnya tetapi tidak diikuti. Contoh semalam juga ada soalan untuk Yang Berhormat bagi Libaran, jalan raya di kawasannya. Itu juga *traffic volume*, tetapi di situ sudah mahu diwujudkan Sungai Tiram sebagai pusat pembangunan baru, itu pun atas usaha Ahli Parlimen bukan daripada kementerian. Tetapi bila hendak memohon untuk jalan raya di situ juga syaratnya.

Jadi, kalau kita lihat keseluruhannya negeri-negeri yang kurang maju dan miskin itu berterusanlah begitu. Negeri-negeri yang maju berterusanlah. Seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu 60% daripada penduduk Malaysia tinggal di bandar. Sekarang agenda kita mahu pergi ke pertanian, hendak suruh balik ke kampung macam mana? Sedangkan di kampung kemudahan itu macam mana, sebab saya tidak tahulah barangkali Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri boleh menjelaskan, kenapakah kemudahan-kemudahan di luar bandar ini masih berterusan begitu, adakah ini disebabkan oleh peraturan-peraturan, syarat-syarat yang dikenakan oleh agensi-agensi yang berkenaan ataupun kita perlu meningkatkan EPU dalam soal penilaian program dan projek kerajaan.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya beralih ke Butiran 13000 - Bahagian Hal Ehwal Undang-undang. Dalam hal ini kita membaca di akhbar baru-baru ini bahawa banyak kes di mahkamah yang tidak selesai. Di antara lainnya adalah disebabkan orang-orang miskin ini dia tidak mampu untuk mendapatkan peguam dan hanya bergantung kepada Biro Bantuan Guaman untuk menyelesaikan kes ini. Tetapi baru-baru ini kedengaran juga bahawa mereka kekurangan peguam-peguam untuk membantu .

Dalam hal ini sampai bila masalah, saya ada pengundi sudah meringkuk di penjara selama lebih kurang tiga, empat tahun dan ditahan reman, masih dalam pertuduhan, belum lagi dibicarakan. Dia tidak mampu, dia berjumpa Ahli Parlimen meminta bantuan mencarikan peguam, kita mana mampu. Kita pergi ke Biro Bantuan Guaman , begitu juga kita banyak kes yang tidak ada peguam dan sebagainya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup Yang Berhormat masa sudah cukup.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Saya ingin bertanya, adakah pihak kerajaan akan mempertingkatkan dan memperbanyakkan lagi peguam-peguam untuk Biro Bantuan Guaman. Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

**12.09 tgh.**

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya mahu menyentuh satu perkara sahaja iaitu Kepala B.8 dan mungkin

sedikit melibatkan B.9, iaitu Jabatan Peguam Negara dan juga Badan Pencegah Rasuah.

Tuan Pengerusi, negara telah dikejutkan dengan satu kes yang menggemparkan dan dianggap luar biasa iaitu tentang kematian Allahyarham Abdul Jalil bin Ibrahim pada 19 Julai 1983, yang masih diingati hingga kini sebagai detik hitam dalam sejarah bidang korporat negara dan kes ini amat menyedihkan.

Tuan Pengerusi, saya mengharapkan bahawa dalam perbahasan di Dewan yang mulia pada hari ini, saya mengharapkan Jabatan Peguam Negara akan dapat melihat kembali kes ini sebagai satu kes di mana pihak keluarga dan pihak mereka yang terlibat secara serius dalam kes yang berprofil tinggi dapat ditegakkan kembali keadilannya. Kepada mereka yang terlibat dan hukumannya lebih setimpal diberikan, kepada mereka yang membuat angkara sehingga menjadikan ianya satu detik sejarah hitam dalam perundangan negara.

Tuan Pengerusi, pembabitan Bumiputra Malaysia Finance Berhad Limited (BMF) anak syarikat milik penuh Bank Bumiputra yang membiayai syarikat hartanah kumpulan Carrain di Hong Kong, adalah merupakan satu kes yang akhirnya membawa kepada kematian Penolong Pengurus Besar BMF di Hong Kong pada waktu itu, iaitu Abdul Jalil Ibrahim dan juga kematian seorang wartawan R.V.R Reo yang dikatakan berpunca daripada keghairahannya untuk menyiasat kes ini sampai ke akar umbi.

Tuan Pengerusi, apa yang dikemukakan oleh Abdul Jalil Ibrahim ini, kes ini telah berlaku lebih kurang 23 tahun yang lalu, iaitu melalui suratnya yang diumumkan bermakna apa yang Abdul Jalil katakan dalam kes ini bukannya satu yang dikatakan *hearsay*, tetapi apa yang dilaporkan dalam laporan akhir jawatankuasa penyiasat skandal BMF ini, iaitu jika pengarah yang terbabit memikirkan tentang kepentingan bank, memikirkan tentang kepentingan negara, kepentingan bangsa dan negara mereka tidak akan membuat satu kesilapan.

Tuan Pengerusi, kenyataan Allahyarham Abdul Jalil dalam surat ini ada asasnya kerana beberapa pegawai kanan BMF di Hong Kong dikatakan menerima komisen sehingga RM10 juta untuk meluluskan pinjaman kepada Carrain Group, yang kedudukannya cukup tenat pada waktu itu. Walaupun dalam kes ini akhirnya menyaksikan seorang yang kita anggap diberikan upah untuk membunuh Allahyarham

Abdul Jalil ini seorang yang bernama Mak Foon Than yang dituduh membunuh Jalil dan didapati bersalah dijatuhi hukuman gantung.

Kesan terhadap peristiwa itu masih terdapat dan terpahat dalam sanubari kita semua yang inginkan satu keadilan ditegakkan, yang mana dengan hanya menghukum Mak Foon Than ini bermakna ini menyaksikan satu manifestasi bahawa dalang sebalik pembunuhan kes yang berprofil tinggi ini masih lagi belum dapat diungkap dan disingkap apa yang berlaku sebenarnya.

Mengimbas kembali detik-detik pahit itu Abdul Jalil yang juga menjadi Ketua Juruaudit berpejabat di BBMB di hantar ke Hong Kong untuk misi penting itu, dan pada akhir 1982 bagi menyasat pemberian pinjaman baru syarikat kewangan itu iaitu kepada Carrian Group yang berjumlah RM2.5 bilion.

Tuan Pengerusi, dalam kes ini kita mendapati bahawa mereka yang terlibat sebenarnya, mereka yang berperanan, yang menyebabkan pembunuhan ini masih lagi berkeliaran dan tidak diberikan hukuman yang setimpal dengan kematian dan penderitaan keluarga Allahyarham Abdul Jalil Ibrahim.

Maka dalam Dewan yang mulia ini saya meminta supaya dengan peruntukan yang besar, dengan kecanggihan alat-alat komunikasi yang ada pada era ini, saya mengharapkan Jabatan Peguam Negara dan juga Badan Pencegah Rasuah dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia akan dapat memainkan peranan supaya keluarga Allahyarham ini, maruah negara, skandal-skandal yang berprofil tinggi seperti ini tidak akan berulang lagi pada masa-masa yang akan datang.

Dengan hanya menghukum Mak Foon Than yang hari ini walaupun beliau didapati bersalah dan dihukum gantung sampai mati, dia sekarang berada di Penjara Stanley di Hong Kong, dipenjara seumur hidup. Mengikut undang-undang Hong Kong, pesalah yang dihukum mati, tidak akan digantung sebaliknya dipenjara seumur hidup sahaja.

Maka, Tuan Pengerusi, Jawatankuasa Penyiasat BMF, dalam laporan terakhirnya menggesa, ini satu *recommendation*, suatu penegasan daripada jawatankuasa ini, iaitu dalam laporan akhirnya menggesa Polis Hong Kong dan juga pihak kerajaan Malaysia supaya meneruskan siasatan ke atas pembunuhan Jalil, sekiranya skandal BMF itu masih mahu dilihat dan dibongkar sepenuhnya.

Maka, saya mengharapkan bahawa dengan penjelasan ini, bukan di atas nama Allahyarham Abdul Jalil Ibrahim, bukan atas nama siapa-siapa, tetapi atas nama untuk

menegakkan keadilan di Dewan yang mulia ini, untuk melihat kes-kes ini tidak berulang pada masa-masa yang akan datang, saya berharap supaya Jabatan Peguam Negara, khususnya Kerajaan Malaysia akan membuka kembali kes ini dan akan mendakwa mereka yang terlibat dalam kes yang paling menyedihkan ini, supaya keadilan ini dapat ditegakkan kembali dalam negara kita.

Maka, Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Ledang.

**12.17 tgh.**

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Saya terus menjurus kepada B6 – 20000 UPE, iaitu sebagaimana yang kita maklum suasana ekonomi negara sekarang amat tertekan dengan tekanan harga minyak yang berubah-ubah. Kita difahamkan harga minyak terus melambung dan kerajaan terpaksa menyediakan subsidi berjumlah RM9 bilion setahun di mana RM3 bilion dalam bentuk tunai, RM6 bilion dalam bentuk pelepasan cukai. Seperti yang disebut tadi, siapa yang memberi subsidi ialah kerajaan dan kita tidak tahu apakah peranan Petronas.

Oleh yang demikian, saya ingin membangkitkan satu perkara di mana pada tahun 1996 Kerajaan Malaysia telah pun melancarkan penggunaan NGV untuk diterima pakai oleh semua kenderaan. Tetapi sehingga sekarang cuma ada 22 stesen NGV – NGV itu maksudnya Natural Gas Vehicle di seluruh negara, cuma ada di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan di Johor. Di Johor cuma satu. Sedangkan kita maklum penggunaan NGV boleh menjimatkan RM800 setiap seribu liter. Bayangkan Tuan Pengerusi, sekiranya penggunaan ini di*apply* atau digunakan, di aplikasi oleh setiap teksi di Kuala Lumpur atau di Lembah Klang, kita dapat menjimatkan duit berjumlah berjuta-juta ringgit.

Oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya kita lebih serius di dalam pengukuran ini kerana sehingga sekarang tidak nampak satu tanda-tanda atau angka yang menunjukkan bahawa penggunaan NGV itu meningkat sedangkan masalah yang ditimbulkan oleh pengguna pertamanya ialah kos alatan dalam kereta, iaitu kos kit amat mahal, harganya RM2,500 untuk setiap set. Kedua, stesen penjana NGV amat berkurangan seperti yang disebutkan tadi. Ketiga, kurang pendedahan tentang insentif yang diberikan oleh kerajaan kepada pengguna bahan NGV.

Saya yakin sekiranya subsidi yang diberikan oleh kerajaan berjumlah RM3 bilion tadi diubah kepada subsidi lain dalam bentuk kit secara percuma, kita dapat menjimatkan, kerana sekiranya satu kit tersebut yang berjumlah, yang harganya cuma RM1,200 dan dapat dibekalkan kepada lebih kurang 150,000 pengguna, cuma RM200 juta sahaja. Bayangkan tadi kalau kita dapat bandingkan penjimatan setiap 1,000 liter RM800, bermakna satu jumlah yang sangat besar dan sudah pasti akan dapat menjimatkan duit negara, dapat menggalakkan penggunaan NGV dan sekali gus dapat menyelamatkan alam sekitar yang tercemar kerana penggunaan petrol.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya mencadangkan supaya kita memperluaskan penggunaan stesen *natural gas* bagi menggantikan petrol sebagai bahan bakar untuk kenderaan dan menjadikan NGV sebagai satu bahan bakar yang menjimatkan kerajaan tanpa perlu mengeluarkan subsidi petrol sebanyak RM9 bilion tadi.

Keempat, menjadikan NGV sebagai satu bahan bakar yang menjimatkan penggunaan kenderaan dan mampu hidup dengan penjimatan ke atas bahan bakar, cukai motor dapat dikurangkan dan ia selamat digunakan dan menjadikan NGV sebagai mudah didapati dan sahabat alam sekitar.

Jadi, akhir sekali, Tuan Pengerusi, sekiranya ini boleh berlaku saya yakin cukai jalan dapat dikurangkan setengah, ekonomi misalnya, kereta Proton Iswara yang berjalan sepanjang 150 kilometer cuma mengeluarkan perbelanjaan RM7 untuk NVG di kawasan bandar, jimat 90%. Pada masa yang sama juga daripada teknologi yang terkini, sebuah kereta boleh menggunakan dwi ataupun dua-guna atau tukar ganti, boleh guna NGV atau petrol dalam masa-masa tertentu sekiranya kehabisan bekalan. Sudah pasti enjin bersih dan membantu kerajaan mengurangkan beban subsidi petrol.

Sekali gus, akhir sekali, Tuan Pengerusi, ialah simpanan gas di Malaysia, saya difahamkan mempunyai bekalan untuk 100 tahun berbanding dengan minyak yang tinggal, katanya tidak sampai 10 tahun.

Sekian, Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Sepanggar.

**12.22 tgh.**

**Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh mengenai Butiran 1300 Bahagian Hal Ehwal Undang-undang.

Menyentuh dengan Butiran 13000 – Biro Bantuan Guaman, Biro ini adalah satu-satunya badan kerajaan yang dapat membantu rakyat kita, terutama sekali penduduk-penduduk yang tidak ada kemampuan dalam kes-kes guaman di mahkamah.

Bagi penduduk atau rakyat untuk mendapat peguam bela daripada swasta mengambil suatu kes tentulah sekali sukar disebabkan ongkosnya begitu tinggi. Mujur kita mempunyai peguam-peguam dari Biro ini yang dapat meringankan beban mereka. Masalah ialah Biro Bantuan Guaman ini tidak begitu diketahui, khasnya bagi penduduk-penduduk luar bandar. Di bandar-bandar kecil, Biro ini tidak sama sekali diketahui. Penduduk kampung tidak pernah pun mendengar mengenai Badan ini disebabkan penonjolan tidak diumumkan kepada orang awam.

Tuan Pengerusi, saya mencadangkan bagi penduduk kampung serta rakyat di pekan-pekan kecil mendapat bantuan guaman, khasnya dalam kes-kes sivil adalah tanggungjawab bagi Biro ini untuk menonjolkan diri agar mereka tidak diabaikan dalam bantuan guaman. Saya ingin juga mencadangkan agar setiap Pejabat Daerah diadakan Biro Bantuan Guaman agar penduduk kampung yang tidak berkemampuan ini dapat diberi bantuan sewajarnya.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga menyentuh mengenai butiran 08500 – mengenai Perumahan Polis Diraja Malaysia. Perumahan bagi anggota polis sangatlah diberi keutamaan. Dengan adanya perumahan tentunya diharap agar kemudahan-kemudahan yang lain juga diberi keutamaan termasuklah dengan kemudahan sukan dan rekreasi, agar anggota polis dapat bersukan dan berekreasi. Tentu dengan adanya kemudahan ini, saya percaya pihak anggota polis dapat sentiasa mempertingkatkan tubuh badan yang sihat dan dapat meredakan *stress* mereka, dengan izin, dalam menjalankan tugas seharian yang penuh dengan cabaran.

Sehubungan dengan perumahan ini, diharap pihak kerajaan memberi keutamaan, khasnya bagi anggota polis yang berpangkat rendah, agar mereka tidak lagi menyewa rumah di kampung-kampung dan tinggal bersama-sama dengan setinggan, terutama sekali tinggal dengan pendatang asing tanpa izin disebabkan jika masalah ini tidak dapat ditangani tentu sekali ini akan menjatuhkan maruah, imej pihak polis.

Tuan Pengerusi, bagi kawasan Sepanggar, khasnya di kawasan Inanam yang sedang menghadapi masalah dengan pendatang asing tanpa izin dan penduduk tempatan yang berhijrah dari desa-desa, masalah sosial dan jenayah sangatlah

mencabar, tambahan pula dengan orang-orang asing serta anak-anak mereka yang berkeliaran untuk menjalankan perniagaan haram seperti menjaja rokok dan mengedar dadah dengan berleluasa. Balai polis yang terdekat ialah di pekan Menggatal yang jaraknya lebih kurang enam kilometer dari pekan Inanam. Maka disebabkan jauhnya jarak kawasan Inanam ini, adalah sukar bagi pihak polis untuk mententeramkan cabaran sosial dan jenayah di kawasan ini.

Saya difahamkan, Tuan Pengerusi, bahawa pihak perjawatan PDRM telah pun meluluskan tambahan anggota polis bagi kawasan ini sejak tahun 2001. Malangnya sehingga pada hari ini anggota-anggota itu tidak dapat diperuntukkan perumahan disebabkan masalah ketiadaan perumahan serta balai polis di kawasan Inanam. Saya merayu agar pihak kerajaan dapat memperuntukkan serta menyelesaikan perkara ini tanpa berlengah-lengah lagi agar rakyat di kawasan Inanam mendapat kemudahan serta bantuan pihak polis.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh dengan Butiran 05300 – Program Khas Bina Semangat. Bila kita menyentuh tentang Bina Semangat, saya percaya ini adalah satu program yang sangat diperlukan bagi semua lapisan rakyat, demi untuk mempertingkatkan daya semangat kita untuk bersaing dalam apa jua cabaran dalam dunia yang tidak ada sempadan ini. Kita seharusnya didedahkan dengan pembinaan semangat secara keseluruhan, dengan izin, *holistic*. Saya percaya Program Latihan Khidmat Negara yang sedang dijalankan bagi adik-adik kita sangatlah kena pada tempatnya, bagi membolehkan mereka membina semangat kekitaan (*sense of belonging*) serta mendapat semangat *patriotism*.

Sebagai rakyat Malaysia yang menjunjung tinggi Rukun Negara demi untuk mencapai cita-cita kerajaan untuk *minimize* penyalahgunaan undang-undang dan menghapus gejala rasuah di kalangan segelintir kakitangan kerajaan dalam pejabat kerajaan, saya mencadangkan agar Program Bina Semangat ini dapat dipertingkatkan agar ianya betul-betul meresap di dalam sanubari kita. Dengan ini saya menyokong.

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Seputeh.

**12.29 tgh.**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Bekalan 6 Butiran 080000 – Jabatan Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan; Bekalan 6 Butiran 020000 – Unit Perancang Ekonomi; Bekalan 9 Butiran 020000 – Badan Pencegah Rasuah dan Bekalan 1 Butiran 010000 – Urusan Parlimen.

Tuan Pengerusi, pertama sekali saya merasa agak hairan Jabatan Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Walau bagaimanapun, saya ingin membentangkan masalah yang dihadapi oleh ramai pemilik tanah baru-baru ini. Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, kita mendengar semakin banyak tuan punya tanah mendapati nama pemilikan tanah mereka telah ditukar nama tanpa pengetahuan mereka. Kita telah membaca banyak kes seperti ini dalam surat khabar.

Sebenarnya keputusan Mahkamah Persekutuan pada 27 Ogos tahun ini yang mana memutuskan pihak yang membeli tanah daripada seorang peniaga Thai, iaitu Syarikat Adona Property Sdn.Bhd. dengan harga RM1.86 juta tanpa pengetahuan tuan punya tanah itu, yang mana mahkamah memutuskan bahawa Syarikat Adona Property Sdn. Bhd. adalah pemilik tanah tersebut. Sebenarnya keputusan mahkamah ini telah menyebabkan ramai pemilik tanah merasa bimbang bahawa tanah mereka juga mungkin ditukar nama tanpa pengetahuan mereka.

Perkara yang sama sebenarnya berlaku di kawasan saya di mana seorang wanita yang agak tua yang membeli sekeping tanah pada tahun 1956 yang pada asalnya berdaftar di bawah EMR dan kemudian di bawah GM.0427 Lot 1423 di Kuchai Lama. Wanita ini membayar cukai tanah dan cukai pintu dengan tetap untuk tanah tersebut tetapi pada Mac tahun ini apabila wanita ini ingin menjual tanahnya, beliau mendapati tanahnya telah dijual kepada dua orang lelaki dan digadai kepada Bank Islam. Pada salinan dokumen yang ditunjukkan oleh pegawai Pejabat Tanah dan Galian, kad pengenalan tuan punya tanah tersebut adalah wanita yang mempunyai nama yang sama tetapi nombor kad pengenalan dan wajah yang berlainan.

Adalah jelas bahawa kes penipuan seperti ini hanya boleh berlaku dengan adanya bantuan daripada pegawai Pejabat Tanah dan Galian. Jadi bila saya membawa wanita ini pergi berjumpa dengan pengarah baru di Jabatan Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan, beliau berkata bahawa selepas perkara ini disiarkan dalam surat khabar, Badan Pencegah Rasuah dan polis telah datang untuk menyoal

siasat pegawai di jabatannya. Saya rasa kes ini bukan kes tunggal sahaja tetapi telah banyak kes seperti ini berlaku. Saya merasa sangat hairan bahawa sampai hari ini BPR, walaupun BPR memang pandai tangkap ikan bilis tetapi dalam kes ikan bilis seperti ini tidak seorang pun ditangkap, didakwa kerana kita langsung tidak baca berita mengenainya dalam surat khabar

Sebenarnya saya rasa kalau pihak Jabatan Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan, bila mendapati perkara seperti ini berlaku, haruslah menggantung dan adakan siasatan dalaman terhadap pegawai Jabatan Tanah dan Galian yang menguruskan hal seperti ini. Sebenarnya perkara yang sama telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Serdang dalam ucapan dasarnya tetapi saya merasa kesal kerana Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar semalam hanya kata, "*National Land Code* kita tidak ada masalah". Okey, kalau *National Land Code* kita tidak ada masalah dari segi prosedur, dari segi cara kerja, tetapi pegawai Jabatan Tanah dan Galian kita ada terdapat masalah.

Kita telah lihat semakin banyak kes penipuan seperti ini berlaku tetapi pihak kerajaan tidak mengeluarkan apa-apa kenyataan, tidak juga membuat apa-apa keputusan untuk menyekat perkara seperti ini dari berulang lagi. Saya ingin minta pandangan daripada Yang Berhormat Menteri terhadap perkara tersebut dan apakah langkah kerajaan untuk mencegah perkara penipuan seperti ini berlaku dalam Pejabat Tanah dan Galian.

Saya ingin merujuk kepada satu keputusan yang telah dibuat oleh Unit Perancang Ekonomi mengenai penduduk setinggan KL *Linear City* pada tahun lepas. Pada tahun lepas saya pernah membawa sekumpulan penduduk setinggan KL *Linear City*, yang mana projek ini telah terbengkalai pada tahun 1997, untuk berjumpa dengan pegawai di Jabatan Perdana Menteri, yang mana sekarang adalah Yang Berhormat bagi Kubang Pasu.

Sebenarnya pihak EPU telah bersetuju dengan DBKL bahawa memandangkan bahawa golongan setinggan ini adalah mangsa kepada projek KL *Linear City* yang terbengkalai, maka EPU akan mencari satu tapak di tebing Sungai Klang untuk membina rumah pangsa kos rendah dengan harga RM45,000 dan akan dijual kepada mereka. Kesemua mereka juga dapat surat Aku Janji daripada pihak DBKL dan mereka telah berterima kasih kepada EPU, berterima kasih kepada DBKL. Tetapi, sampai sekarang tidak ada berita. Bila saya tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri i

Wilayah Persekutuan semalam, beliau juga tidak dapat memberi jawapan kepada saya.

Pada tahun ini, selepas pilihan raya umum, saya tulis surat kepada Yang Berhormat, di Jabatan Perdana Menteri yang duduk di sini sekarang, beliau berkata, “*I will look into it. Look into it*”, sampai sekarang pun tidak ada jawapan. Saya pernah tulis surat juga pada minggu lepas kepada Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri, juga sampai sekarang pun tidak ada apa-apa berita. Saya hanya hendak tanya, ini adalah projek yang diluluskan oleh EPU dan terbengkalai pada tahun 1997.

Perjanjian yang begitu elok dimaktubkan bahawa penduduk setinggan ini akan diberi rumah dengan harga RM45,000 sehingga RM50,000 yang dibina di Bukit Jalil dan dijual kepada mereka semua. Ini adalah dalam satu perjanjian *black and white* yang mana disaksikan oleh Kerajaan Malaysia, disaksikan oleh Datuk Bandar, disaksikan oleh Pengarah Pejabat Tanah dan Galian. Tetapi, sampai sekarang tidak ada berita langsung. Semua penduduk setinggan ini telah berpindah. Mereka tunggu rumah mereka sampai hari ini. Yang dahulu, mereka duduk di tebing Sungai Klang itu, tiap-tiap tahun mereka mengalami banjir dan mereka masih sanggup duduk di sana kerana mereka memang miskin, mereka memang tidak dapat membeli rumah yang lebih baik daripada rumah setinggan.

Sekarang, mereka tunggu begitu lama. Surat Aku Janji telah pun dikeluarkan. Sampai sekarang apa yang kita lihat adalah “cakap tidak serupa bikin”. Jadi, saya hanya merayulah. Saya tidak hanya ingin menyalahkan terhadap Menteri, tetapi saya hanya merayu Yang Berhormat Menteri yang menjaga EPU itu, haruslah betul-betul *look into it* masalah ini, kerana saya bangkitkan perkara ini tiap-tiap tahun di Dewan yang mulia ini, sampai sekarang hampir 200 keluarga setinggan ini, masih tidak dapat rumah. Saya rasa, ini adalah perkara yang amat tidak bertanggungjawab pada pihak JPM dan saya berharaplah Yang Berhormat Menteri boleh tolong membantu mereka.

Yang akhir sekali, saya ingin membangkitkan satu hasratlah kepada Ahli Yang Berhormat di Dewan ini bahawa, memandangkan Dewan ini kita telah mempunyai 25 Ahli Yang Berhormat dan kementerian telah pun bertambah begitu banyak. Jadi, sepatutnya masa bagi Ahli Yang Berhormat untuk berucap itu haruslah dipanjangkan dan juga masa bagi Menteri untuk menjawab soalan dan ucapan juga haruslah dipanjangkan. Tiga hari memang tidak cukup. Semalam, kita semua tunggu sampai hampir pukul 11 malam. Tuan Pengerusi adalah yang paling tenat sekali. Saya pun

simpati terhadap mereka. Jadi, saya faham satu jawatankuasa telah dibentuk dan diketuai oleh Yang Berhormat bagi Santubong untuk *look into it* lagi.

Jadi, saya hanya berharaplah mungkin selepas sidang ini, Peraturan Mesyuarat yang baru boleh dibentangkan untuk kita semua, supaya semua Ahli Yang Berhormat yang mewakili rakyat di kawasan kita masing-masing ini boleh mempunyai lebih masa untuk berucap dan Menteri juga mempunyai lebih masa untuk memberi jawapan kepada kita semua. Jangan seperti semalam yang Setiausaha Parlimen dari Kota Raja itu, bila dia tengok Ahli Yang Berhormat tidak ada, dia skip, skip. Semua jawapan yang dibuat oleh pegawai kerajaan secara tungkus-lumus untuk rekod Parlimen ini, beliau tidak membacakan. Saya tahu kita semua letih semalam.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:**.....tetapi ini adalah agak tidak bertanggungjawab bagi Setiausaha Parlimen itu dan saya berharaplah Yang Berhormat Menteri yang menjaga urusan Parlimen itu juga akan *look into it* dengan secara segera tentang masalah ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tanah Merah.

**12.39 tgh.**

**Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Perbahasan bagi Maksud B.1 hingga B.9 dan B.40, P.6 hingga P.7. Saya ingin sentuh pasal dasar penswastan negara, di mana kerajaan sudah pasti menswastakan sesuatu projek adalah untuk memberi keuntungan kepada kerajaan, mengurangkan bebanan ataupun tanggungan kerajaan dan bukannya mengorbankan keuntungan kerajaan kepada syarikat.

Di sini, saya ingin sentuh pasal penswastan di dalam JKR, di mana kita lihat JKR merupakan satu jabatan ataupun agensi pelaksana yang begitu dihormati dan disegani suatu masa dahulu, di mana kita lihat di dalam JKR, ada pelbagai kepakaran dari segi R&D, dari segi pelaksanaan dan sebagainya.

Saya ingin sentuh pasal penswastan IKRAM. IKRAM adalah satu tenaga pakar ataupun agensi pakar di bawah JKR. Sebelum ini, ia menjalankan urusan R&D, urusan kajian, urusan penyelidikan dan sebagainya.

Sekarang ini, IKRAM telah diswastakan kepada satu syarikat yang dinamakan IKRAM Berhad, di mana sekarang ini JKR pula terpaksa membayar kepada IKRAM

Berhad untuk mendapat khidmat kepakaran, mendapat kajian dan juga menjalankan kursus yang mana sebelum ini dilaksanakan oleh JKR sendiri, di mana pegawai-pegawai JKR terpaksa berkursus di IKRAM dengan membayar sejumlah wang kepada IKRAM yang telah ditetapkan dengan harga yang begitu tinggi. Kita lihat bahawa penswastaan ini adalah amat merugikan Jabatan Kerja Raya, di mana tanah IKRAM Berhad sekarang ini amat begitu tinggi nilainya sehingga berbilion-bilion ringgit yang melibatkan beratus-ratus ekar di mana tanahnya, kedudukan di kawasan '*prime land*'. Sekarang ini IKRAM Berhad diswastakan ke atas dasar untuk meneruskan penyelidikan dan juga kajian-kajian untuk membangunkan infrastruktur negara, sama ada jalan raya ataupun bangunan.

Kita lihat IKRAM sekarang ini telah mengubah cara, dasar yang mana pengkhususan diberi kepada perniagaan yang memberi keuntungan kepada syarikat dan mungkin akan mengabaikan tanggungjawab sebagai agensi bagi melaksanakan *Research and Development*, yang mana IKRAM telah menubuhkan beberapa syarikat di bawahnya yang menjalankan perniagaan lain seperti *construction*, dengan izin dan juga Kolej IKRAM yang telah dibina dan telah dimajukan, yang mana kita lihat fungsi asal ataupun dasar penswastaan asal kepada IKRAM ini telah terpesong, telah berubah daripada matlamat asal kepada matlamat perniagaan yang memberi keuntungan kepada syarikat secara mendadak.

Tuan Pengerusi, saya minta kerajaan supaya mengkaji semula supaya JKR ini diberi satu agensi yang mempunyai pegawai-pegawai yang boleh menjalankan *Research and Development*, yang dapat memberi kajian kepada apa-apa yang berkaitan dengan JKR supaya JKR ini tidak bergantung harap kepada IKRAM, yang mana sudah pasti IKRAM ini mengenakan bayaran yang tinggi kepada kerajaan, walaupun diswastakan.

Tuan Pengerusi, di negara kita ini, kita menempuh masalah tentang kesesakan jalan raya. Kalau kita lihat di Kuala Lumpur, kenderaan yang bergerak di Kuala Lumpur, hampir satu juta buah kerajaan keluar masuk. Satu hari, daripada luar ke Kuala Lumpur dan keluar dari Kuala Lumpur. Sudah pasti kenderaan ini akan bertambah dari semasa ke semasa menyebabkan kesesakan jalan raya yang begitu serius. Bagi mengelakkan kesesakan ini, kerajaan telah merancang ataupun membina jalan-jalan pintas untuk memastikan jalan-jalan tuju ke Kuala Lumpur tidak sesak.

Pertama, kerajaan telah menswastakan jalan secara konsesi, diberi kepada syarikat-syarikat konsesi yang dinamakan, jalan *express way* ataupun jalan betul yang dikenakan bayaran kepada kenderaan yang melalui jalan tersebut.

Hari ini, kita lihat rata-rata mengatakan bayaran tol yang dikenakan oleh syarikat-syarikat konsesi ini agak begitu tinggi sekali. Ini sudah pasti membebankan pengguna jalan raya, dan saya mencadangkan kepada kerajaan sekali lagi supaya kerajaan mengambil alih semula pembinaan jalan betul ini dengan memberi tanggungjawab kepada agensi-agensi kerajaan ataupun syarikat-syarikat kerajaan seperti Telekom, TNB, Petronas seperti yang kita bincang tadi. Selain daripada itu juga, KWSP, CIDB dan lain-lain syarikat kerajaan yang mempunyai kewangan yang kukuh, di mana syarikat-syarikat ini saya cadangkan supaya kerajaan beri tanggungjawab supaya membina laluan-laluan betul ini dengan mengenakan bayaran tol yang rendah, yang paling minimum kepada pengguna jalan raya dan ini sudah pasti menguntungkan rakyat, menguntungkan pengguna jalan raya.

Tuan Pengerusi, bagi Maksud P.6 Butiran 04801 – Pembinaan/ ubahsuai Masjid. Sebagaimana kita maklum Tuan Pengerusi, masjid adalah satu tempat ibadah yang perlu kita utamakan, yang perlu kita titik beratkan supaya institusi masjid ini dibina dengan begitu sesuai, dengan begitu baik sekali supaya jemaah di kawasan berkenaan tertarik kepada masjid. Jadi, kalau kita lihat di Pantai Timur, contohnya di Kelantan, masjid-masjidnya begitu uzur, sangat uzur. Bocor sana sini, kedudukannya agak tidak menarik minat kepada jemaah untuk hadir ke masjid. Jadi, saya menyerulah kepada kerajaan supaya memberi tumpuan khusus kepada pembinaan ataupun ubahsuai masjid supaya menjadi tempat yang menarik minat kepada masyarakat terutamanya yang beragama Islam.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat, masa sudah cukup Yang Berhormat.

**Ir. Shaari bin Hassan:** Sedikit lagi, ya. Bagi Maksud P.6, Butiran 03400 – Kompleks Latihan Islam/Tahfiz, di mana kita lihat bahawa kerajaan telah membina beberapa kompleks latihan dan tahfiz ini, tetapi jumlahnya tidak mencukupi. Saya menyeru kepada kerajaan supaya membina pusat-pusat tahfiz ini di setiap Parlimen supaya kita dapat memperkembangkan anak-anak muda kita, belia kita supaya minat untuk mempelajari Al-Quran dan juga Tahfiz. Dengan itu Tuan Pengerusi, saya menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kelana Jaya.

**12.49 tgh.**

**Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan ini menyentuh Maksud B.6 – Jabatan Perdana Menteri, yang menyentuh tentang Unit Perancang Ekonomi yang meliputi Butiran 020600, 020500 dan juga 020300.

Tuan Pengerusi, Unit Perancangan Ekonomi diberi tanggungjawab yang amat berat untuk membantu kerajaan, membantu negara untuk membangunkan ekonomi negara kita. Saya ingin pergi terus kepada projek yang lebih spesifik. Ada projek-projek yang dirancang oleh Unit Perancang Ekonomi itu, saya rasa perlu dilihat semula. Perkara ini pernah saya bangkitkan dalam Dewan ini dan dijawab oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya mengatakan akan mengambil perhatian. Projek yang saya sebutkan ini ialah projek pembinaan jalan penyambung Subang Kelana. Selepas itu saya ada menulis surat kepada Kementerian Kerja Raya (JKR) dan JKR membalas surat saya mengatakan projek ini skop kerjanya adalah ditetapkan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) di Jabatan Perdana Menteri. JKR hanya sebagai agensi pelaksanaan sahaja.

Tuan Pengerusi, kita semua faham bahawa projek-projek seperti ini adalah untuk membantu negara dan juga masyarakat tempatan dengan matlamat akan membawa pertumbuhan ekonomi kepada negara kita yang berkekalan di samping mengekalkan kestabilan sosioekonomi negara dan saya percaya apabila EPU menetapkan skop kerja yang sebenarnya, sememangnya telah meneliti segala laporan yang dikemukakan termasuklah laporan Traffic Impact Study, Environmental Impact Assessment, Social Impact Study dan sebagainya barulah projek ini dapat diluluskan untuk dilaksanakan oleh pihak-pihak yang tertentu.

Tuan Pengerusi, tentang projek pembinaan jalan penyambung Subang Kelana ini pada pendapat kita terutamanya kepada penduduk tempatan memang kerajaan berhasrat untuk memudahkan pergerakan lalu lintas demi untuk meningkatkan kualiti hidup dan juga pergerakan aktiviti ekonomi di situ di mana tidak adanya kesesakan jalan, pengguna jalan dapat menjimatkan masa, menjimatkan bahan api, maka dengan itulah pergerakan ekonomi akan lebih giat lagi. Tetapi dari segi skop kerja yang telah ditetapkan oleh pihak EPU seperti mana yang telah diberitahu kepada saya oleh pihak

JKR bahawa ini adalah ditetapkan oleh EPU, kita nampaknya mungkin tidak dapat menyelesaikan masalah kesesakan dan hanya menimbulkan lagi banyak kesulitan.

Dengan itu, saya memohon agar EPU dapat mengkaji semula had perancangan projek ini dengan serta-merta supaya skop kerjanya dapat lebih menyeluruh dan skop kerjanya dapat dipanjangkan sehingga di mana jalan penyambung ini dapat direka bentuk sebagai satu rangkaian jalan *elevated* terus dari jalan Lapangan Terbang Subang dan berakhir di Persiaran Kewajipan selepas persimpangan Persiaran Murni dan Persiaran Subang Permai. Ini perkara pertama yang ingin saya bangkitkan dan berharaplah pihak EPU dapat mengkaji semula skop kerja yang telah pun ditetapkan awal itu.

Perkara yang kedua adalah tentang penswastaan. Seperti mana tadi saudara saya Yang Berhormat bagi Tanah Merah telah membangkitkan tentang penswastaan projek di bawah JKR khususnya tentang projek-projek pembinaan lebuhraya bertol. Saya ada pendapat yang berlainan sedikit dengan Yang Berhormat bagi Tanah Merah. Walau bagaimanapun, saya bersetuju agar pihak EPU semasa membuat penilaian sesuatu kerja itu sudah tentunya mempunyai perancangan, perhitungan dan penilaian kos yang amat rapi dan selepas itu barulah kerja menilai keupayaan projek penswastaan itu, barulah projek itu dianugerahkan kepada syarikat-syarikat tertentu untuk melaksanakannya.

Dengan itu, saya berharap agar apabila adanya lebuhraya bertol diswastakan sepatutnya pihak kerajaan atau EPU dapat mengumumkan dan memberitahu rakyat apakah kadar tol yang akan dikutip sebab kita nampak banyak lebuhraya bertol selepas dibina semua orang, semua pihak macam main teka-teki, hendak teka berapakah kadar tol itu akan dikenakan kepada rakyat dan selepas dikenakan tol itu, wakil rakyatlah yang dibebankan, dimaki oleh penduduk-penduduk mengapa kamu tidak tahu berapa yang hendak dibayar. Bila dikenakan tol, kita pula diminta supaya meminta kerajaan menekan pihak syarikat konsesi untuk menurunkan bayaran tol itu. Saya rasa inilah salah satu perkara yang boleh dilakukan oleh pihak EPU kerana EPU memang membuat penilaian dan menilai keupayaan projek penswastaan itu. Saya rasa perkara ini dapat dilakukan.

Perkara yang terakhir yang saya ingin hendak bangkitkan pada hari ini ialah tentang Butiran 08500 Perumahan Polis Diraja Malaysia. Tuan Pengerusi, kita semua menyokong supaya perumahan polis itu kena disediakan di kawasan-kawasan luar

bandar dan juga di kawasan bandar kerana inilah salah satu kemudahan untuk menarik lebih ramai orang menyertai pasukan polis supaya mereka dapat berkhidmat dengan selesa dan seronok.

Macam di kawasan bandar, dalam kawasan Parlimen Kelana Jaya, kos kehidupan amatlah tinggi, maka perumahan mesti disediakan dan di kawasan bandar juga seperti mana Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri semalam ada menjawab soalan di dalam Dewan ini mengatakan bahawa di Daerah Petaling nisbah anggota polis kepada penduduk adalah 1:7,000 lebih penduduk. Satu anggota polis kepada 7,000 lebih penduduk di kawasan Daerah Petaling.

Dengan itu sekiranya adanya tapak-tapak rizab polis seharusnya digunakan untuk perumahan, pejabat dan balai supaya anggota-anggota polis itu dapat duduk di kawasan yang berdekatan dan berkhidmat dengan penduduk tempatan. Anehnya, Tuan Pengerusi, ada satu kes yang sungguh aneh di mana di kawasan Kelana Jaya, kawasan Petaling Jaya ada satu bidang tanah, satu tapak rizab polis di USJ 8. Di USJ 8 tapak rizab polis ini telah entah macam mana ada seorang peniaga mendapat *leasing*, dengan izin, oleh pihak polis untuk membina pusat penjaja dan pusat gerai makanan di mana kawasan Kelana Jaya, kawasan Subang ini di USJ ini telah pun ada banyak prasarana makanan tetapi kekurangan keselamatan awam, kekurangan anggota polis, tidak ada pejabat yang memadai. Tetapi tapak itu diberikan kepada suatu syarikat untuk membina medan selera lima tahun campur lima tahun *leasing*, dengan izin, *five years plus five years*. Itu tidak masuk akal Tuan Pengerusi.

Maka saya hendak memohon agar pihak yang tertentu dapat mengkaji semula apakah tapak rizab polis di USJ 8 itu patut didirikan perumahan polis ataupun pejabat polis tetapi bukan pusat penjaja. Saya rasa ini perkara yang harus diambil serius dan saya berharap pihak kerajaan dapat memberi arahan agar kalau ada perjanjian dengan pihak-pihak tertentu untuk mendirikan pusat penjaja ini dapat dibatalkan dengan segera dan balai polis bersama perumahan polis dapat dibina segera di kawasan USJ 8 ini.

Dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Tuan Mohd. Yusop bin Majid:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Setiu.

**12.59 tgh.**

**Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana berpeluang juga saya untuk bercakap dalam majlis Jawatankuasa.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat buat *introduction* sahaja.

**Tuan Mohd. Yusop bin Majid:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila duduk, Yang Berhormat. Sambung sebelah petang.

***Majlis Mesyuarat bersidang semula.***

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] ***mempengerusikan Mesyuarat.***

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi pagi persidangan Dewan telah selesai. Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

***Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

***Majlis bersidang dalam Jawatankuasa***

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Perbahasan di sambung semula. Ahli Yang Berhormat bagi Bentong, sila.

**Tuan Liow Tiong Lai [Bentong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya....

**Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Setiu belum habis?

**Tuan Liow Tiong Lai:** Ha? Belum, belum mula.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Minta maaf sebab catatan tidak ada.

**Tuan Liow Tiong Lai:** Setiu belum habis?

**Tuan Mohd. Yusop bin Majid:** Baru hendak mula.

**Tuan Liow Tiong Lai:** Oh, baru hendak mula. Lepas Setiu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Setiu. Lepas itu, ini terpulang kepada sayalah, Yang Berhormat, ya. Ya, Setiu. *[Ketawa]*

**2.33 ptg.**

**Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Izinkan saya untuk menyentuh beberapa perkara dalam Majlis Jawatankuasa pada petang ini. Tuan Pengerusi, yang pertama saya suka menyentuh berkait dengan Institusi Masjid sebagaimana yang telah juga disentuh oleh rakan-rakan Yang Berhormat daripada Jerai, Kuala Krai, Temerloh dan lain-lain lagi.

Kita sedar bahawa pada hari ini permasalahan yang banyak kita bincangkan di dalam Dewan yang mulia ini berkait dengan masalah sosial, masalah belia, masalah integrasi nasional dan sebagainya. Apakah salahnya kepada pihak kerajaan untuk melihat ke arah memperkasakan institusi-institusi kemasyarakatan yang ada di tempat-tempat, di kampung-kampung, di desa-desa bahkan di bandar-bandar. Kita juga melihat Institusi Masjid tidak kurang daripada peranan yang boleh dimainkan untuk mengatasi sedikit sebanyak sekiranya ianya di perhebatkan lagi.

Masalah yang kita lihat pada hari ini di masjid-masjid, selain daripada pembinaan infrastruktur masjid, kita juga dapat melihat masalah yang terdiri daripada imam-imam dan juga khatib-khatib yang membaca khutbah. Saya dengan izin juga untuk memohon maaf, mungkin perkara ini menyentuh sesetengah khatib kerana ada di kalangan mereka dari segi persembahan khutbah yang saya rasa tidak boleh memberi satu penyampaian yang sempurna kepada jemaah semasa menghadiri sembahyang Jumaat, kerana setiap minggu kita tahu kepada penganut agama Islam yang terdiri daripada lelaki yang sudah akil baligh adalah wajib untuk hadir ke masjid bersembahyang Jumaat dan mendengar khutbah. Tetapi apabila khutbah ini disampaikan dalam bahasa yang sukar untuk difahami akibat daripada khatib yang membaca khutbah itu adalah orang yang agak lama membaca sebutan yang tidak tepat contohnya perkataan 'h' itu dibaca sebagai 'aedes' dan perkataan 'khayal' itu disebut sebagai 'khiyal' dan sebagainya telah membawa pengertian yang salah dan cara penyampaiannya pula telah menjemukan para jemaah.

Ini sudah tentu tidak mencapai satu objektif yang dikehendaki semasa kita menghadiri sembahyang. Selain daripada itu, ada juga masalah lain yang ada di masjid-masjid yang terdiri daripada ahli-ahli jawatankuasa yang tidak begitu berfungsi

dengan sebaiknya. Apabila pembesar-pembesar suara yang ada di masjid-masjid kadang-kadang kita mendengar khutbah-khutbah ini disampaikan dalam bentuk yang baik tetapi pembesar suara yang bermasalah sehingga tidak dapat difahami dengan begitu jelas.

Begitu juga kita melihat pada hari ini kita sudah berada di era zaman teknologi yang canggih. Adalah tidak munasabah di masjid-masjid yang besar kita mendengar khutbah sepatutnya sebagaimana kita lihat di dalam Dewan yang mulia ini kita ada TV, CCTV dan sebagainya yang mampu untuk dilihat oleh para jemaah dari segi pembacaan khutbah dan sebagainya di dalam masjid.

Oleh sebab itu saya suka mencadangkan kepada kementerian yang terbabit supaya permasalahan ini dapat kita pertingkatkan dan juga imam-imam ataupun khatib yang lama ini sepatutnya tidak diberi tugas untuk membaca khutbah. Bolehlah beliau ini untuk mengimamkan sembahyang dan perkara-perkara lain yang tidak berkait dengan khutbah Jumaat. Begitu juga dengan khutbah dua hari raya.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua yang ingin saya sentuh di sini ialah berkait dengan amalan guaman. Di negara kita, amalan guaman ini adalah merupakan amalan yang berbentuk profesional ataupun yang berbentuk perkhidmatan (*service oriented*), dengan izin. Tetapi malang saya yang selama ini, sebelum ini berkhidmat dalam bidang guaman ini berdepan dengan beberapa persoalan kerana kita sedar di negara kita masing-masing mencari kemajuan tetapi etika sebagai peguam yang ada di negara kita ini sepatutnya dijaga supaya profesion guaman ini sentiasa terpelihara. Kalau kita datang ke Dewan ini mempersalahkan kerajaan tetapi dalam masa yang sama terdiri juga daripada peguam-peguam yang ada di dalam negara kita ini mengamalkan etika yang tidak betul sebagaimana yang dikehendaki oleh amalan guaman adalah tidak patut kita biarkan. Contohnya di dalam amalan guaman kita sudah ada *Solicitor's Remuneration Order* sebagai satu habuan peguam yang menjalankan sesuatu tugas berkait dengan perkhidmatan. Tetapi dari segi peratusnya, saya percaya ramai di kalangan peguam yang sudah tidak lagi mematuhi arahan tersebut.

Apabila mereka ini bertembung dengan kerja-kerja terutamanya daripada kerja-kerja asing daripada bank banyak berlaku yang telah saya dengar suara-suara daripada peguam yang mengadu kerana sesetengah pengurus bank memberi tugas untuk melaksanakan kerja-kerja berkait dengan perjanjian, pindah milik, gadaian dan

sebagainya menentukan *percentage* yang perlu dipotong daripada peguam yang berkenaan. Mahu tidak mahu perkara ini terus berlaku dan sehingga 50% perlu dipotong dan sudah pasti perkara ini adalah bercanggah dengan *Solicitor's Remuneration Order*.

Selain daripada itu terdapat juga kerja-kerja yang terlibat di dalam kes-kes kemalangan jalan raya, berlaku perebutan kes di kalangan peguam sehingga boleh menyebabkan tertangguhnyanya sesuatu kes di mahkamah kerana kadang-kadang terdapat tiga representasi di mahkamah yang melibatkan orang yang sama ataupun pelanggan yang sama sehingga mahkamah terpaksa menangguhkan kes bagi menentukan siapakah peguam yang sebenarnya untuk mengendalikan kes tersebut.

Ini biasanya berlaku di dalam kes-kes kemalangan jalan raya ataupun kes-kes sivil dan ini kadang-kadang menjadi keterlaluhan. Sesetengah kes yang sedang di dalam perbicaraan, tiba-tiba muncul peguam lain yang mengadu ataupun yang mengaku beliau adalah peguam yang baru dilantik oleh pelanggan mereka.

Hal ini kadang-kadang membantut perjalanan kes di mahkamah sehingga tertangguh dan banyak kes yang tertangguh. Begitu juga kita dengar kadang-kadang kes difailkan di mahkamah terdiri daripada tiga atau empat orang peguam yang melibatkan pelanggan yang sama ataupun plaintif pihak menuntut yang sama.

Saya mengharapkan juga supaya kementerian dapat mengambil suatu langkah perjalanan yang baik, supaya isu-isu yang seperti ini dapat diselesaikan dengan baik supaya peguam-peguam terutamanya yang baru yang kita tahu .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat boleh gulung, ya.

**Tuan Mohd. Yusop bin Majid:** Boleh gulung. Satu perkara lagi. Ini kali pertama saya dapat bercakap Tuan Pengerusi. Satu perkara lagi saya hendak sentuh mengenai .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Itu kena selesai dalam 10 minitlah.

**Tuan Mohd. Yusop bin Majid:** Ya. Polis mengenai polis di Setiu, saya fokus di Setiu Tuan Pengerusi. IPD yang terbengkalai di kawasan saya. IPD ini telah terbengkalai lima tahun lebih. Saya difahamkan bahawa pihak kerajaan telah membuat pembayaran sebanyak RM7 juta lebih kepada kontraktor yang terlibat dan apabila IPD ini terbengkalai ia akan dibina semula. Apabila terlibat dengan pembinaan semula, bangunan yang telah dibina ini dikatakan perlu dirobohkan. Apabila dirobohkan bermakna RM7 juta lebih ini adalah merupakan suatu kerugian yang

sangat besar. Kalau kita belanjakan untuk program-program yang lain RM7 juta ini cukup banyak yang dapat kita laksanakan.

Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri (Dato' Haji Noh bin Haji Omar) yang telah menziarahi sendiri melihat IPD ini, dan saya harap pembinaan IPD ini dapat dipercepatkan kerana di kawasan saya juga mempunyai masalah perumahan anggota-anggota polis yang tinggal di merata tempat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sekarang kita berada di Jabatan Perdana Menteri.

**Tuan Mohd. Yusop bin Majid:** Ya, saya rasa inilah *point* saya yang terakhir ada dua atau tiga lagi, tetapi saya mengucapkan terima kasih kerana ada kesempatan untuk bercakap. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik. Bentong.

#### **2.45 ptg.**

**Tuan Liow Tiong Lai [Bentong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyertai perbahasan dengan tajuk perpaduan negara dan integrasi nasional. Kita semua sedia maklum bahawa matlamat utama, objektif pertama Jabatan Perpaduan adalah untuk memelihara, meningkatkan serta memperkukuhkan perpaduan rakyat dalam negara kita.

Saya lihat dari segi peruntukan yang diberikan kepada Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional ini, pada suatu ketika apabila ada Kementerian Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat, dia mendapat peruntukan yang amat besar iaitu lebih kurang RM400 juta. Kita faham kerana pada masa itu dia ada kaitkan dengan pembangunan masyarakat. Tetapi sekarang apabila telah menjadi satu Jabatan Perpaduan dan ditukar nama menjadi Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional, peruntukannya telah diturunkan hanya tinggal RM112 juta dan dari segi pembangunannya amat kurang sekali.

Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri dari segi peruntukan yang diberikan kepada Jabatan Perpaduan ini, adakah kita memperuntukkan sebilangan besarnya untuk mewujudkan lebih banyak lagi pusat-pusat KRT di kawasan-kawasan taman. Kita sedia maklum bahawa di kampung-kampung kita ada JKK – Jawatankuasa Keselamatan Kampung, tetapi bagi

kebanyakan taman-taman di kawasan kita, memang kita tidak ada JKK dan ia selalunya bergantung kepada KRT untuk menggerakkan aktiviti dan juga membantu Ahli-ahli Parlimen, membantu DO untuk menggembeleng tenaga penduduk-penduduk taman untuk menyertai aktiviti-aktiviti, mahupun aktiviti kerajaan ataupun aktiviti-aktiviti sosial.

Oleh itu, saya yakin bahawa dengan wujudnya KRT di taman-taman, ia boleh juga menjadi satu agensi yang amat penting untuk pembangunan bukan sahaja tujuannya untuk perpaduan sahaja, malah ia juga boleh membantu kita Ahli-ahli Parlimen dan juga pegawai DO dari segi pembangunan di kawasan tersebut. Kita juga tahu bahawa dari segi pembangunan di kawasan taman, ia dijaga oleh kerajaan tempatan dan oleh majlis daerah, tetapi kita tahu bahawa sekiranya sesuatu taman itu mempunyai satu jawatankuasa yang dikhususkan untuk menjaga pembangunan di kawasan itu, saya yakin kerjasama di antara penduduk-penduduk tempatan dengan kerajaan tempatan akan bertambah baik dan ada kekuatannya untuk membangunkan kawasan tersebut.

Oleh itu, saya minta kebenaran dan juga minta bantuan Yang Berhormat Menteri agar kita boleh mencorakkan semula KRT ini, agar KRT ini kita berikan dia lebih banyak peruntukan dan juga lebih banyak kuasa agar sama-sama kita dapat memastikan bahawa KRT yang diwujudkan di taman-taman itu dapat menjalankan kerja-kerja perpaduan ini.

Satu lagi cadangan Yang Berhormat kepada Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional ini, kita dapati bahawa di setiap daerah kita memang ada Jabatan Perpaduan ini, tetapi pegawainya tidak dijemput untuk menduduki Jawatankuasa Pembangunan Daerah. Saya rasa sekiranya kita memandang dari segi perpaduan negara, pegawai-pegawai yang dilantik itu perlu diberi martabat yang tinggi dan juga jawatan yang lebih setimpal dengan keutamaan yang diberi kepada pegawai-pegawai perpaduan ini.

Kita tahu bahawa semua dasar kerajaan, apa dasar yang kita gariskan pada hari ini kita mementingkan perpaduan. Kita pastikan bahawa dasar itu tidak tergelincir daripada Dasar Perpaduan Negara. Oleh itu, pegawai perpaduan negara ini juga boleh dijadikan seorang pegawai yang dapat memantau dan melihat perjalanan dan pentadbiran agensi-agensi lain yang terpesong daripada matlamat perpaduan ini.

Saya yakin bukan sahaja Ahli-ahli Parlimen ataupun DUN dan juga pegawai DO, tetapi kita juga bertanggungjawab untuk memastikan perpaduan di kawasan

kampung, perpaduan di kawasan kita berjalan dengan baik, malahan saya rasa sekiranya ada bantuan pegawai perpaduan di peringkat daerah, dapatlah sama-sama kita meningkatkan semangat perpaduan ini yang akan membantu kita mewujudkan suatu suasana yang lebih harmoni di setiap kawasan di akar umbi.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin mencadangkan bahawa seorang pegawai penggerak perpaduan juga boleh ditambah di dalam Jabatan Perpaduan agar kita dapat menggerakkan lebih banyak aktiviti perpaduan di peringkat akar umbi. Pada suatu ketika Ahli Parlimen ataupun parti-parti komponen Barisan Nasional kita boleh mencadangkan pegawai perpaduan untuk dilantik sebagai kontrak dan berkhidmat di kawasan-kawasan kita.

Tetapi, jawatan kontrak sekarang telah pun dibatalkan atau dimansuhkan dan sekarang semua pegawai perpaduan dilantik terus oleh JPA. Kita meminta kebenaran dan juga bantuan Yang Berhormat agar kita mengkaji semula sama ada kita boleh mencalonkan calon-calon kita, calon Ahli-ahli Parlimen kerana kita dapat melihat di sesuatu kawasan itu, mana orang yang lebih peka terhadap perpaduan yang dapat bercampur gaul di antara kaum, yang dapat mengeratkan interaksi antara kaum, saya rasa orang itulah yang kita panggil, orang itulah kita dapat ambil untuk datang membantu kita untuk mengeratkan lagi tali silaturahim di antara kaum-kaum di peringkat akar umbi.

Kita tidak usahlah banyak sangat Majlis Perundingan Perpaduan, majlis itu, majlis ini, banyak sangat teori perpaduan, teori yang banyak sangat di peringkat atas itu kalau tidak dapat turun di peringkat akar umbi saya rasa tidak dapat merealisasikan semangat perpaduan yang kita hendak wujudkan di kawasan-kawasan kita. Dengan itu saya Tuan Pengerusi, saya yakin sekiranya kita dapat timbangkan kembali berikanlah sedikit kuasa kepada Ahli Parlimen agar kita juga diberikan peluang untuk mencalonkan pegawai-pegawai perpaduan yang kita yakin dapat menjalankan tugas dengan baik untuk mengeratkan tali silaturahim di antara semua kaum di kawasan kita.

Tuan Pengerusi, saya juga berharap berhubung dengan bangunan-bangunan atau balai raya yang sekarang ini kebanyakannya dibangunkan oleh Kementerian Pembangunan Luar bandar dan Wilayah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Bentong. Ketereh.

**Tuan Liow Tiong Lai:** Ya, boleh sekejap ya.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Apakah Yang Berhormat bersetuju kalau saya perkatakan bahawa isu perpaduan ini sebenarnya akan lebih baik kalau kita menjaga cakap kita. Sebab ada perkara dalam dunia ini yang boleh diperbahaskan secara umum, ada perkara yang tidak boleh diperbahaskan secara umum, contoh di India orang Hindu dan orang Islam berbunuh-bunuhan kerana ada parti di India yang berjuang dasar agama Hindunya, akhirnya Hindu berbunuhan dengan orang Islam, di Malaysia juga ada Hindu dan ada Islam maka perkara-perkara ini kalau kita bendung dengan baik insya-Allah perpaduan ini boleh berlaku. Boleh Yang Berhormat bersetuju?

**Tuan Liow Tiong Lai:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Ketereh.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sila gulung.

**Tuan Liow Tiong Lai:** Kena gulung sudah, ada dua topik lagi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak perlu.

**Tuan Liow Tiong Lai:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Satu minit, satu minit.

**Tuan Liow Tiong Lai:** Saya setuju dan saya yakin di Malaysia kita dapat menjaga keadaan ini dengan baik kerana kerajaan kita memang mementingkan perpaduan dan kita bukan sahaja dari segi dasar, dari segi kefahaman kebudayaan antara kaum juga kita pentingkan. Yang selalunya jadi kecoh kerana kita tidak faham di antara satu sama lain tetapi di Malaysia saya yakin kita telah merdeka selama ini dan kefahaman kebudayaan antara kaum telah dapat diserap di semua peringkat.

Saya gulunglah ya, saya akur perintah Tuan Pengerusi, hanya dua topik yang saya hendak sentuh lagi ialah.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat dua topik boleh.....

**Tuan Liow Tiong Lai:** Sekali gus, sekali gus. Biro Bantuan Guaman, Biro Pengaduan Awam saya minta Tuan Pengerusi kita pastikan mereka ada ketelusan, ada pastikan semua aduan itu dapat diambil dengan baik dan kalau boleh berilah sedikit *publicity* kepada isu-isu yang telah dapat diselesaikan. Bukan kita hendak jatuhkan imej kerajaan kita tetapi isu-isu yang telah diselesaikan kita beritahu rakyat bahawa aduan-aduan orang ramai telah dapat dijalankan agar kita dapat kembalikan keyakinan orang ramai terhadap Biro Pengaduan Awam. Berhubung dengan Biro Bantuan Guaman kita harap dapat tambahkanlah peguam-peguam di jabatan ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ketereh. Masih ramai lagi, ya.

**4.53 ptg.**

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi saya peluang untuk bercakap atas tajuk ini daripada B.1 hingga B.9. Saya hanya hendak ambil satu tajuk iaitu mengenai Parlimen.

Kita berada di Dewan yang mulia ini untuk menjadi orang mulia, saya sambung ucapan saya semasa membahaskan bajet. Dalam proses hendak menjadi orang mulia, kita tentulah mesti bersifat mulia dan mulianya kita hari ini adalah kerana Dewan ini.

Sebenarnya tidak mulianya Dewan kerana kita, mulianya kita kerana Dewan, itu yang utama sekali dan ini difahami oleh semua. Tidak mulianya Dewan ini kerana adanya Ketua Pembangkang, tetapi mulianya Ketua Pembangkang kerana adanya Dewan ini maka kita jadilah Ahli Yang Berhormat dipanggil dan saya masuk ke bawah pun polis bila jumpa saya dia *stand attention*, makna ada kemuliaan, bila saya berjalan dia tengok crest Ahli Parlimen ada itu ada kemuliaan, tetapi benarkah Ahli Dewan Parlimen ini mulia, apakah benar kerajaan meletakkan kemuliaan Ahli Dewan ini berada di tahap yang sebenar. Pada saya sistem representatives, sistem perwakilan yang ada di negara ini adalah lanjutan daripada sistem yang kita buat pada 1955, pada masa itu ada 55 ahli kita lanjutkan, kita tambah dari masa ke masa berdasarkan kehendak orang ramai, berdasarkan kehendak kawasan sehingga sekarang sudah jadi 219.

Saya rasa, pada pandangan saya bersetuju dengan pandangan dari Santubong pagi tadi. Yang di-Pertua sahaja yang diletakkan begitu statusnya adalah selepas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Tuan Speaker tetapi Timbalan Speaker saya diberitahu pagi tadi Timbalan Speaker tarafnya sama dengan Timbalan Menteri bila saya keluar saya semak sebenarnya tidak, di bawah, *bodyguard* pun tidak ada. Timbalan Menteri ada Setiausaha Sulit Kanan, ada Setiausaha Sulit, ada Pegawai tetapi Timbalan Speaker tidak. So, di mana dikatakan ada kemuliaan, itu Timbalan Speaker. Bagaimana seorang Timbalan Speaker hendak mengawal Menteri-menteri, hendak mengawal Ketua Pembangkang kalau statusnya adalah sama dengan Timbalan Menteri - bawah, seharusnya paling kurang Timbalan Speaker mesti sama dengan Menteri.

Kalau kerajaan boleh mengadakan jawatan Penasihat Jabatan Perdana Menteri bertaraf Menteri, apa salahnya Timbalan Speaker bertaraf Menteri, ada kereta, ada Setiausaha Politik, ada Setiausaha Sulit, ada Setiausaha Sulit Kanan, ada pegawai. Bila taraf itu naik dengan sendirinya ahli kita di bawah termasuk daripada Rantau Panjang, termasuk daripada Batu Gajah, termasuk kita semuanya terutamanya daripada Ketereh juga akan sendirinya naik sebab yang atas sudah naik, tetapi kedudukan yang ada sekarang ini tidak begitu, hari ini kita berbincang, minggu lepas kita berbincang, minggu depan kita akan berbincang, 18 hari lagi kita akan berbincang soal tajuk bajet, duit. Kalau kita tidak lulus, tidak lulus. Bonuslah, gajilah, emolumentenlah berbagai-bagai, bukan sikit ratusan juta, bilion tetapi yang membahaskan ini tarafnya tidak ke mana, taraf kita tidak ke mana.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Batu Gajah.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Duduk, saya bincang soal serius, tidak ada masa.

**Seorang Ahli:** Boleh setengah jam lagi.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Bukan tidak cari kemuliaan, kita hendak cari kemuliaan, *listen attentively*, dengar dengan baik, ini untuk kepentingan bersama. Kita tengok kedudukan kita, hendak pejabat Ahli Parlimen, kita boleh buat di mana sahaja. Pada saya kalau hendak memuliakan sistem representatives, perwakilan ini, Ahli Parlimen patut ada satu pejabat khusus, siapa pun masuk itu pejabatnya dan *member can come and go*, dengan izin, tetapi pejabat tetap di situ macam menteri, menteri bertukar pejabat di situ, setiausaha di situ, kerani di situ, sekarang tidak ada. Saya sedang dalam proses membaiki pejabat, orang lain menang dia bawa lagi ke pejabat itu di sana. Kenapa tidak boleh *institutionalize*kan pejabat Ahli Parlimen ini bersama dengan DO, sebelah bilik DO atau atas kepada bilik DO atau bawah bilik DO. Ini pejabat Ahli Parlimen, siapa mahu masuk di situ. Institusi itu diperbadankan, ada dengan setiausaha, ada dengan pegawainya barulah senang.

Besok saya hendak balik ke kawasan, kawasan saya kena ribut, 54 orang kena ribut. Saya hendak dahulukan duit RM14,000 hendak bagi RM300, RM200 kerana atap zink tidak ada, hendak cari RM14,000 pun tidak jumpa lagi, terpaksa tangguh minggu depan sebab duit belum ada lagi tunggu, tunggu, tunggu sebab hari ini baru tahu. Muliakah orang begini, tiga kemuliaan bagi laki-laki, Tuan Pengerusi, tiga

kemuliaan - yang pertama, isteri yang baik, kalau isteri jahat, jangan ketawa banyak nanti jadi isteri jahat, mu belum kahwin, isteri yang baik itu kemuliaan yang pertama maknanya kalau kita tinggal dia jaga anak, dia jaga rumah dia, itu kemuliaan pertama. Kemuliaan kedua, rumah yang elok, rumah wakil rakyat naik pun tangga jatuh, tidak boleh, hina. Ketiga, kemuliaannya ialah kenderaan yang elok. Ini hadis Rasulullah s.a.w., apa maksud kenderaan yang elok, kalau zaman dulu dia menjadi panglima perang, dia jadi Khalifah tiba-tiba dia naik unta buta atau unta tempang, macam mana orang ketawa dengan dia atau kita wakil rakyat naik kereta buruk kejap-kejap mati, kejap-kejap mati, kejap-kejap mati orang ketawa apa wakil rakyat ini, papa kedana.

Tiga kemuliaan bagi lelaki, tiga kehinaan bagi lelaki-lelaki, kehinaan yang pertama isteri yang jahat, hina ada isteri yang jahat sebab itu kalau ada isteri yang jahat tinggalkan mereka atau ajar mereka sekurang-kurangnya. Yang kedua, mempunyai rumah yang buruk, itu hina rumahnya. Sebab itu kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan hendak bina rumah, Kementerian Pembangunan Luar Bandar buat rumah rakyat termiskin sebab hina tidak ada rumah ini, hina tidur dalam kotak, hina tidak ada tempat kehidupan.

Yang ketiga, ialah kenderaan yang buruk, koyak rabak, juga hina. Maka hendak memuliakan ini, institusi yang mulia seperti ini seperti Dewan ini kita bertempik sekuat mana sekalipun, kalau ianya tidak didengar, bertempik sekuat gajah sekali pun kalau institusi Ahli Parlimen atau Parlimen ini tidak dimuliakan, ianya tidak ke mana. Maka saya pohon kepada kerajaan, *it is the time* sudah sampai masanya kita tidak mengambil rentetan daripada British. Sekarang ini yang ada yang berkuasa bukan kita, wakil rakyat. Bukan kita minta kuasa tetapi sistem negara ini adalah sistem *representative*, sistem perwakilan. Kita mewakili suara rakyat, suara rakyat adalah *supreme*, suara rakyat adalah mengatasi segala-galanya. Sebab itu hendak jadi Perdana Menteri mesti jadi Ahli Dewan ini, mesti berada daripada Dewan ini, hendak jadi Menteri mesti berada di Dewan ini atau kalau tidak boleh duduk pun Dewan satu lagi. Maknanya kalau Menteri keluar daripada dewan ini tolong ingatlah Dewan ini, sebab Dewan inilah bermulanya jawatan tersebut, maka muliakanlah institusi ini.

Yang ketiga, mengenai kemuliaan lagi, saya hendak sebut soal Parlimen - terima kasih kerana tidak ganggu...

**Beberapa Ahli:** Boleh, boleh, boleh!

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat hanya ada tiga minit sahaja.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Berapa minit?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ada tiga minit.

**Seorang Ahli:** Boleh beri setengah jam lagi ini, boleh lagi!

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau hendak beri setengah jam dengan syarat semua tidak mahu berucap lagilah, semua bersedia tidak mahu berucap lagi, boleh!

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Terima kasih. Sebenarnya saya hendak sebut semalam kita berbincang sampai pukul 11.00 malam, saya sudah pulang. Saya sudah pulang kerana semalam adalah Nisfu Sya'aban. Nisfu Sya'aban hanya berlaku sekali dalam satu tahun, Nisfu Sya'aban kepada orang bukan Islam ialah hari di mana buku akuan kita ditukar, Malaikat akan syif bertukar ganti pada waktu fajar kepada buku baru, hari ini buku baru, elok berpuasa hari ini. Kepada yang tidak, tidak mengapalah tetapi niat baik-baik esok boleh puasa, lusa boleh puasa, bulan Sya'aban. Tetapi kita tinggalkan malam Nisfu Sya'aban, malam yang hanya ada satu hari untuk bersama dalam Dewan yang mulia kerana membincangkan perkara yang mulia, saya yakin yang mana hadir di sini semalam sebenarnya sangat mulia sifatnya kerana meninggalkan malam yang elok untuk membincangkan soal yang mulia, soal negara, soal masa depan bangsa, soal berbilion-bilion ringgit untuk dibelanjakan kepada rakyat, hendak bagi bonus kepada pegawai-pegawai kerajaan, hendak tolong rakyat termiskin dan sebagainya. Maka dengan itu kita harus memikirkan satu kaedah dan cara supaya kedudukan wakil-wakil rakyat ini didengar, kalau jumpa pegawai kerajaan, *have some respect*. Kita tidak menyalahkan pegawai kerajaan tetapi oleh kerana institusi itu begitu, maka akhirnya wakil rakyat kena sambut DO bukan DO sambut wakil rakyat. *[Tepuk]*

Kita mewakili suara rakyat dan kita kena appeal kepada pegawai kerajaan, bolehkah Yang Berhormat luluskan, sepatutnya mereka appeal kepada kita, kenapa hari ini, ini kita boleh tidak luluskan ini? *[Sambil menunjukkan sebuah dokumen]* Kita boleh tidak lulus? Tetapi tidak pernah ada dalam sejarah negara ini di mana buku setebal ini tidak diluluskan, apa pun diminta diluluskan walaupun terpaksa, kadang-kadang sampai ke sini hari terakhir, lulus juga kerana apa? Kerana memikirkan soal

negara, memikirkan soal bangsa, memikirkan soal rakyat. Maka saya minta supaya eksekutif memerhatikan Parlimen ini, jangan terbalik. Sepatutnya Parlimen memerhatikan eksekutif tetapi sekarang kita merayu, eksekutif yang buat dasar supaya meletakkan institusi-institusi ini di tempatnya yang sebenarnya, saya kira wajar untuk saya bercakap itu sahaja sebab ada empat tajuk tetapi saya akan mengambil masa yang lain pula. Jadi saya ucap banyak terima kasih atas perhatian daripada Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tumpat.

**3.04 ptg**

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi atas kebenaran untuk berbahas berkenaan dengan Jabatan Perdana Menteri di bawah perkara Maksud Bekalan 1 hingga 9. Saya ingin memulakan dengan ringkasnya dengan menyentuh Maksud Bekalan B.01 - Parlimen. Saya ingin menyambung dan menyatakan sokongan saya Tuan Pengerusi di atas apa yang diucapkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, daripada pembangkang dan juga daripada Back Benchers berkenaan betapa pentingnya taraf dan kedudukan Parlimen ini dan oleh itu menyeru bersama-sama dengan mereka akan betapa perlunya kedudukan Parlimen, kemudahan-kemudahan Parlimen dan segala yang berkaitan dengannya diperkuatkan lagi daripada keadaan yang sedia ada sekarang. Saya juga ingin mengingatkan bahawa di pihak pembangkang, kami juga sering menyebutkan tentang betapa penting aspek-aspek perjalanan Parlimen ini Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan, masa berbahas dan sebagainya juga diberikan keutamaan.

Selain daripada menyentuh betapa tingginya sepatutnya taraf yang Yang di-Pertua Dewan-dewan, Timbalan-Timbalan Yang di-Pertua Dewan-dewan, saya ingin juga menyentuh satu perkara yang mungkin belum disentuh oleh rakan-rakan yang lain berkaitan dengan Parlimen ini iaitu pegawai-pegawai Parlimen. Saya telah menyentuh dalam perbahasan di awal penggal ini tentang misalnya betapa baiknya jika perkhidmatan Parlimen di pulihkan kembali. Saya difahamkan Parlimen pernah mempunyai perkhidmatan Parlimennya yang tersendiri, yang mana bererti bahawa pegawai-pegawai di pilih dan di lantik oleh Parlimen ini dan perkhidmatan mereka bertumpu kepada perkhidmatan di Parlimen ini, tetapi saya difahamkan bahawa perkhidmatan Parlimen ini dimansuhkan dan sekarang ini pegawai-pegawai Parlimen

adalah pegawai-pegawai kerajaan seperti di kebanyakan kementerian dan jabatan-jabatan yang lain.

Oleh sebab itu saya ingin mengulangi betapa pentingnya untuk kita meningkatkan peranan Parlimen, keberkesanan Parlimen selain daripada menyokong cadangan-cadangan Yang Berhormat banyak dan baik-baik tadi, saya ingin juga mengulangi harapan saya bahawa perkhidmatan Parlimen ini diwujudkan kembali, dipulihkan kembali supaya Parlimen dengan pegawai-pegawainya sekali dapat memberikan melalui tugas dan tanggungjawab Ahli-ahli di dalam Dewan yang mulia ini, dapat memberikan perkhidmatan yang sebaiknya kepada negara.

Saya ingin menambah cadangan itu sebagaimana saya pernah sebutkan dahulu bahawa perkhidmatan Parlimen ini bukan sekadar untuk yang bekerja di Dewan dan di Bangunan Parlimen ini tetapi digabungkan sebagaimana yang saya sebutkan dahulu dengan pegawai-pegawai yang bekerja di Suruhanjaya Pilihan Raya dan saya ingin tambah lagi dengan pegawai-pegawai yang bekerja di Dewan-dewan Undangan Negeri di seluruh negara.

Maka satu perkhidmatan yang agak sizeable dengan izin, yang agak besar yang mengandungi mereka yang berkhidmat di Parlimen ini, mereka yang berkhidmat di semua Dewan-Dewan Undangan Negeri di seluruh negara dan mereka yang berkhidmat Suruhanjaya Pilihan Raya saya cadangkan bolehlah difikirkan bagaimana hendak menggabungkan supaya suatu perkhidmatan yang baru dapat kita wujudkan. Khususnya di Parlimen ada juga pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga daripada apa yang saya dengar di kalangan pekerja-pekerja di sini, betapa perlunya taraf dan tugas-tugas mereka itu diberikan keutamaan dan pertimbangan yang sewajarnya.

Misalnya sebagai satu contoh yang mudah, saya diberikan gambaran bahawa di Bahagian Pusat Sumber misalnya kadangkala pegawai-pegawai yang tidak specialist dengan izin, tidak pakar dalam bidang Pusat Sumber itu oleh kerana tekanan suasana, pembahagian, pengagihan pegawai dan sebagainya diletakkan di tempat seperti itu walhal mungkin pegawai berkenaan tidaklah sebaik-baiknya dan sepadan-padannya dalam kemampuan dan pengkhususan beliau sesuai untuk berkhidmat di tempat itu. Jadi saya ingin cadangkan bahawa pegawai-pegawai yang berkhidmat dalam Parlimen ini hendaklah dilatih dengan baik dan diagihkan dengan sesuai supaya mereka ini berkhidmat di tempat-tempat yang sesuai untuk mereka supaya kita juga

dapat memperolehi khidmat yang sebaik-baiknya daripada semua jabatan-jabatan yang ada di Parlimen yang mulia ini.

Keduanya Tuan Pengerusi, saya ingin sebutkan bahawa untuk kita menjaga kemuliaan Parlimen, kuasa, keutuhan, kekebalan Parlimen ini mestilah kita kukuhkan dan perkuatkan. Saya ingin rujuk kepada kes yang melibatkan Ahli-ahli Yang Berhormat kita dalam penggal yang lalu, tiba-tiba di atas inisiatif kawan-kawan di sini juga diselidiki dan kemudiannya akhirnya selepas berbagai-bagai ucapan oleh Menteri-menteri yang terlibat, dua di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat ketika itu didakwa di mahkamah iaitu Yang Berhormat bagi Kota Bharu ketika itu dan Yang Berhormat bagi Jeli ketika itu. Mereka didapati dituduh di atas kes membuat tuntutan salah dan rasuah dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, sebagaimana yang kita tahu berbelas-belas anggota Dewan Rakyat ketika itu disiasat dan kita ketahui di kalangan kita bahawa tidak hanya dua orang ini sahaja yang boleh didapati dan boleh sesuai untuk didakwa di mahkamah. Kita mendapati bahawa pendakwaan ini adalah pendakwaan terpilih, kita dapati bahawa pendakwaan ini ada motif politik yang tidak baik di kalangan pihak kerajaan. Jadi saya ingin menyeru dan menuntut di sini bahawa kes seperti ini yang melibatkan Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, dibicarakan dan dikaji dan sebagainya, di hukum di sini dan tidak semudah itu untuk tuntutan politik tertentu ketika itu dibawa dan dihadapkan di mahkamah...

Jadi, saya rasa itu adalah satu perkara yang penting jika kita benar-benar ingin menjaga dan meningkatkan kemuliaan Dewan yang mulia ini.

Ketiganya, Tuan Pengerusi, saya juga ingin mencadangkan supaya oleh kerana teknologi Dewan ini begitu canggih dan baik sekali, dan terbilang sekali berbanding dengan dewan-dewan Parlimen di seluruh dunia ini supaya Ahli-ahli Yang Berhormat diberikan secara tanpa kita memohonnya teks-teks ucapan mereka, malah CD dengan gambar video mereka secara automatik. Maknanya mungkin tiap-tiap tiga bulan sekali segala ucapan kita diberikan kepada kita supaya ianya mudah untuk kita simpan sebagai rekod untuk kita, jika terpaksa menunjukkan kepada rakyat di bawah yang kita menjadi Ahli Dewan Rakyatnya tentang sumbangan dan perkhidmatan kita di Dewan yang mulia ini. Jadi, saya fikir ini adalah satu teknologi yang amat mudah dilakukan memandangkan kecanggihan teknologi yang kita sudah ada sekarang ini.

Keempatnya, Tuan Pengerusi, tentang Parlimen juga. Untuk meningkatkan lagi mutu anggota-anggota Parlimen kita, saya menyarankan supaya boleh dipertimbangkan yang Ahli-ahli Yang Berhormat ini, dibenarkan untuk melawat Parlimen-Parlimen luar daripada Malaysia, sekurang-kurangnya untuk satu penggal ini sekali sama ada melawat Parlimen untuk mengikuti, mengetahui dan mempelajari cara perjalanan Parlimen-Parlimen lain seperti Parlimen Indonesia, Singapura, Jakarta, Bangkok dan sebagainya dan juga kalau tidak itu pun, dibenarkan untuk mengunjungi negara-negara apabila pilihan raya diadakan di negara-negara yang berkenaan sama ada Pemilu di Indonesia baru-baru ini ataupun mungkin juga pilihan raya yang dilakukan di Hong Kong untuk *legislative council* Hong Kong baru-baru ini, perkara-perkara seperti itu perlu dipertimbangkan.

Tuan Pengerusi, saya cuba untuk melajukan lagi ucapan saya iaitu menyentuh tentang Petronas di bawah Jabatan Perdana Menteri. Saya ingin merayu dengan mudah dan ringkas supaya royalti minyak untuk negeri Terengganu diberikan kembali. Walaupun ianya sekarang di bawah pentadbiran Barisan Nasional, walaupun ianya ditarik kerana ianya pada ketika itu negerinya di bawah pentadbiran PAS dan Barisan Alternatif, tetapi saya merayulah bagi pihak rakyat Terengganu, hak mereka kepada royalti minyak 5% itu dipulihkan kembali.

Saya juga ingin merayu bahawa negeri Kelantan diberikan royalti minyak yang setaraf dan sesuai dengan minyak yang dijumpai di lautan yang berhadapan dengan negeri Kelantan, dan tidak ada lagi perkara ketidakadilan seperti ini diteruskan demi untuk kepentingan rakyat.

Kita tidak mahu hanya bercakap tentang agenda Melayu di Dewan Perhimpunan Agong UMNO sahaja, Tuan Pengerusi, tetapi apabila kita berkuasa, jangan kita salah gunakan kuasa itu untuk menarik hak rakyat ini dan kalau hak ini ditarik, sebagaimana yang berlaku dan sebab antaranya harga minyak naik melebihi USD50 satu tong sekarang ini, ialah kerana ketakutan bahawa rakyat Nigeria di tempat di mana didapati tempat perlombongan minyak di Nigeria itu akan memberontak kerana minyak itu tidak dapat apa-apa kepentingan kepada mereka.

Ini adalah keadilan yang mudah, yang *simple*, yang dihormati oleh seluruh negara di seluruh dunia dan janganlah Malaysia ketinggalan dari sudut itu.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang Jabatan Peguam Negara, yang mana di bawah satu Kepala berkenaan dengan terjemahan dan

penggubalan rang undang-undang, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengulangi sekali lagi harapan saya, yang saya juga sebutkan beberapa kali iaitu supaya undang-undang negara kita yang masih lagi ada dalam bahasa Inggeris diterjemahkan ke bahasa Malaysia di bawah Perkara 040000 – Perkhidmatan Gubalan Undang-undang dan di bawah Butiran yang di bawahnya.

Saya ingin menyeru supaya pihak Jabatan Peguam Negara membuat jadual dan sasaran yang jelas dan tetap bahawa semua undang-undang yang sedia ada, yang masih lagi belum diterjemahkan ke bahasa Malaysia, beritahulah kepada Dewan ini matlamatnya bila semua undang-undang ini akan akhirnya diterjemahkan ke bahasa Malaysia supaya....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masa cukuplah.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** ...supaya kita tidak menunggu-nunggu akan hasil daripada tindakan kerajaan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, saya ingin membuat keputusan supaya pada pukul 4.00 petang, Menteri dijemput menjawab. Jadi, sekiranya ramai hendak berucap, bolehkah saya turunkan daripada 10 minit ke 5 minit supaya lebih ramai dapat berucap.

**Beberapa Ahli:** Boleh!

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya fikir boleh diterima supaya lebih ramai lagi dapat berucap. Pukul 4.00 petang Menteri akan menjawab. Yang Berhormat bagi Jasin, 5 minit.

**3.15 ptg.**

**Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya hendak menyentuh tentang B.5 dan B.7, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Jabatan Perkhidmatan Awam kerana kita lihat pada hari ini, kita akan menghadapi bajet yang begitu besar untuk pembangunan luar bandar, dan saya sering menyebutkan ialah tentang pegawai-pegawai pelaksana.

Saya dari bahagian Jasin, Parlimen Jasin untuk makluman Tuan Pengerusi, sehingga hari ini sudah 20 pegawai daerah di kawasan Jasin, daripada merdeka tahun 1957 sampai sekarang, 20 pegawai daerah bermakna satu pegawai daerah lebih

kurang dua tahun sahaja. Bila dia berkhidmat di Jasin dua tahun, apa yang dia boleh buat, Tuan Pengerusi?

Jadi kita berharap supaya Suruhanjaya Perkhidmatan Awam supaya memberi peluang kepada ADO-ADO yang cemerlang, biar umur dalam 35 tahun atau 40 tahun itu dinaikkan pangkat sebagai DO supaya dia duduk lama sedikit di peringkat daerah. Apa yang berlaku sekarang ini kebanyakannya pegawai-pegawai daerah yang dilantik menjadi pegawai daerah di kawasan-kawasan luar bandar adalah mereka dari kalangan ADO-ADO kanan yang telah bertugas, yang mana tinggal dua tahun lagi hendak pencen, diberi pangkat sebagai pegawai daerah untuk menjaga daerah itu. Akhirnya mereka pun tidak ada minat lagi untuk bekerja di kawasan daerah itu dan membuatkan daerah itu tidak membangun.

Satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, yang saya hendak sebut dengan begitu cepat ialah berkenaan dengan Petronas, dan ini saya berharap supaya Petronas mengambil perhatian ini berkenaan dengan stesen-stesen minyak Petronas yang diberikan kepada masyarakat bumiputera.

Yang sebenarnya apabila Petronas membuat stesen-stesen minyak ini, dia ada tiga konsep iaitu DBS (Dealer Build Station), PCOS (Partially Company Own Station) dan COS (Company Own Station). Yang DBS ini, orang ini mempunyai tanah, dia bina sendiri, dia ambil ejen minyak daripada Petronas. Yang PCOS ini *Partially Company Own Station*, orang itu punya tanah Petronas buatkan pam minyak, dia menjadi ejen. Yang COS ini, Petronas punya tanah, Petronas punya stesen, orang ini hanya jadi ejen.

Yang saya hendak timbulkan sekarang ialah nasib mereka yang dalam konsep PCOS ini, iaitu *Partially Company Own Station*, yang mana tuan tanah punya tanah, Petronas bina stesen dan dia menjadi ejen. Untuk makluman Tuan Pengerusi dan Dewan yang mulia ini, apabila projek ini dijalankan pada tahun 1983 dan 1984, Petronas telah mengikat *agreement* ataupun pajakan dengan tuan-tuan tanah ini dengan kadar sewa yang amat menyedihkan sekali iaitu RM300 sebulan selama 30 tahun.

Dengan RM300 sebulan, Petronas bina stesen, melantik kawan ini jadi *dealer*. Pada peringkat awal, *dealer-dealer* ini dijanjikan bahawa oleh kerana tanah ini tanah mereka sendiri, mereka akan dapat komisen lebih daripada *Company Own Station* dan dapat kemudahan-kemudahan yang lain-lain. Tetapi apabila telah berjalan, akhirnya

Petronas Dagangan *stopkan* perkara ini dan akhirnya diibaratkan *company* PCOS ini sama dengan *Company Own Station* dan sekiranya *dealer-dealer* itu bermasalah, Petronas Dagangan akan pecat *dealer* itu dan dia akan melantik *dealer* lain untuk *run* stesen itu.

Jadi, yang tuan punya tanah yang telah gadaikan ataupun pajak dekat Petronas selama 30 tahun, dia akan kerugian dan untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat, kebanyakan tanah yang dipilih adalah tanah-tanah yang dalam bandar, yang mana harganya mungkin RM100 satu kaki. Bayangkan dipajak kepada Petronas selama 30 tahun dengan harga hanya RM300 dan ini yang menyedihkan pada hari ini. Dan banyak di antara stesen-stesen ini gagal oleh kerana Petronas terlampau ghairah menyiapkan stesen-stesen di satu-satu tempat sehinggakan dia bersaing di antara dia dengan dia.

Pada peringkat awal Petronas mengatakan tidak ada satu stesen akan dibina dalam lingkungan lima batu, tetapi sekarang ini oleh sebab hendakkan bilangan, hampir dalam jarak satu kilometer pun kita boleh dapat dua stesen Petronas. Akhirnya mereka rugi. Bila rugi, tanah mereka telah dipajak dengan Petronas RM300 sebulan, RM108 ribu...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof:** ...daripada RM108 ribu ini....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Masa cukup.

**Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof:** Masa cukup, Tuan Pengerusi? RM108 ribu..

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Juga ada panggilan telefon.  
[Ketawa]

**Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof:** Ha, berbunyi pula dia, Tuan Pengerusi. Ini kawan ini kacau, Tuan Pengerusi.

Jadi saya berharap Menteri yang bertanggungjawab Petronas ini kalau benar kerana kita dapati bahawa kebanyakan *dealer* Petronas ini adalah orang-orang bumiputera dan janganlah Petronas sebagai syarikat yang *giant* di Malaysia ini yang *declare* untung sampai bilion-bilion janganlah bumiputera orang Melayu kita ini, kita cekik juga. Kita sama-sama cekik dengan pajakan begitu murah RM300 sebulan selama 30 tahun tanah-tanah yang bernilai ratus ringgit per kaki.

Sekian, itu sahaja Tuan Pengerusi pandangan saya dan saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sekijang.

**3.20 ptg.**

**Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama membahaskan dalam peringkat Jawatankuasa. Saya hanya ingin menyentuh tentang B.6 sahaja iaitu Jabatan Perdana Menteri di mana pagi tadi kawan-kawan saya yang lain seperti Yang Berhormat bagi Ledang dan juga ada dua tiga tempat tadi telah menyentuh tentang NGV ataupun *Natural Gas for Vehicle*.

Jadi pada hari ini kerajaan dikatakan telah memberikan subsidi sampai RM9 bilion. Kalau saya salah minta Menteri yang menjaga betulkan saya. Jadi ini tentunya merupakan satu kewangan yang terbesar kepada negara kita kerana kita hanya memberikan subsidi tetapi kita tidak pergi kepada alternatif-alternatif yang lain seperti mana yang diperkatakan bahawa bekalan gas di dalam negara kita ini boleh bertahan sampai 100 tahun manakala bekalan sumber petrol tidak sampai pun saya rasa 15 tahun.

Jadi, mengapa kita tidak beralih kepada NGV ini kerana kerajaan menggalakkan penggunaan ini saya rasa tidak sepenuhnya kerana setiap kali dibuat kenyataan surat khabar dan sebagainya lepas itu kita tinggalkan begitu sahaja. Pada ketika ini di Malaysia penggunaan kenderaan untuk NGV ini hanyalah lebih kurang dalam 7000 hingga 8000 sahaja yang kebanyakannya adalah teksi-teksi.

Jadi sebagaimana yang diperkatakan pada pagi tadi bahawa NGV ini adalah alternatif kita yang mana dikatakan bahawa pembakarannya adalah lebih bersih dan lebih *friendly* kepada alam sekitar dan sekali gus tentunya akan mengurangkan kerosakan kepada enjin kenderaan tersebut dan ianya juga dikatakan lebih selamat penggunaannya berbanding dengan petrol itu sendiri dan yang penting harganya adalah lebih rendah iaitu pada ketika ini dibandingkan dengan petrol yang berharga RM1.37 per liter tetapi NGV adalah RM0.57 sahaja seliter.

Jadi ini sudah tentu akan memberikan keuntungan kepada pengguna-pengguna itu sendiri tetapi pada hari ini pengguna-pengguna kenderaan NGV ini menghadapi masalah kerana dikatakan kosnya yang begitu tinggi yang mana pagi tadi

Yang Berhormat bagi Ledang ada menyebutkan bahawa RM1,200 untuk memasang peralatan ataupun kit untuk penggunaan NGV ini tetapi apa yang saya ketahui bahawa untuk memasang kit ini yang diimport terutamanya daripada luar negara kosnya adalah lebih kurang RM2,500. Ini tentunya agak tinggi dan berkeberatan bagi orang ramai untuk memasang peralatan ini.

Kita mendapati bahawa stesen minyak ataupun petrol kiosk yang ada menyediakan kemudahan NGV ini juga begitu terhad yang mana Petronas NGV Sdn. Bhd. yang diberi hak untuk memasarkan ini hanya dapat memasarkan di Lembah Klang, di Penang dan Johor Bahru sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masa.

**Tuan Baharum bin Mohamed:** Sedikit lagi, Tuan Pengerusi. Belum habis, Tuan Pengerusi. Jadi oleh kerana kita menghadapi masalah ini sukalah saya mencadangkan pada Dewan yang mulia ini terutama kepada Menteri yang menjaga minyak ini untuk sama-sama kita fikirkan. Pertama, kita arahkan semua stesen minyak di dalam negara kita ini supaya menjual sama NGV ini supaya kemudahan ini terdapat di merata-rata di dalam negara kita.

Keduanya, peralatan yang mahal ini yang dikatakan RM2,500 ini kita bagi potongan atau pihak kerajaan beli mungkin 100 unit di peringkat awalnya ataupun lebih daripada itu.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Tuan Baharum bin Mohamed:** .....kalau 100 unit pun kita hanya membelanjakan sebanyak RM250 juta sahaja berbanding dengan berbilion yang kita subsidi. Jadi apa salahnya kalau bagi *free* pun kepada pengguna-pengguna peringkat awal ini 100 unit, kita berbelanja RM250 juta. Kalau 200,000 unit pun kita baru belanja RM500 juta. Jauh daripada subsidi yang kita keluarkan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Baharum bin Mohamed:** Sedikit lag, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat tidak ikut pesan saya.

**Tuan Baharum bin Mohamed:** Baru hendak mula, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat sanggup tadi, bersetuju.

**Tuan Baharum bin Mohamed:** Sedikit lagi, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ramai lagi, ramai.

**Tuan Baharum bin Mohamed:** Sedikit lagi, Tuan Pengerusi. Gulung, gulung.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat saya yakin Menteri fahamlah. Jadi, cukuplah.

**Tuan Baharum bin Mohamed:** *[Ketawa]* Okey.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Labuan.

### 3.27 ptg.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk terus kepada P.6 Kepala Pejabat Tanah dan Galian Wilayah. Ini berkaitan dengan penyewaan sekeping tanah. Ini masalah spesifik yang melibatkan dermaga Labuan, saya harap Dato' Mustapa dapat bantulah perkara ini. Tanah dimiliki oleh Jabatan Tanah dan Galian manakala bangunan dimiliki oleh Jabatan Laut. Ini melibatkan dermaga ataupun *Liberty Wharf* di mana perniagaan ataupun kemasukan barangan-barangan untuk dijual dan diniagakan menggunakan *Liberty Wharf* sebagai pintu masuk.

Masalahnya timbul di sini ialah gudang yang dibina di atas tanah Pejabat Tanah dan Galian ini disewakan kepada satu syarikat swasta. 160 operator pelabuhan hari ini menderita kerana bayaran yang dikenakan setelah gudang tersebut disewakan berlipat-lipat ganda sehingga mereka mengemukakan petisyen ke Pejabat Perbadanan dan saya akan majukan ke Pejabat Menteri dalam jangka waktu yang terdekat.

Saya memohon kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri supaya melihat perkara ini dengan serius kerana ia tidak selaras dengan hasrat kerajaan untuk membangunkan Labuan sebagai pulau pelancongan bebas cukai dan juga destinasi membeli-belah yang unggul kerana bila mana harga-harga dinaikkan caj-caj untuk membawa masuk kontena dan barangan berlipat ganda harganya disebabkan oleh gudang disewakan ataupun diswastakan maka ia tidak menyumbang kepada ekonomi setempat.

Saya merayu kepada kerajaan terutamanya Menteri di Jabatan Perdana Menteri supaya mengkaji perkara ini, sama ada EPU telah mengkaji atau luluskan penswastaan *liberty warf* tersebut. Saya mencadangkan kalau boleh supaya yang mana melibatkan orang awam kepentingan *consumer*, kerajaan harus mengambil

iktibar supaya jangan diswastakan kerana ia tidak menyumbang atau memberi kesenangan kepada rakyat marhaen.

Jadi ini perlu Tuan Pengerusi, kita bukan dalam keadaan yang terdesak sehingga semua harta milik kerajaan hendak diswastakan. Bila mana kita swastakan, ianya tidak menyumbang langsung kepada rakyat, tidak memudahkan rakyat, saya rasa ia patut dikaji semula dan saya meminta *Liberty Warf* Labuan ini yang sekarang ini bangunan milik Jabatan Laut, tanah milik Jabatan Galian, Jabatan Galian sewakan tanah, Jabatan Laut tidak setuju tetapi diteruskan juga, perkara ini harus dikaji. Saya rasa EPU tidak mengetahui tentang perkara ini.

Tuan Pengerusi, yang kedua, juga dalam B.6, ini Pasukan Petugas Khas ataupun Bahagian Keselamatan Negara (BKN). Di Dewan yang mulia ini, saya telah berkali-kali bercakap tentang PTI. Jumlah penduduk hari ini sehingga 2002, mengikut statistik Jabatan Perangkaan 80 ribu. Tetapi 15 ribu pendatang tanpa izin dan Pasukan Petugas Khas berikan kemudahan api percuma, air percuma sedangkan menteri sendiri tahu di Labuan hari ini, kami menderita air, kami menderita bekalan elektrik tetapi mereka boleh buka *tap* air tidak tutup, buang macam itu sahaja, kenapa? Kerana kerajaan bagi percuma. Mereka bukan pelarian perang, mereka pelarian ekonomi. Kenapa kerajaan biarkan? Kenapa belanja berpuluh juta ringgit...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat kena gulung ya?

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Ya. Kenapa kerajaan berbelanja berpuluh juta ringgit hanya untuk menanggung orang-orang pendatang tanpa izin ini? Yang Berhormat Dato' Menteri, saya minta kajilah, ini bukan kali pertama, sudah bertahun-tahun kita menjaga nasib PTI ini, mereka tidak menyumbang kepada kemajuan negara, tidak menyumbang kepada kemajuan Labuan ataupun di negeri Sabah. Mereka menyumbang masalah, ada. Kita membelanjakan berjuta-juta ringgit, sila kaji. Kita hendak bagi dia kemudahan itu, kemudahan ini, dia tidak mengundi. Kenapa tidak dihantar mereka balik?

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr.Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Saya mencadangkan supaya disiasat, apakah ia mendatangkan keuntungan kepada individu sama ada orang dalam kerajaan atau di luar kerajaan. Jika ada, kita minta BPR masuk siasat termasuklah saya katakan tadi, yang Pejabat Tanah dan

Galian, Jabatan Laut dan *Liberty Warf*. Saya minta kepada menteri dengan penuh hormat, tolonglah, arahkanlah BPR masuk, tunjukkan kepada rakyat bahawa kita telus, bahawa kita tidak berdolak-dalik dalam perkara-perkara yang melibatkan kepentingan rakyat umum. Ini yang saya minta Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Ya, cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Jadi, Tuan Pengerusi, saya mohon kepada Yang Berhormat Menteri supaya perkara ini diberikan perhatian serius dan diberikan tindakan sewajarnya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat. Beluran, Beluran.

### 3.33 ptg.

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Aturan Urusan Mesyuarat yang diberikan oleh Parlimen hari ini. saya ingin tahu sama ada bukan Ahli boleh dimasukkan untuk bertanya dalam Aturan Mesyuarat kita kerana kalau kita rujuk soalan nombor 24 yang ada pada hari ini, Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor yang sepatutnya telah digantung selama enam bulan, tetapi nama dan soalan beliau masih lagi keluar dalam Aturan Mesyuarat kita pada hari ini. Saya melihat ini sebagai terdapat ketidakselarasan antara keputusan Parlimen dengan pihak pentadbiran dan saya minta agar perkara ini diperbaiki selama enam bulan ini agar bukan Ahli tidak akan dibenarkan mengemukakan soalan dalam Aturan Urusan Mesyuarat Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, kita akur bahawa kerajaan – Parlimen telah memberikan peruntukan RM6,000 kepada setiap Ahli Parlimen untuk membeli komputer, *personal computer* (PC) tetapi secara praktikalnya, Ahli-ahli Parlimen masih memerlukan komputer di Parlimen ini. Pada ketika ini kita cuma dibekalkan komputer, ada lapan hingga sepuluh unit di Perpustakaan Parlimen tetapi satu, ianya tidak mencukupi dan kedua, antara bilik mesyuarat ini dengan perpustakaan, satu keadaan yang jauh dan susah untuk balik ke bilik persidangan ini apabila diperlukan dan saya melihat bahawa Parlimen harus melihat perkara ini agar meletakkan lebih banyak kemudahan-kemudahan komputer di bilik-bilik kosong yang berhampiran dengan bilik persidangan ini. Saya melihat ini sebagai satu keperluan dan harus diperbaiki sesuai dengan keadaan Dewan yang begini baik sekali sekarang ini.

Begitu juga kalau kita melihat di dalam Parlimen ini, dari tahun lalu, saya melihat bahawa butang-butang yang ada di hadapan kita ini masih kekal seperti empat tahun yang lalu, ada tulisan *micros* di sana, tetapi tekan benda yang lain, tidak ada *respond* terhadap butang-butang yang kita tekan. Saya melihat juga sesuai dengan pengubahsuaian Dewan Parlimen ini dan perbelanjaan yang begitu besar yang telah digunakan oleh Parlimen, perkara kecil seperti ini, kemudahan komputer, pendigitalan Dewan Mesyuarat ini perlu dilihat secara teliti oleh Parlimen sesuai dengan taraf dan juga penaiktarafkan Bangunan Parlimen yang ada sekarang.

Tuan Pengerusi, saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Ketereh dan juga Yang Berhormat bagi Santubong bahawa Ahli Parlimen tidak seharusnya disamaratakan dengan pegawai-pegawai kerajaan apatah lagi keadaan kita sekarang ini ada kemudahan-kemudahan kita yang setaraf dengan kumpulan G pegawai kerajaan dan ada kemudahan kita yang lebih rendah daripada kumpulan G pegawai kerajaan. Untuk memartabatkan Ahli Parlimen, perkara-perkara asas seperti taraf persaraan Ahli Parlimen haruslah dikaji semula oleh kerajaan. Ahli Parlimen sepatutnya tidak ada tarikh tempoh persaraan. Kita bertugas sama ada satu penggal, dua penggal ataupun tiga penggal dan kalau kita lihat, trend Ahli-ahli Parlimen sekarang ini setiap penggal menjadi lebih mudah dan ada kemungkinan ada wakil rakyat yang bertugas hingga tiga penggal tetapi belum mencapai umur 50 tahun untuk layak menerima pencen selepas berhenti sebagai Ahli Parlimen.

Kita tidak harus disamakan dengan pegawai kerajaan yang harus bertugas sehingga umur 55 tahun untuk mendapatkan pencen selepas berhenti sebagai Ahli. Dalam aspek ini, kita tidak boleh disamaratakan dengan pegawai kerajaan. Pegawai kerajaan bertugas dari hari pertama dilantik hinggalah ke umur 55 tahun atau 56 tahun sebagai opsyen. Tetapi Ahli Parlimen ia tidak ada timbul satu penggal ataupun dua penggal ataupun tiga penggal, tetapi ada Ahli Parlimen dalam keadaan sekarang ini sehingga bertugas tiga penggal pun belum layak untuk mendapat pencen selepas bersara. Saya ingin kerajaan mengkaji ini jika disebabkan oleh keadaan ekonomi pada waktu itu keputusan dibuat, di mana mengehendkan tarikh persaraan bagi Ahli Parlimen untuk layak mendapat persaraan ini pada tahap umur 50 tahun dikaji semula dan haruslah disesuaikan dengan keadaan Parlimen yang ada sekarang.

Tuan Pengerusi, perkara lain yang harus dilihat oleh Parlimen adalah untuk Parlimen ini mempunyai *accounting system* sendiri. Dalam keadaan sekarang ini,

tuntutan elaun, tuntutan perjalanan dan sebagainya memakan masa sehingga dua bulan untuk diselesaikan bagi setiap Ahli Parlimen. Tuan Pengerusi, saya yakin jika Parlimen mempunyai *accounting system* sendiri, pembayarannya di buat melalui Parlimen sendiri, tanpa merujuk kepada Akauntan Negara dan sebagainya, kelancaran pembayaran dan kelancaran perjalanan pentadbiran itu sendiri akan menjadi lebih efisien, lebih baik .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Datuk Ronald Kiandee:** Dan saya yakin bahawa ini akan sama-sama membuat Parlimen itu lebih martabat dan lebih dihormati. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Batu Gajah.

**3.39 ptg.**

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi yang baik hati kerana bagi peluang saya untuk turut berbahas walaupun lima minit. Saya ingin merujuk kepada Butiran 200000, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. Kita baru menyambut bulan kemerdekaan dan semua rakyat Malaysia diminta untuk mengibarkan Jalur Gemilang. Persoalannya, apakah kita ada mendidik rakyat kita bagaimana untuk mengibarkan Jalur Gemilang? Saya boleh nampak sepanjang bulan kemerdekaan itu, ada yang gunakan Jalur Gemilang untuk mengalag badan kereta, bumbung kereta. Ada yang menggunakan untuk membungkus makanan, ada yang menggunakan untuk membuat pakaian, ada yang gunakannya untuk membuat topi. Jadi apakah ini cara kita mengendalikan Bendera Kebangsaan kita, Jalur Gemilang?

Jadi, saya berharap apabila kita edarkan, hendak rakyat kita mengibarkan 'Jalur Gemilang' kita juga mesti memastikan mereka tahu bagaimana mengibarkannya dengan cara yang baik menghormati 'Jalur Gemilang'. Saya pohon jabatan boleh mengambil perhatian berkenaan dengan perkara ini.

Perkara yang kedua ialah berkenaan Biro Pengaduan Awam iaitu Butiran 110000, saya terima satu surat dari Encik Ong dari Kedah. Beliau telah menulis kepada Biro Pengaduan Awam mengadu berkenaan pengendalian penyemburan ubat nyamuk secara tidak sah oleh pihak swasta. Jadi, dia telah menulis kepada Biro Pengaduan Awam akan mengambil perhatian, tetapi jawapan dari Biro Pengaduan Awam ialah, kami tidak faham maksud tulisan di dalam akhbar China, tulis dalam bahasa Melayu dengan lengkap. Minta dia menulis dengan mengatakan urusan surat sepatutnya dalam bahasa Melayu.

Saya faham semua urusan rasmi dalam bahasa Melayu, tetapi kita merujuk kepada Biro Pengaduan Awam adalah untuk menerima aduan berkenaan jentera pentadbiran dan penyampaian perkhidmatan oleh jabatan-jabatan kerajaan. Ia mesti mesra rakyat, juga fleksibel, kita selalu berkata kita masyarakat majmuk berbilang kaum, pelbagai bahasa dan agama tetapi apabila menerima aduan biarlah kita juga menghargai *diversity* ini, menerima aduan walaupun mereka tidak dapat menulis dalam bahasa Melayu biro harus juga proaktif jangan kata, susah untuk mencari satu pesuruhjaya sumpah untuk membuat penterjemahan. Surat pengadu ditendang balik, minta dia menulis semula dalam bahasa Melayu.

Jadi, bagaimana kita boleh menjayakan seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mengurangkan *red tape* dalam jentera pentadbiran. Saya pohon Biro Pengaduan Awam mengambil perhatian. Perkara yang ketiga adalah berkenaan hutang. Hutang kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan setiap kali kita menerima Laporan Ketua Audit Negara, tetapi saya nampak berulang-ulang nasihat yang diberikan oleh Jabatan Audit Negara tidak diambil perhatian. Negeri Johor nasib baiklah di tempat kedua, tahun lepas tempat pertama, negeri Kedah pula berhutang RM615 juta, tidak dibayar, Majlis Perbandaran Seberang Prai, satu majlis perbandaran boleh berhutang RM187 juta dan tahun lalu tidak bayar, tahun 2002 tidak bayar, 2003 tidak bayar. Jadi saya hendak bertanya bagaimana nasihat Jabatan Audit Negara diambil berat oleh kementerian-kementerian dan oleh kerajaan negeri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, gulung Yang Berhormat.

**Cik Fong Po Kuan:** Akhir sekali ialah berkenaan dengan elaun pengurusan Dewan. Saya nampak bajet belanjawan ada menyentuh kenaikan elaun-elaun di Butiran 020200 - Pengurusan Dasar kenaikan Elaun-elaun Ahli Parlimen dan Gaji Ahli Parlimen. Saya hendak tahu apakah Ahli-ahli dalam Dewan akan dapat kenaikan tersebut.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sudah cukup.

**Cik Fong Po Kuan:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

**3.43 ptg.**

**Ir Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Tuan Pengerusi, terima kasih ini bukan orang terakhir. Saya di sini ingin menyebut beberapa perkara. Satu perkara yang

saya tidak boleh terima adalah saya berpeluh berucap pada minggu lalu, apa jawapan bagi saya satu pun tidak ada 'habuk pun tidak ada', sebab itu saya kata JPA ini minta catat dengan jelas. Saya mengemukakan cadangan ,iaitu supaya biasiswa JPA ke luar negeri ditambah dari RM1,300 kepada RM1,600 kepada semua kaum. Kita melihat perkara ini memang sudah sampai ke tahap yang perlu kita berikan perhatian.

Pada tahun ini 13,440 yang memohon cuma 3,896 yang telah dipanggil temu duga dan hanya 1,003 yang diberi. Ini melibatkan semua kaum, kita minta supaya JPA catat, catat, catat dan mengambil tindakan dan berilah jawapan kepada saya. Kita lihat jumlah pelajar yang mendapat semua 'A1' dalam mata pelajaran meningkat dari tahun 2001 seramai 207 sampai ke tahun ini adalah 1,040 orang.

Peningkatan sebanyak 400%, sebab itulah saya merayu supaya kita boleh buat dan dalam peruntukan yang kita berikan itu pun kita boleh membahagikan dengan secara adil, negara-negara yang mahal yurannya kita jangan hantar ramai sangat. Kepada negara-negara yang sederhana mungkin kita hantar untuk kursus yang sama. Saya rasa cadangan ini memang saya tidak nampak di mana tidak ada logiknya dan saya rasa pihak JPA patut mengambil iktibar tentang apa yang kita cakap itu.

Kedua, kita melihat kursus penyediaan untuk mereka yang hendak keluar negeri saya sudah bangkitkan di depan Menteri, Setiausaha Parlimen dan pelajar-pelajar juga mengadu kepada pihak JPA, apakah ganjaran yang mereka dapat setelah balik ke kolej mereka itu dimaki hamun empat jam. Mereka kata kamu kompelin lagi saya akan tarik balik biasiswa JPA. Siapa yang berkuasa ini, kolej yang memberi biasiswa atau kerajaan? Kerajaan patut memantau memastikan pelajar-pelajar yang kita hantar itu mereka dapat menerima pendidikan di peringkat *A Level* yang begitu baik dan supaya mereka dapat diberi tempat yang baik di luar negara untuk mengikuti pengajian di universiti terkemuka.

Saya mintalah supaya pandangan ini dapat diterima dengan baik. Satu lagi perkara saya sudah mencadangkan kaedah untuk mengadakan temu duga itu perlu kita ubah. Kita buat secara berkumpulan beri satu tajuk vandalisme di sekolah, masalah disiplin di sekolah. Itu kita tidak nampak siapa yang lebih menyerlah, siapa yang lebih bagus, siapa yang berketerampilan, kesemua ini adalah sesuatu yang *subjective*, sebab itulah kita kena mencari satu cara yang lebih baik, lebih saintifik untuk menentukan siapa yang lebih layak.

Sebab itu saya mintalah JPA kaji, kaji, kaji dan satu perkara lagi kita nampak ini mengenai BPR. BPR dengan polis sentiasa memainkan peranan yang penting, tetapi saya nampak usaha sama antara dua pihak ini kadangkala terlalu jauh dan kita nampak BPR dengan polis ini kadangkala tidak sehaluan. Kenapa saya kata macam itu, kita tengok BPR, mereka ini adalah satu badan yang penting untuk merencana, untuk melaksanakan PIN di negara kita ini. Merekalah satu badan yang dipertanggungjawabkan untuk membanteras rasuah di negara ini.

Saya mengambil satu contoh, dua tahun yang lalu dua orang pegawai polis di Johor Bahru Selatan berpangkat lebih dari Inspektor, ditahan kemudian direman, selepas itu diam tidak didakwa di mahkamah, sekarang tunggu di rumah, setiap hari kena mendaftar di balai polis dan hanya dibayar separuh gaji sahaja, anak, keluarganya bagaimana hendak hidup. Kalau salah dakwa, kalau sudah dakwa kita tidak payah membayar gaji lagi. Kalau tidak salah bebaskan, itulah saya kata BPR kalau menarik panjang sangat merugikan kita - membazir.

Saya rasa itu adalah satu pendekatan yang kita gunakan untuk mempertingkatkan keberkesanan...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup Yang Berhormat.

**Ir Dr. Wee Ka Siong:** Yang terakhir sekali. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah.

**Ir Dr. Wee Ka Siong:** Terakhir sekali saya mintalah pihak kerajaan untuk meneliti apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Serdang tentang kita hendak meminda Jabatan Peguam Negara itu meneliti, kita hendak meminda Kanun Tanah Negara di mana ada penganiayaan terhadap mereka yang tanah mereka memang tidak dijual, tetapi telah dijual disebabkan *bona fide purchaser*. Saya minta tolong supaya diambil tindakan terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Rembau, selepas itu Pasir Puteh dan selepas itu Menteri menjawab.

### 3.48 ptg.

**Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Kepala B.6 - Jabatan Perdana Menteri iaitu berkaitan dengan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (UPP) yang menjadiurus setia kepada jentera penyelarasan pelaksanaan Dasar Wawasan Negara. Dalam arahan nombor satu

yang ditandatangani oleh Perdana Menteri pada 8 Mei 2001, iaitu bertajuk jentera penyelarasan pelaksanaan Dasar Wawasan Negara ada disebut bahawa aspek pemantauan serta penilaian secara *analytical* dasar program dan projek pembangunan adalah aspek yang sangat penting bagi memastikan usaha pembangunan negara dilaksanakan secara konsisten di semua peringkat dan seterusnya mencapai matlamat Dasar Wawasan Negara.

Jadi dalam hubungan ini saya perhatikan dari segi jentera ini di peringkat Persekutuan, iaitu Majlis Pembangunan Negara, di peringkat negeri, Majlis Pembangunan Negeri berjalan dengan baik. Cuma pada hemat saya di peringkat daerah iaitu jawatankuasa kerja pembangunan daerah pada pandangan saya perlu diperkukuh dan disusun semula. Satu aspek yang saya lihat dari segi penyertaan jabatan-jabatan yang ada tidak begitu menyeluruh, misalnya tadi Yang Berhormat bagi Ayer Hitam ada menyebut tentang pegawai perpaduan. Bukan sahaja pegawai perpaduan daerah, misalnya pegawai KEMAS pun tidak ada di dalam jawatankuasa itu, pegawai belia dan sukan, pegawai telekom, pegawai TNB.

Dalam masa yang sama mungkin juga ahli jemputan boleh dimasukkan wakil Persatuan Ketua-Ketua Kampung sebab kalau hendak panggil ketua-ketua kampung semua ataupun Pengerusi JKK ramai sangat. Macam di kawasan saya ada 100 Pengerusi JKK. Kemudian juga, mungkin wakil Persatuan Nazir-nazir Masjid dan juga wakil persatuan-persatuan penduduk. Ini penting supaya pandangan semua pihak dalam sesuatu daerah itu dapat diambil kira dalam usaha untuk merancang dan juga menilai serta memantau program-program pembangunan yang dijalankan.

Yang keduanya, saya juga hendak mencadangkan supaya Pegawai Daerah ini hanya diberi tugas pembangunan tanah dan juga pembangunan sahaja. Sekarang ini Pegawai Daerah juga menjadi Yang di-Pertua Majlis Daerah di tiap-tiap daerah. Saya sudah kira dari segi tugas pegawai daerah ini, jawatankuasa yang ada lebih daripada 20, termasuklah pengerusi jawatankuasa sosial, pengerusi PKR, pengerusi PEMADAM, pengerusi bola sepak, pengerusi tanah terbiar, pengerusi Hari Kebangsaan, Hari Keputeraan Tuanku, Tilawah, kemudian di bawah Majlis Daerah ada pula Jawatankuasa Pelaburan, Jawatankuasa Pelesenan dan sebagainya, tidak termasuk lagi di peringkat negeri.

Jadi, saya cadangkan sudah sampai masanya pihak kerajaan mengkaji semula supaya Tuan Pegawai Daerah ini hanya menumpukan kepada soal tanah dan

pembangunan sahaja. Majlis Daerah ini diberi kepada pegawai lain, sama ada pegawai profesional ataupun pegawai-pegawai yang dipinjamkan di jabatan lain. Macam di Negeri Sembilan, buat pertama kalinya Yang Dipertua Majlis Daerah Seremban dilantik daripada *engineer* daripada JKR. Mungkin ini satu perkara yang kita boleh cubalah, sebab dengan cara itu kita juga akan mempraktikkan, dengan izin, *good governance*, sebab kalau satu pegawai itu banyak sangat tugas, adalah dikhuatiri dari segi keberkesanannya dan juga dari segi pengawalannya akan berkurang.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi ialah dari segi JKK. Saya juga mencadangkan supaya JKK ini juga disusun semula, sebab JKK ini merupakan jentera diperingkat akar umbi yang sangat penting. Saya cadangkan supaya JKK juga diberi peruntukan pengurusan tahunan seperti yang diberi kepada Kawasan Rukun Tetangga (KRT). Surat khabar semalam menyebut peruntukan untuk KRT sudah naik daripada RM400 kepada RM600 sebulan. Jadi, kalau boleh JKK ini diberi RM400 sebulan, bermakna setahun lebih kurang RM4,800.

Selama ini JKK cuma berharap peruntukan wakil rakyat. Berapalah hendak beri, peruntukan kita sedikit, kawasan saya seratus. Kalau bagi RM2,000 sudah RM200,000. Itu tidak termasuk lagi yang PIBG dan sebagainya. Jadi, saya cadangkan supaya Jabatan Perdana Menteri menimbangankan untuk memberi peruntukan khusus kepada JKK, supaya dengan itu JKK boleh merancang program pembangunan dengan lebih baik. Sekarang ini minum teh pun kena minta dengan wakil rakyat. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi, selain daripada itu saya juga mencadangkan supaya keanggotaan JKK ini ditambah. Sekarang ini sepuluh campur pengerusi sebelas, tambah kepada lima belas atau dua puluh orang. Dengan memasukkan misalnya guru besar di kawasan yang berkenaan dan juga individu yang lain yang difikirkan boleh menyumbang dalam membangunkan masyarakat setempat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukup, Yang Berhormat.

**Dato' Firdaus bin Harun:** Satu minit lagi. Satu perkara lagi ialah soal latihan. Kalau boleh juga latihan ini dibuat secara berkala dan juga secara tersusun, merangkumi bidang pengurusan JKK, pengurusan kewangan, kemahiran berkomunikasi, penyusunan masalah dan sebagainya. Sekian, saya menyokong.

**3.52 ptg.**

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat kerana memberi peluang untuk saya memberi sedikit perbahasan atau turut membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2005 ini. Berdasarkan kepada tiga prinsip iaitu DPM atau DEB, DPN dan DPW, iaitu Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pembangunan Nasional dan Dasar Pembangunan Wawasan 2020.

Di sini kalau kita melihat dari segi spiritnya, dengan izin, ialah rohnyanya. Kita tidak lari daripada prinsip dalam ketiga-tiga pelan jangka panjang ini ialah:

- (i) berdasarkan kepada Perlembagaan Malaysia;
- (ii) Rukun Negara;
- (iii) Wawasan Negara.

Jadi, di sini saya cuba untuk mengetengahkan tiga aspek Kompleks Latihan Islam:

- (i) Tahfiz Darul Quran di Kuala Kubu, di bawah JAKIM.
- (ii) Pembinaan masjid;
- (iii) Pembangunan tanah perkuburan Pusat Latihan Dakwah di ILIM, dekat dengan Bangi.

Jadi, saya tidak memerlukan kepada premis baru kerana kita tahu bahawa gejala sosial yang melanda masyarakat kita pada hari ini, terutama di kalangan remaja Islam perlu kepada masjid menjadikan pusat ibadat dan pusat membendung gejala-gejala ini dalam erti kata pusat sosial masyarakat. Jadi, untuk menjadikan ini, masjid haruslah sanggup membawa anjakan *paradigm shift*.

- (i) pengurusan masjid harus diperbaiki;
- (ii) pegawai-pegawai masjid harus ditingkatkan, Ahli-ahli Yang Berhormat tadi pun membangkitkan cerita ini;
- (iii) fizikal masjid harus ditingkatkan.

Kalau kita melihat kepada ketiga-tiga ini, perlu kepada pengurusan. Kalau kita di pejabat, ada pegawai mengurus, kita perlu juga di masjid, pegawai pengurus. Dan,

kita perlu juga kepada pegawai masjid tadi, imam-imam yang terlatih. Kita perlu, Tuan Pengerusi, ialah sesuai dengan masa Malaysia sebuah negara Islam, contoh dalam Perlembagaan disebut, dengan izin, *Perkara 3(1) "Islam is the religion of the Federation but other religion may be practice in peace and part of Federation."* - Minta maaf saya Arabic medium, bukan English medium. Cakap broken.

Jadi, agama Persekutuan di sini kita meletakkan bahawa tahap Malaysia sebuah negara Islam sudah sampai masanya skim-skim imam di seluruh negara, kita adakan kumpulan A, kumpulan B, kumpulan C. Ini kalau kita tidak ada skim, maka nescaya imam-imam atau pegawai masjid tidak dapat meningkatkan taraf, walaupun kita kata Islam adalah *state matter, not Federal matter*. Maka negeri-negeri mestilah mengambil inisiatif, di mana JAKIM adalah penggubal dasar ini, saya yakin boleh dibuat, diselaraskan satu skim supaya maahad-maahad tahfiz yang ada di seluruh negara, terutama di Kuala Kubu, banyak tahfiz dilatih dan keluar tiap-tiap tahun tidak kurang daripada 200, 300 orang. Maka, saya rasa amat kerugian kalau kita tidak memanfaatkan pelajar-pelajar maahad tahfiz ini yang berkebolehan.

*By example*, Masjid Negara. Masjid Negara adalah merupakan masjid yang terbesar, yang mana khutbahnya ialah seluruh negara boleh didengari sampai ke Sarawak, Sabah. Rumah panjang pun saya dua belas tahun di Sarawak dan Sabah dahulu, dia suka dengar khutbah Masjid Negara, orang bukan Islam, kerana banyak pendidikan, banyak *knowledge*. Maka, dengan sebab itu media dakwah yang tercanggih, yang terkini perlu kita tonjolkan Masjid Negara itu. Maka Masjid Negara harus mempunyai peralatan ICT yang cukup. Apa salahnya Hari Jumaat kita adakan *screen, score board (close circuit TV)*, tidak salah dalam Islam. Cuba *try* dahulu. Saya rasa di Perak telah pun mula secara kecil-kecilan.

Tuan Pengerusi, kemudian pembangunan tanah perkuburan. Saya rasa tanah perkuburan menjadi satu masalah di Wilayah Persekutuan ini. Kita lantik satu konsultan, benar-benar di bawah *control* Kementerian Wilayah Persekutuan, cari satu kepakaran, buat kajian, kita buat kubur bertingkat. Apa salahnya. Kubur ini tujuh kaki dalam, kalau tambah lima kaki sudah boleh buat kubur di atas, tetapi jangan hilangkan yang asal itu. Saya rasa anak cucu pun tidak marah kalau kita jaga dengan baik. Cuba kita buat pelan dengan baik. Kalau kita boleh buat benda-benda lain dengan cara yang baik, kenapa tanah kubur kita tidak boleh buat?

Pusat Latihan Dakwah di Bangi, saya cadangkan, oleh kerana kita sudah menjadi satu agenda negara Islam Hadhari. Islam "Hadoori" baca panjang sedikit, jangan "Had, Hadhari", itu salah, Islam sekerat-sekerat hari, salah. Islam Hadhari ialah menjadi agenda kerajaan, maka kita hendak melatih mereka yang boleh menyampaikan Islam Hadhari itu dengan baik, maka kita guna premis yang sedia ada di Bangi, *createkan* peruntukan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Gulung, Yang Berhormat.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Saya ucap terima kasih, saya mencadangkan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Menteri, sila menjawab.

**3.59 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mustapa bin Mohamed]:** Tuan Pengerusi, izinkan saya dalam tempoh sejam setengah untuk menjawab isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Ada 20 Ahli Yang Berhormat berucap bermula jam 11.00, ianya meliputi kesemua aspek negara kita, meliputi kesemua kementerian, jabatan. Dan sudah semestinyalah oleh kerana Jabatan Perdana Menteri (JPM) ini merupakan jabatan antara yang terbesar, maka itu saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat yang prihatin, yang telah memberi banyak pandangan. Ada yang memberi pandangan, cadangan, ada yang mengkritik Jabatan Perdana Menteri dan saya akan menggulung perbahasan.

Yang pertamanya saya akan meliputi beberapa perkara penting dan bahagian kedua pula saya akan pergi kepada beberapa perkara yang kedua, perkara-perkara yang lain yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Antara perkara yang saya akan sentuh pada hari ini, Tuan Pengerusi, ialah: Petronas; yang keduanya berkaitan dengan harga minyak; yang ketiga, isu-isu yang berkaitan dengan Parlimen; yang keempat berkaitan dengan BPR; yang kelima berkaitan EPU dan ICU; yang keenam, Biro Bantuan Guaman; seterusnya JAKIM, JPA, Perpaduan. Ini antara perkara-perkara utama yang akan dibangkitkan, dan saya harap jawapan-jawapan ini kalau tidak menyeluruh, bolehlah dibangkitkan semasa kita

bahaskan peruntukan untuk kementerian-kementerian lain. Umpamanya mengenai Polis Diraja Malaysia boleh kita bangkitkan semasa jawapan bagi Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, sebagai contoh. Jadi, izinkan Tuan Pengerusi, untuk saya mula dengan Petronas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, tadi ada beberapa Ahli Yang Berhormat membangkitkan tentang peranan Petronas, sumbangan Petronas kepada hasil negara, kenapa kerajaan yang memberi subsidi dan bukannya Petronas, seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Jerai dan Santubong, contohnya. Izinkan saya memberi sedikit penjelasan mengenai Petronas.

Petronas ini adalah sebuah syarikat milik negara, merupakan kebanggaan negara kita, sebenarnya adalah sebuah syarikat yang berjaya dan tidak kenalah kritikan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan, umpamanya, terhadap Petronas ini. Kita berbangga dengan Petronas sebagai sebuah syarikat yang bukan sahaja berjaya dalam negara kita tetapi terlibat di 30 buah negara asing yang lain, dan pada hari ini kira-kira 35 peratus daripada jumlah perolehan (*revenue*) Petronas datangnya dari luar negara dan sebahagian besarnya daripada South Africa dan Sudan. Ini merupakan pencapaian atau prestasi Petronas. Perolehan Petronas pada tahun berakhir 31 Mac, 2004 ialah RM97.5 bilion manakala *profitnya* ataupun keuntungan bersih RM23.7 bilion, inilah pencapaian yang amat membanggakan.

Jadi, Tuan Pengerusi, selain itu kalau kita lihat kepada sumbangan Petronas kepada hasil negara khususnya, Petronas membayar dividen dan royalti kepada kerajaan. Dividen sebagai contoh, umpamanya pada tahun 2003 – RM5.1 bilion dan pada tahun ini 2004, kita menjangkakan Petronas akan menyumbang RM9.1 bilion kepada kerajaan dalam bentuk dividen. Jadi hasil yang dikutip, yang diperolehi oleh Petronas dikembalikan kepada kerajaan dalam bentuk royalti dan dividen. Tadi saya sebut dividen sahaja yang mana tahun ini kita menjangkakan RM9.1 bilion, setimpal dengan kejayaan besar yang dicapai oleh Petronas berikutan peningkatan harga minyak.

Dan kalau kita lihat pula kepada jumlah sumbangan sektor petroleum kepada hasil negara, tahun 2004 kita menjangkakan kira-kira RM96.9 bilion akan dikutip oleh kerajaan. Daripada jumlah itu kira-kira RM24.3 juta adalah dari sektor petroleum. Bermakna tahun 2004 ini, kira-kira 25 peratus daripada hasil negara datang daripada sektor petroleum dan sebahagian besar daripada hasil tersebut disumbangkan oleh

Petronas. Beginilah pentingnya sektor petroleum kepada negara. Sesungguhnya sebahagian daripada pembangunan infrastruktur, projek-projek pembangunan dalam negara kita sebahagian besarnya, sebahagiannya dibiayai oleh hasil daripada sektor petroleum.

Tuan Pengerusi, ada beberapa perkara lain yang dibangkitkan mengenai Petronas, antaranya, kenapa kerajaan yang memberi subsidi dan bukannya Petronas. Petronas adalah sebuah syarikat dan adalah tidak wajar syarikat dibebankan ataupun mengambil alih tanggungjawab kerajaan, ini tanggungjawab kerajaan. Ini kaedah kita, Petronas berniaga, sebuah syarikat, dapat untung, beri dividen dan royalti kepada kerajaan dan hasil tersebut kita gunakan untuk membayar subsidi dan lain-lain. Itu kaedah kita. Adalah tidak wajar Petronas membiayai subsidi petroleum dan lain-lain subsidi. Ini adalah tugas kerajaan dan insya-Allah kerajaan akan terus melaksanakan tugas tersebut.

Ada beberapa perkara lain yang dibangkitkan berkaitan dengan Petronas. Yang Berhormat bagi Kinabatangan umpamanya, bertanya tentang penglibatan syarikat-syarikat Sabah dalam kontrak Petronas. Beliau juga bertanya sama ada Petronas ada perancangan untuk membina *refinery* di Sabah. Kita hari ini ada lima *refinery* dengan kapasiti kira-kira 580,000 tong sehari, itu kapasiti *refinery* dalam negara kita. Setakat ini *refinery* cuma ada di Port Dickson, Melaka dan Kerteh, dan belum ada perancangan untuk membina *refinery* yang lain kerana pada masa ini kapasiti 580,000 tong sehari yang *direfinekan* itu mencukupi untuk memenuhi keperluan tempatan.

Tetapi sekiranya ada peningkatan dalam permintaan dan sekiranya apabila umpamanya baru-baru ini ada beberapa penemuan besar *off the coast of* Sabah, Kikeh Field umpamanya, sekiranya pada masa hadapan ada keperluan dan permintaan yang bertambah maka ada kemungkinan *refinery* dibina juga di kawasan-kawasan lain termasuklah di Sabah.

Tuan Pengerusi, saya ingin memaklumkan mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan juga bahawa pada hari ini, iaitu dari 1999 hingga sekarang, 23 buah syarikat daripada Sabah menyertai kontrak projek-projek Petronas dan ia melibatkan kos sebanyak RM67 juta. Bermakna adalah juga syarikat dari Sabah yang terlibat dalam kerja-kerja Petronas, iaitu 23 buah syarikat yang melibatkan kos RM67 juta. Sudah pasti ini satu angka yang kurang

membanggakan dan Petronas amat insaf dan sedar bahawa kontrak dan peluang-peluang ini perlu diagihkan juga kepada rakyat Sabah dan rakyat-rakyat lain di Malaysia dan kita ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kinabatangan kerana mencadangkan perkara tersebut.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** [*Bangun*]

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Yang Berhormat bagi Tumpat membangkitkan tentang isu ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Tuan bangun.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingat perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan bukan setakat satu kritikan sahaja tetapi isu yang dibangkitkan ialah apakah tanggungjawab sosial Petronas terhadap negeri-negeri pengeluar minyak. Saya ingat ini perkara pokoknya.

Dari segi *agreement* lima peratus royalti itu kita sudah terima tetapi dari segi tanggungjawab sosial Petronas. Satu, penyertaan syarikat-syarikat Sabah dan satu lagi perkara penyertaan rakyat-rakyat negeri pengeluar minyak – Terengganu, Sabah dan Sarawak dalam beratus anak-anak syarikat Petronas – dalam Lembaga Pengurusannya, itu satu. Kemudian, bukan sahaja dari segi *refinery* – kalau *refinery* tidak boleh dibina, bagaimana pula dengan *petrochemical*? Kenapa tidak boleh diwujudkan di Sabah supaya dapat mewujudkan pekerjaan dan sebagainya dan peluang-peluang lain yang boleh diwujudkan oleh Petronas? Saya ingat itu perkara yang disuarakan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Terima kasih.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Pengerusi, yang pertama, tanggungjawab sosial, Petronas menjalankan tanggungjawab ini dengan penuh prihatin. Petronas terlibat dalam kerja-kerja kebajikan – Petronas ada sebuah universiti – Universiti Teknologi Petronas, Petronas ada menjalankan kerja-kerja amal di seluruh negara termasuk di Terengganu dan lain-lain. Berkaitan dengan industri petrokimia, ini adalah bergantung kepada pelabur-pelabur dan pada masa ini kita dapati industri petrokimia ini banyak di Pahang dan di Terengganu tetapi pada satu masa akan datang jika ada satu insentif yang baik untuk industri ini ditempatkan di Sabah, sudah pasti satu masa nanti ia adalah satu kemungkinan. Terima kasih.

Saya teruskan. Yang Berhormat bagi Tumpat membangkitkan tentang isu royalti minyak. Perkara ini masih lagi berada dalam proses perundangan dan pendirian kerajaan ialah kerajaan tidak wajib untuk membayar wang 5 peratus ini kepada negeri Terengganu dan perkara ini masih lagi dalam proses perundangan. Tetapi yang penting dalam konteks ini ialah kerajaan terus menyalurkan peruntukan kepada negeri Terengganu cuma namanya berbeza – namanya Wang Ihsan. Di segi perbelanjaannya tidak banyak berbeza dengan kaedah dulu.

Yang membanggakan kita ialah di bawah kaedah yang dipraktikkan oleh Kerajaan Barisan Nasional sebelum ini dan sekarang ini ialah kita dapati bahawa ia telah dapat disalurkan kepada kumpulan-kumpulan yang benar-benar memerlukan bantuan. Kalau pada peringkat awal wang ini digunakan untuk membina infrastruktur tetapi dalam tempoh lima enam tahun ini kita dapati bahawa kita dapat memberi bantuan kepada pelajar-pelajar sekolah, juga untuk memberi pinjaman kepada kumpulan-kumpulan tertentu.

Jelas sekali kita dapati bahawa kaedah yang digunakan hari ini adalah lebih baik daripada dahulu dan Wang Ihsan ini telah banyak membantu untuk meningkatkan taraf hidup rakyatnya. Yang pentingnya ialah kepentingan rakyat Terengganu dan rakyat Terengganu berpuas hati dengan kaedah ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Tumpat.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kalau untuk Terengganu, oleh kerana terdapat minyak dan gas di perairan berhampiran Terengganu, maka pendirian kerajaan sekarang ialah memberikan kepada rakyat Terengganu dalam bentuk wang ihsan. Adakah secara lojiknya prinsip yang sama akan diterima oleh rakyat Kelantan, yang mana minyak dan gas ditemui di lautan berdekatan dengan Kelantan.

Adakah selepas ini kita akan mendengar bahawa rakyat Kelantan pula akan menerima bantuan sumbangan daripada Kerajaan Pusat dalam apa yang dinamakan wang ihsan.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Ini Tuan Pengerusi tidak berbangkit kerana di Kelantan belum ada lagi petroleum ataupun gas dikeluarkan, yang ada akan bermula awal tahun depan 2005 ialah di kawasan JDA ataupun *Joint Development Authority*, iaitu suatu kawasan yang diterokai bersama antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan

Thailand (50-50 *joint venture*) dan dalam hal ini kesemua royalti akan diperolehi oleh Kerajaan Pusat kerana ia merupakan *joint venture*.

Oleh kerana kawasan ini merupakan kawasan yang dipertikaikan oleh kedua-dua buah negara lebih 10 tahun yang lalu, maka kerajaan membuat keputusan untuk menubuhkan sebuah syarikat dan ditubuhkan JDA, dimiliki oleh Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Thailand. Jadi, persoalannya Yang Berhormat bagi Tumpat tidak berbangkit setakat ini kerana belum ada petroleum dan gas.

Tetapi jika suatu masa nanti ianya berbangkit, perkara ini sudah pasti akan diberi pertimbangan sewajarnya oleh kerajaan tentang wang ihsan seperti mana yang diberikan kepada Terengganu.

Seterusnya perkataan "NGV" ini juga ada kaitan dengan Petronas. Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Ledang dan juga Sekijang tadi ada membangkitkan tentang NGV. Pada masa ini ada 38 buah stesen NGV di seluruh negara. Kenderaan yang menggunakannya sebanyak 11,600 iaitu satu angka yang kecil dan kerajaan sedar bahawa ada halangan-halangan tertentu. Itu sebabnya kita telah memberikan pengecualian cukai kepada peralatan *conversion*. Jadi, itu yang diberikan oleh kerajaan, insentif iaitu ada *tax exemption*. Jadi cadangan supaya kerajaan membiayai sepenuhnya pembelian *conversion kit* ini, ini satu perkara yang sukar untuk dipertimbangkan oleh kerajaan, kerana kita tidak memberi subsidi secara umumnya kepada orang-orang yang berpendapatan tinggi.

Dalam pada itu Petronas akan terus menggalakkan penggunaan NGV. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat harga NGV pada hari ini 58.5 sen seliter berbanding dengan harga diesel hari ini 78.5 sen seliter, iaitu NGV ini 20 sen seliter lebih murah daripada diesel. Kalau kita *convert* kepada peratusan kira-kira 30%. Maksudnya kos pengendalian sesebuah kenderaan sama ada teksi ataupun kenderaan persendirian jika menggunakan NGV, 30% penjimatan boleh kita nikmati.

**Tuan Baharum bin Mohamed:** [*Bangun*]

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Pengerusi, itulah antara .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sekijang. Sekijang bangun Yang Berhormat.

**Tuan Baharum bin Mohamed:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak minta sama ada Yang Berhormat Menteri bersetuju atau tidak kerana penggunaan NGV ini dikaitkan dengan kurangnya *performance* sesebuah kenderaan itu, di mana

dikatakan menggunakan petrol dengan menggunakan NGV itu, maknanya dia punya *pick-up slow*, sebab kita pun salah sebuah negara pengeluar kenderaan-kenderaan ini seperti Proton, Perodua dan sebagainya.

Mengapakah kita tidak minta kepada syarikat-syarikat ini supaya membuat R&D atau membuat kajian, sebagaimana yang kita tahu pada hari ini, dahulu kenderaan enjin diesel begitu lembap dia *performancenya*, tetapi pada hari ini generasi kedua diesel telah sama setaraf ataupun kurang sedikit daripada menggunakan minyak petrol. Adakah Yang Berhormat bersetuju supaya pembuat-pembuat kenderaan di dalam negara kita ini juga perlu membuat kajian memandangkan kita mempunyai 100 tahun lagi, bermakna kita punya pengeluaran gas asli kita. Terima kasih.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Terima kasih. Memanglah daripada apa yang saya ketahui *pick-up* kereta yang menggunakan enjin NGV ini kurang sedikit seperti mana Yang Berhormat bagi Sekijang kata tadi, hari ini teknologi terkini telah menjadikan kereta-kereta menggunakan diesel kadangkala lebih baik daripada kereta-kereta yang menggunakan petrol. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat supaya syarikat-syarikat tertentu dalam negara kita menjalankan kajian bagaimana hendak memperbaiki lagi teknologi ini, supaya kelemahan yang mungkin ada pada hari ini dari segi *pick-upnya* dapat diperbaiki di masa hadapan. Terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw:** [Bangun]

**Tuan Fong Kui Lun:** [Bangun]

**Ir. Haji Hamim bin Samuri:** [Bangun]

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Itu Tuan Pengerusi .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada tiga yang bangun Yang Berhormat. Ya, Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, penjelasan. Yang Berhormat menerangkan mengenai harga-harga dan sebagainya mengenai produk-produk petroleum. Apakah dasar dan strategi kementerian untuk menangani harga petroleum yang mencecah lebih USD50 sekarang dan seterusnya akan menjejaskan semua industri termasuklah teksi, NGV dan sebagainya seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat, dan kita hendak tahulah bagaimana pihak kerajaan hendak mengendalikan hal ini kerana kita eksport minyak dan kita import daripada Timur Tengah.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Pengerusi, perkara ini juga dibangkitkan oleh beberapa orang Yang Berhormat. Saya mengambil kesempatan pada masa ini untuk menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong berkaitan dengan harga minyak di pasaran antarabangsa pada hari ini.

Yang pertamanya kita dapati bahawa harga minyak meningkat dari sebulan ke sebulan di pasaran antarabangsa. Kalau kita lihat umpamanya pada bulan Januari tahun ini, harganya WTI ataupun *West Taxes Intermediate*, salah satu daripada harga ukuran yang digunakan, harganya USD33.05 *per barrel*, itu Januari. Harga ini meningkat dari sebulan ke sebulan dan pada bulan September *average pricenya*, sehingga 25 hari bulan dan sekarang 30 hari bulan USD45.55 *per barrel*. Peningkatan daripada USD33 hingga USD45.55 *per barrel* sebanyak USD12 *per barrel* dalam tempoh 9 bulan. Ini keadaan di pasaran antarabangsa.

Walaupun semalam harga turun sedikit apabila berlaku tanda-tanda perdamaian ataupun redanya masalah Nigeria, harganya mencecah USD50, jadi ini keadaan pada hari ini. Kalau kita bandingkan sebelum ini Tuan Pengerusi, tahun 2001 umpamanya, harganya cuma USD24.92, pada tahun 2004 pula USD92. Jadi pada bulan September USD45.55, itu harganya.

Oleh kerana harganya meningkat di pasaran antarabangsa, kita dapati bahawa kos barangan petroleum berdasarkan *Singapore costing*. Ini kita gunakan untuk menetapkan harga dalam negara kita telah naik kira-kira 40.56 sen daripada Januari sampai September (40.56 sen), itu senarionya. Jadi, di peringkat antarabangsa USD12 satu *barrel* bagi Januari hingga sekarang dan dalam negara, kita punya harga *Singapore costing* naik 40.56 sen bagi petrol.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dalam tempoh tersebut, kerajaan cuma menaikkan harga petroleum cuma 2 sen iaitu pada bulan Mei. Kenaikannya 40.56 sen, tetapi kerajaan cuma menaikkan harga petroleum sekali sahaja daripada Januari iaitu 2 sen pada bulan Mei yang lalu. Ini bermakna bezanya kerajaan membayar subsidi kepada rakyat dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, subsidi ini berjumlah sehingga kini kira-kira RM4,197 juta (subsidi atas petroleum).

Subsidi ini kita kena bayar kepada syarikat-syarikat yang menjual minyak, oleh kerana harga yang kita kenakan ini lebih rendah daripada harga pasaran. Selain itu juga kita ada lagi satu unsur iaitu kita mengecualikan cukai, ada dua perkara pertama pengecualian cukai – kita tidak kenakan cukai ke atas bahan-bahan petrol, diesel dan

LPG ini, ini melibatkan RM6.8 bilion. Jadi, kalau kita campur cukai yang kita hendak kutip dengan subsidi daripada belanjawan kerajaan ialah sebanyak RM4.2 bilion, bermakna kerajaan kehilangan hasil dan membayar subsidi sebanyak kira-kira RM11,000 juta. Ini apa yang berlaku dari tempoh Januari hingga sekarang.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun]*

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada dua yang bangun Yang Berhormat.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Kudat. Teruskan.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri, saya ingin mengemukakan satu pandangan itu berhubung dengan masalah subsidi petrol yang kita berikan kepada pengguna-pengguna di Malaysia. Subsidi petrol ini sebenarnya juga telah memberikan keuntungan kepada pengguna-pengguna kereta daripada Thailand dan Singapura kerana mereka datang ke Malaysia mengisi kereta-kereta mereka dengan minyak petrol yang kita berikan subsidi. Jadi, apakah cara kerajaan untuk menyekat masalah ini kerana kita tahu bahawa berjuta-juta pemandu dari kedua-dua negara ini yang datang ke Malaysia khususnya daripada Singapura dan Thailand, mereka datang untuk mengambil petrol kita yang sebenarnya dibayar oleh pemegang-pemegang cukai iaitu kita sendiri. Terima kasih.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Pengerusi, ada tiga sebab kenapa harga-harga ini sukar untuk kerajaan pertahankan. Yang pertamanya ialah penyeludupan yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kudat tadi. Memang benar, penyeludupan berlaku di sempadan di antara utara Malaysia dengan Thailand. Kenapa penyeludupan berlaku? Ia kerana harganya berbeza begitu ketara sekali.

Pada masa ini harga diesel di Malaysia 78 sen seliter, di Thailand RM1.42 seliter, perbezaannya hampir dua kali ganda. Maknanya harga di Malaysia ini hampir separuh harga di Thailand. Oleh itu, ini telah menggalakkan pihak tertentu untuk menyeludup dan sebagaimana Ahli Yang Berhormat sebutkan tadi yang mendapat faedah ialah pengguna-pengguna kenderaan dan lain-lain rakyat Thailand.

Oleh itu, keadaan ini tidak boleh kita pertahankan. Oleh kerana perbezaan harga yang begitu ketara, 78 sen di Malaysia, RM1.42 di Thailand tidak boleh kita pertahankan. Itu sebab yang pertama.

Sebab yang kedua, kenapa sukar untuk kerajaan mempertahankan perkara ini oleh kerana subsidi ini akan meningkat apabila harga – sekarang ini saya katakan RM11,000 juta, ia akan meningkat apabila harga minyak naik. Apabila meningkat ia memberi kesan kepada kewangan kerajaan. Tahun ini defisit kerajaan kita 4.5% dan dalam Belanjawan Yang Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini disebut bahawa kita hendak kurangkan defisit ini kepada 3.8% - penurunan daripada 4.5% kepada 3.8%. Sekiranya kerajaan terus membelanjakan kewangan yang besar, maka amat sukar untuk kerajaan mempertahankan kadar defisit yang telah pun ditetapkan oleh kerajaan. Itu yang kedua.

Yang ketiganya kenapa ia sukar dipertahankan ialah kerana apabila kita berbelanja RM11,000 juta untuk tujuan ini, maka dengan itu kita akan mempunyai kurang wang untuk tujuan-tujuan lain - untuk sekolah, jalan raya, hospital, Parlimen dan lain-lain.

Jadi, itulah sebabnya kerajaan sedang meneliti perkara ini dengan serius keadaan yang, dengan izin, *not sustainable*, tidak boleh kita pertahankan dalam masa panjang kerana tiga perkara tadi. Yang pertama penyeludupan – yang Ahli Yang Berhormat bagi Kudat sebutkan tadi; yang kedua kerana defisit kerajaan yang mungkin meningkat sekiranya kita terus membayar subsidi yang tinggi; dan yang ketiga ialah kita akan kekurangan peruntukan bagi tujuan-tujuan lain.

Dalam pada itu kerajaan menegaskan bahawa kerajaan akan terus membantu rakyat. Subsidi adalah satu perkara yang merupakan dasar kerajaan. Kita membantu rakyat, umpamanya untuk pelajar miskin, makanan di sekolah kita subsidi, harga padi kita bayar subsidi, petroleum kita *subsidize* juga tetapi jumlah kuantumnya hendaklah pada kadar yang berpatutan yang mampu ditanggung oleh kerajaan tanpa menjejaskan tiga perkara yang saya sebutkan tadi.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada dua yang bangun, Yang Berhormat. Hendak bagi yang mana Yang Berhormat? Santubong?

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Santubonglah dahulu. Ketua Pembangkang duduklah dahulu. Saya dahulu berdiri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Menteri, bagi yang mana? Santubong?

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya memang menghargai tindakan kerajaan memberi subsidi yang begitu besar sekali. Tetapi apa yang menjadi persoalan yang saya bangkitkan di sini ialah persoalannya kalau kita beli minyak diesel di stesen harganya 70 sen lebih tetapi kalau kita orang nelayan yang beli untuk perahu nelayan yang kecil-kecilan itu diberi RM1.00 lebih seliter dan juga *transport company* macam bas dan sebagainya mereka dibenarkan membeli minyak secara *bulk buying* daripada syarikat-syarikat minyak.

Saya menerima laporan bahawa harga pada bulan lepas ialah RM1.24 sen. Jadi ini nampak perbezaan di antara yang dibeli di stesen minyak dengan yang dijual secara *bulk sales* kepada syarikat-syarikat *transport* ini. Itulah kenapa makanya, minta maaf Tuan Pengerusi, panjang sedikit – kenapa syarikat bas hendak minta naik harga tambang, teksi sudah minta, bas sekolah sudah minta, semua pihak dalam industri pengangkutan ini telah minta dinaikkan harga tambang.

Nelayan yang kecil-kecilan, orang daripada kampung-kampung kita juga terpaksa membeli. Dia tidak boleh membeli di stesen minyak. Tidak dibolehkan. Kalau beli pun mungkin kena tangkap dan stesen minyak pun kena tangkap. Jadi, persoalannya kenapa yang dijual kepada *public* untuk *recreational purposes* ini murah tetapi untuk mereka yang mencari hidup ini lebih mahal. Terima kasih.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Saya kurang pasti sama ada maklumat Ahli Yang Berhormat bagi Santubong itu tepat daripada maklumat yang ada pada saya, harga yang dibayar oleh nelayan dan pengusaha-pengusaha *public transport* adalah berpatutan. Saya rasa harga angka Yang Berhormat itu perlu disemak semula, bukanlah RM1 lebih malah bagi mereka yang membeli diesel melalui *bulk buying* itu mereka mendapat diskaun yang agak baik. Saya akan menyemak angka-angka tersebut. Terima kasih.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Oleh kerana soalan fakta, Tuan Pengerusi, kalau saya salah, saya minta maaf, oleh kerana harga yang saya terima surat dari Shell. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ipoh Timur

**Tuan Lim Kit Siang:** Dengan jawapan Yang Berhormat Menteri tadi, saya minta penjelasan yang sama iaitu adakah benar bahawa kerajaan sudah memberi kelulusan untuk kenaikan minyak dan pengumuman akan dibuat dalam satu dua hari kalau bukan esok? Apakah keadaan yang terkini dalam perkara ini?

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Ini adalah dalam bidang kuasa Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan saya biarkan atau minta beliaulah yang menjawab persoalan perkara ini. Cuma saya hendak beri gambaran tentang kedudukan harga minyak di pasaran antarabangsa dan apakah beban yang ditanggung oleh kerajaan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tetapi...

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Saya menegaskan di sini bahawa kerajaan akan terus membayar subsidi ini, cumanya jumlah ataupun kuantum tersebut adalah satu angka yang mana kerajaan mampu membayarnya. Terima kasih, Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ledang bangun, Yang Berhormat.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sedikit sahaja iaitu saya penuh yakin bahawa kerajaan amat serius dalam menggalakkan orang ramai menggunakan NGV. - *reverse* sedikit kepada NGV tadi. kerana dalam negara kita ada 8 juta kenderaan. Kalau kita boleh *target* pada peringkat awal 1 juta saya rasa itu satu angka yang baiklah. Dan mungkin kerajaan ada strategi untuk mensasarkan kenderaan jabatan menggunakan NGV dan semua teksi sebab banyak faedahnya. Saya yakin kerajaan serius dalam hal ini. Jadi, kalau begitu keadaannya saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri apakah perancangan tersebut ada? Kalau ada, apakah tindakan-tindakan kerajaan? Sekian, terima kasih.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Kerajaan yakin dengan kelebihan NGV ini kerana ia mesra alam, tidak mencemar udara, ia lebih *economical* dan ia menggunakan sumber yang banyak terdapat dalam negara kita. Petronas dan kerajaan akan meningkatkan lagi usaha untuk menggalakkan penggunaan NGV dalam negara kita termasuklah cadangan Yang Berhormat tadi kita akan kaji supaya pihak kerajaan menggunakan kenderaan dengan menggunakan NGV. Terima kasih. Itu perkara kedua yang saya hendak ....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Bukit Bintang bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Adakah Yang Berhormat bercadang bahawa

lebih stesen NGV akan dibina di Wilayah Persekutuan untuk kemudahan teksi sebab pemandu teksi mengambil masa yang panjang untuk menunggu semasa mengisi gas ini. Sebab itulah ramai pemandu teksi tidak berminat untuk menggunakan NGV ini? Adakah Yang Berhormat bercadang untuk membina lebih stesen di Wilayah Persekutuan bagi memastikan kemudahan akan diberikan kepada pemandu teksi? Terima kasih.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Sekarang ada 38 buah stesen di seluruh negara kebanyakannya di Lembah Klang dan kita akan pertimbangkan cadangan Ahli Yang Berhormat tadi. Terima kasih.

**Tuan Lim Kit Siang:** Sebelum Yang Berhormat Menteri beralih daripada Petronas, sudah masuk isu kedua tetapi ada sangkut paut dengan Petronas. Saya mahu mengemukakan masalah ialah masalah utama yang dihadapi oleh Parlimen dan rakyat ialah bagaimana Parlimen boleh memainkan peranannya *oversight* Parlimen terhadap Petronas. Oleh kerana peranannya begitu penting dan strategik yang dimainkan oleh Petronas termasuk dalam ekonomi dan pendapatan negara.

Kita boleh faham mengenai kenapa Petronas ditubuhkan di bawah Akta Syarikat tetapi ini tidak bererti bahawa kapasiti *oversight* Parlimen tidak perlu dikukuhkan atau diperkuatkan. Adakah kerajaan rela untuk menimbang atau mengkaji untuk menimbang mengatakan satu sistem *hybrid e* atau apa-apa di mana Parlimen boleh memainkan atau memperkuatkan kapasiti *oversight* terhadap Petronas oleh kerana kita tidak mahu di mana keadaan di mana seorang penasihat lebih kuat, lebih berpengaruh daripada Parlimen mengenai masa depan Petronas. Bukankah kita perlu satu sistem atau mekanisme yang baru. Adakah kerajaan rela mengkaji perkara ini oleh kerana kita mahu suatu kerajaan yang *good governance*, mengikut prinsip *accountability* dan *transparency*.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Pengerusi, Ipoh Timor pernah mencadangkan supaya Petronas diawasi oleh Parlimen. Pada masa ini kerajaan tidak berhasrat berbuat demikian. Ianya di bawah Perdana Menteri diawasi sendiri oleh Perdana Menteri dan selain ia sebuah syarikat. Sebagai sebuah syarikat ia tertakluk kepada banyak peraturan syarikat. Peraturan berkaitan dengan *governance* umpamanya, *transparency* laporan sebagai sebuah syarikat, banyak perkara yang perlu dipatuhi dan sebenarnya Petronas ialah sebuah syarikat yang diuruskan dengan

baik, *track record* yang begitu baik, pengurusannya di antara yang terbaik di dalam negara kita dan kerajaan amat berpuas hati dengan prestasi Petronas.

Kalau dibandingkan Petronas dengan mana-mana juga syarikat petroleum di dalam dunia ini, termasuklah beberapa negara jiran kita, penglibatan Petronas di 35 buah negara umpamanya di South Africa, di Sudan, di Australia, di Indonesia, di Vietnam, sebagai contoh di China membuktikan bahawa Petronas sebagai sebuah syarikat yang diuruskan dengan amat baik sekali. Kerajaan berpuas hati Petronas diuruskan dengan begitu baik dan sekarang ini diletakkan secara langsung di bawah Perdana Menteri dan kaedah ini sudah berjalan begitu lama dan kita berpuas hati dengan kaedah tersebut. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Puchong.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga terima kasih Yang Berhormat Menteri. Mengenai subsidi kepada Petronas. Tadi Yang Berhormat Menteri berkata bahawa kerana kenaikan harga petroleum di pasaran dunia ini mungkin membebankan kerajaan sebanyak RM11 bilion. Ini mungkin akan menjejaskan pembangunan negara dan seterusnya.

Pada masa yang sama kita pun tahu negara kita ini ada pengeluaran petroleum yang besar dan mungkin sebagai naik *exporter*, dengan izin iaitu mungkin pengeluaran dia lebih besar daripada permintaannya dan kalau dari segi *hedging* ini bermakna kenaikan atau perubahan harga di pasaran dunia ini sepatutnya tidak akan menjejaskan harga-harga petroleum di negara kita ini kerana kita ini sebagai sebuah negara pengeluar petroleum yang banyak di dalam negara ini. Saya hendak penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Seperti Yang Berhormat sedia maklum, minyak yang kita keluarkan ini adalah bermutu tinggi dan ia dieksport dan yang digunakan di dalam negara ini, kita import daripada Timur Tengah kebanyakan *crude* yang kualitinya lebih rendah. Pada masa ini pengeluaran kita kira-kira 720,000 tong satu hari dan *domestic consumption* kira-kira 550,000 tong satu hari. *Domestic consumption* ini meningkat, oleh kerana peningkatan ekonomi kita ini meningkat dari setahun ke setahun. Itulah keadaannya kita keluarkan petroleum kita, kita jual ke luar negara, premiumnya tinggi dan kita beli yang kita guna dalam negara kebanyakan adalah merupakan minyak yang rendah mutunya dan harga yang lebih rendah.

Dengan itu, tetapi walau apa pun ia dengan izin *reflected* dalam akaun Petronas dan lain-lain syarikat dan apa jua yang kita sedang lakukan pada hari ini adalah berasaskan keadaan pasaran antarabangsa semasa.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Pertamanya saya hendak mengucapkan tahniah kepada Petronas dan juga pengurusannya yang bukan sahaja bergerak di dalam negeri tetapi membawa bendera Malaysia ke peringkat antarabangsa dan kita telah masuk ke dunia ketiga membantu negara-negara yang tertipu oleh Barat yang menggunakan kepakaran kita yang ada untuk menolong negara-negara tersebut mencari gali minyak dan memberi pertumbuhan ekonomi kepada negara-negara miskin tetapi kaya dengan khazanah di bumi mereka itu.

Di Malaysia ini, mungkin di atas kenaikan harga minyak ini Tuan Pengerusi, apakah unjuran pertumbuhan ekonomi bagi negara kita dengan kenaikan harga minyak, dengan tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa premium minyak kita lebih tinggi dan sebagainya. Adakah ini menyokong unjuran pertumbuhan ekonomi negara kita ini dan berapa lamakah Petronas dapat meneruskan cari gali minyak di negara kita ini kerana baru-baru ini di akhbar saya baca di perairan Sabah pihak Indonesia telah juga cuba menghantar syarikat-syarikat cari gali minyak untuk mencuba mencari gali minyak di dalam kawasan perairan kita yang mereka sendiri menuntut yang mengatakan bahawa ini adalah kawasan milik jajahan mereka. Jadi apakah tindakan Petronas dan kerajaan selain daripada mengadakan perbincangan hubungan diplomatik di antara kerajaan baru Indonesia dan juga dengan kerajaan kita. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Pengerusi, seperti yang sebutkan semasa menjawab soalan Yang Berhormat bagi Petra Jaya pagi tadi, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah pun mengeluarkan kenyataan berkaitan dengan dakwaan pihak-pihak Indonesia bahawa mereka mempunyai hak kepada kawasan berkenaan dan kenyataan itu tegas dan jelas bahawa kawasan tersebut adalah kawasan kita iaitu kawasan kepunyaan Malaysia. Oleh itu, saya yakin Kerajaan Malaysia akan mempertahankan kawasan tersebut. Walau bagaimanapun, kita serahkan kepada Wisma Putera untuk menyusuli dakwaan yang dibuat oleh pihak Indonesia (PERTAMINA).

Mengenai *gas reserve* Tuan Pengerusi, saya mohon maaf tidak ada angka terkini. Saya ada cuma angka 2002. 2002 ini kalau mengikut kita ada - ini tidak mengambil kira penemuan baru di Kota Kinabalu (KK), di Sabah dan beberapa kawasan lain. Sebelum ini semua pada masa 2002 dan kita jangka hayat *gas reserve* kita berdasarkan kepada penerokaan semasa kira-kira 35 tahun dan jangka hayat *oil reserve* kita kira-kira 18 tahun.

Tetapi angka ini kita dengar sudah dengar banyak kali, dia berubah-ubah. Kita bersyukur kerana kalau mengikut ramalan awal, 20 tahun dahulu kita sepatutnya sudah tidak ada minyak. Tetapi *it keeps on growing*, dengan izin. Ini adalah rahmat daripada Allah S.W.T. dan saya sebutkan sebentar tadi 25% adalah hasil negara, membayar gaji Ahli-ahli Parlimen dan semua sekali 25% hasil negara datang daripada petroleum. Jadi, kita berdoalah semoga *gas reserve* dan *petrol reserve* kita bertambah dari semasa ke semasa.

Berkaitan dengan soalan kesan kepada pertumbuhan ekonomi, untuk makluman Yang Berhormat semasa kita membuat ramalan kadar pertumbuhan 7% tahun ini, kita meramalkan harga minyak petrol USD37 *per tonne*. Ini sudah saya sebutkan tadi USD45. Ini memberi dua kesan, yang pertamanya meningkatkan eksport *earnest* kita yang kedua mungkin kesan dengan mengucupkan permintaan luar negara. Kita banyak bergantung luar negara. Jadi kalau mengikut model yang kita ada, *the first round* ataupun kesan pertamanya memberi kesan baik sedikit kepada kita dalam erti kata ada peningkatan dalam *export earnings* tetapi dalam jangka sederhana kita dapati apabila harga ini meningkat akan berlaku penguncupan ekonomi luar negara menjadi negara dagangan utama kita Amerika dan lain-lain maka *in the medium term* mungkin ada kesan. Tetapi pada masa ini masih mampu untuk mengekalkan kadar pertumbuhan 7% tahun 2004 dan 6% tahun 2005 seperti mana yang diunjurkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa membentangkan belanjawan di Dewan yang mulia ini. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya teruskan perkara yang ketiga.

Yang pertama Petronas, yang kedua berkaitan dengan harga minyak dan yang ketiga berkaitan dengan Parlimen ini. Banyak perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Ketereh, Santubong, Beluran, Tumpat, Jerai dan ramai Ahli-ahli Parlimen termasuklah juga Batu Gajah, Seputeh, ramai yang membangkitkan perkara ini. Saya mengucapkan terima kasih dan kita ada menteri yang

bertanggungjawab kepada Parlimen dan beliau seperti yang sedia maklum merupakan menteri yang begitu prihatin dan kita semua tahu. Saya tahu, saya dahulu pernah menjadi Ahli Parlimen berehat sekejap empat, lima tahun masuk semula.

Saya tahu bahawa berbanding dengan semasa dengan Ahli Parlimen dahulu banyak sekali kemudahan yang diperolehi oleh kita semua, inilah kerana perjuangan Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab kepada Parlimen dan juga keprihatinan kerajaan di bawah pimpinan Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, jadi saya yakin beliau sedang mencatatkan beberapa perkara, cuma sebelum saya beri Santubong mengenai protokol ini, banyak dibangkitkan, dua isu protokol yang pertama protokol Yang di-Pertua/Timbangan Yang di-Pertua, dan protokol dengan Ahli Parlimen. Perkara ini dibangkitkan dalam Jemaah Menteri. Yang Berhormat Jelebu ada di sini, Yang Berhormat Menteri ada di sini dan memanglah perkara ini sudah dibangkitkan.

Saya ingin memberi jaminan bahawa perkara ini telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Nazri dan beberapa menteri yang lain, dan kita prihatin dalam perkara ini dan beberapa cadangan sedang diteliti oleh kerajaan berkaitan dengan susunan protokol, khususnya Timbalan Yang di-Pertua dan juga Ahli-ahli Parlimen, perkara ini sudah dibincangkan. Ini berikutan daripada sambutan Hari Kemerdekaan di Kuantan, di mana Ahli Parlimen semasa kita berada di sini Pre-Council pada 1hb. di hadapan Perdana Menteri menyebut bahawa Ahli Parlimen duduk belakang sekali. Jadi hasil daripada rintihan daripada Back Benchers hari tersebut, maka ini sudah pun diambil perhatian oleh Perdana Menteri dan saya menyatakan di sini bahawa perkara ini sedang dikaji oleh pihak kerajaan.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Santubong.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada surat Tuan Pengerusi daripada Shell, saya hendak sebut untuk rekod Tuan Pengerusi. Saya akan serahkan perkara ini Tuan Pengerusi kalau ada *discrepancy* daripada kerajaan dengan pandangan Yang Berhormat.....

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Ya, terima kasih, macam saya sebut tadi, saya akan semak ya.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya hendak baca Yang Berhormat ....

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Ya.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Untuk Sibul - RM1.90 sen untuk Sarikei, Bintagor ada harga-harganya sendiri. Selepas diberi subsidi, ini untuk bulan Ogos, selepas beri subsidi yang berjumlah 0.2750 per liter sen. Jadi harga market untuk transport company ialah RM1.024 sen per liter. Jadi ini berbeza dengan Januari, bulan Januari dia 97 sen selepas ditolak subsidi. Jadi maknanya kalau menaik lagi minyak ini pada hujung tahun ini, saya cukup yakin dia akan naik juga. Jadi saya akan serahkan surat ini kepada Dato' nanti untuk diselidik dan tengok dia punya harga. Terima kasih.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Terima kasih Santubong dan Tuan Pengerusi, saya teruskan. Ahli Parlimen dari Tumpat tadi ada menuduh bahawa kerajaan mengamalkan ataupun pilih kasih dalam membuat pendakwaan berkaitan dengan Ahli Parlimen yang disyaki terlibat dalam penipuan Parlimen. Saya amat kesal dengan dakwaan tersebut, ini adalah satu dakwaan yang tidak berasas sama sekali, kerajaan tidak memilih bulu, sesiapa pun dan setakat ini cuma dua sahaja yang baru dibawa ke mahkamah, kerana apabila dibawa ke mahkamah itu bermakna bahawa ada bukti yang jelas dan yang kukuh bahawa kesalahan tersebut telah dilakukan oleh mereka yang berkenaan. Jadi saya amat kesal dengan tuduhan Tumpat menyatakan bahawa kerajaan mendiskriminasikan Ahli Parlimen dalam merujuk perkara ini ke mahkamah.

Tuan Pengerusi, ada satu perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Santubong tadi, ialah kelewatan untuk mendapatkan tuntutan, dan saya dimaklumkan oleh Parlimen memang ini berlaku sebelum ini, ini adalah kerana sistem bayaran berpusat melalui Jabatan Akauntan Negara. Jadi kita kena pusing banyak tempat dan lambat dan kita menyesali perkara ini berlaku, tetapi mulai September bulan ini segala tuntutan Ahli Yang Berhormat akan diproses menggunakan sistem perancangan dan kawalan belanjawan secara elektronik dan cek-cek akan dapat dikeluarkan dalam tempoh lima hari dari tarikh tuntutan, jadi tidak payah berhutang kredit kad dan lain-lain ya. Jadi alhamdulillah kita bersyukur kerana pihak pentadbiran Parlimen telah pun selesai. Memang masalah, diakui bermasalah sebenarnya tetapi sudah pun diambil tindakan dan kalau ada masalah lagi, maka boleh bangkit sekali lagi.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Pengerusi tetapi Tuan Pengerusi itu satu daripada alasan. Sepatutnya kita memikirkan perkara yang lebih besar daripada itu. Dahulu Parlimen berhak untuk sumber kewangan

mereka sendiri dan mentadbir kewangan mereka sendiri kalau Tuan Pengerusi hendak menghantar orang untuk ke luar negeri, umpamanya untuk AIPO dan sebagainya, dia tidak perlu meminta izin daripada Kementerian Kewangan tetapi sekarang dia perlu menulis surat kepada Kementerian Kewangan, minta izin sama ada boleh ataupun tidak seseorang itu pergi ke luar negeri mengikutkan perancangan Jawatankuasa Parlimen itu sendiri. Jadi ini nampaknya Parlimen *subservient* sangat kepada satu-satunya. Bahkan D.G. daripada satu kementerian tidak payah meminta kebenaran daripada sesiapa untuk menggunakan sumber kewangan.

Jadi ini yang kita hendak pertahankan supaya diberi sedikitlah, tidak payah banyak sangat Parlimen ini diberi dia punya kuasa, diberi dia punya martabat, diberi sedikitlah. Jadi sepatutnya dibalikkan semula sumber-sumber kuasa ini kepada Parlimen itu sendiri untuk mentadbirkan sumber kewangan mereka sendiri, tidak payahlah Speaker - walaupun saya tahu Presiden Dewan Rakyat pergi hadir masa keraian menyambut ulang tahun kemerdekaan itu pun merasa tidak sedap hati juga dia tidak diendahkan begitu sangat. Jadi kita melihat semua ini, Parlimen ini masih banyak perlu diperbaiki, Tuan Pengerusi.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Memang benar Santubong dan Tuan Pengerusi, banyak lagi perkara yang perlu diperbaiki dan beberapa penambahbaikan telah pun dibuat dan ini semua adalah ke arah mengangkat martabat Ahli-ahli Parlimen. Saya bukan hendak memperkecilkan Ahli Parlimen tetapi sekadar untuk makluman Ahli Parlimen, Perdana Menteri Yang Amat Berhormat sebelum ini berada di New York, tetapi sekarang ini di London, juga perlu merujuk kepada Kabinet untuk tugas luar negara. Perdana Menteri perlu mendapat kelulusan daripada Kabinet tidak boleh pergi begitu sahaja, bilangan rombongannya diteliti dengan begitu mendalam, kos perbelanjaannya. Jadi, ini adalah peraturan yang dikenakan dalam kerajaan. Walau bagaimanapun saya rasa eloklah jika Jabatan Parlimen dan Kementerian Kewangan dapat berunding dalam perkara ini.

Sehubungan dengan ini Yang Berhormat Ketereh ada membangkitkan tentang prosedur-prosedur kewangan yang begitu ketat, kata beliau ada ribut di kawasan tetapi oleh sebab prosedur kewangan yang ketat, amat sukar sekali untuk mengeluarkan peruntukkan. Perkara ini juga telah dibangkitkan semasa Ahli-ahli Parlimen jumpa Yang Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan semasa permulaan sesi ini, dan saya akan menyusuli perkara ini agar dapat dipermudahkan lagi. Memanglah

saya pun Ahli Parlimen juga dan saya juga tertakluk kepada syarat-syarat yang sama, kadang-kadang agak menyulitkan dan menyukarkan terpaksa kita advancekan duit dahulu dan kadang-kadang orang lain dapat menghulurkan bantuan lebih awal, dan ini agak memalukan kita sebagai kerajaan. Jadi, saya juga ucapkan terima kasih kepada Ketereh kerana membangkitkan perkara ini.

Ada lagi perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Beluran dan lain-lain kemudahan Ahli Parlimen dalam Dewan, seperti komputer, sistem penyelidikan, tugas serta pegawai diberi keutamaan yang sesuai, Tumpat banyak lagilah perkara-perkara yang dibangkitkan. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri berada di sini dan saya yakin bahawa beliau sedang meneliti semua perkara ini. Ada juga perkara yang berkaitan dengan urusan Parlimen dan perkara-perkara ini haruslah dirujuk kepada Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat mengenai masa untuk berucap, soal jawab dan lain-lain lebih sesuai dirujuk kepada Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat dan yang seterusnya akan mengemukakan cadangannya kepada kerajaan.

Jadi saya rasa cukuplah setakat itu, kerajaan amat menghargai pandangan Ahli Parlimen nampaknya 20 Ahli Parlimen berucap semuanya mempunyai pandangan yang sama termasuk Timbalan Yang di-Pertua pun berpandangan yang sama, tidak ada perbezaan pandangan atas, bawah, pembangkang, kerajaan dan saya ucap terima kasih atas pandangan Yang Berhormat telah diberikan ke arah mengangkat martabat Ahli-ahli Parlimen. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Ketereh.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebelum Yang Berhormat menggulung, apa yang saya maksudkan selain daripada yang ribut tadi, apa yang saya maksudkan tadi ialah sistem negara kita ialah sistem representative, di mana kita adalah wakil. British wujudkan sistem representative ini pada tahun 1955 dan kita adalah extension daripada sistem tersebut, daripada 55 pada tahun 1959 ditambah 64, ditambah, di tambah berdasarkan kawasan dan penduduk. British dahulu mengadakan sistem begini pemusatan kuasa masih kepada civil service, kerana kepada British yang penting kepada mereka bukan representative, yang penting ialah pemusatan kuasa. Kuasa dipegang oleh British, sebab itulah sekarang sistem itu juga kita extend sampai sekarang di mana pemusatan kuasa ialah kepada pegawai, civil service.

Akhirnya, itu yang menjadikan *civil service* menjadi lebih *powerful* daripada sistem *representatives*. Ini yang saya minta supaya kita *review* sistem ini kerana apa yang berlaku sekarang oleh kerana keadaan ini berterusan, maka akhirnya wakil rakyat ini duduknya di bawah, tidak dihormati, tidak diambil kira, tidak dipakai dalam hal-hal tertentu dalam menentukan dasar. Tengok sahajalah apa yang kita bincangkan, datang kadang-kadang waktu yang terakhir untuk lulus, mesti lulus seolah-olah, itu maksud saya.

Penjelasan, apakah kerajaan tidak bercadang untuk mengubah sistem penjajahan ini, dia muliakan kita dengan kerusi empuk, dia muliakan sultan dengan kereta besar, dia muliakan orang-orang ini dengan perkara-perkara yang menyeronokkan. Akhirnya kita seronok dengan *crest*, seronok dengan Dato', seronok dengan Tan Sri, tetapi *the corenya* ialah soal *representative* mewakili suara rakyat. Sejauh mana suara rakyat ini boleh mengatasi suara *Executive* itu. Itu maksud saya. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Pengerusi, suara rakyat memang *supreme* dalam sistem demokrasi dan apa yang digubal dalam Parlimen ini, yang diputuskan dalam Parlimen ini memang dilaksanakan oleh pihak *Executive* dan juga pihak *Judiciary*. Itu sebagai badan perundangan tertinggi dalam negara. Itu adalah sistem dalam negara kita, memang penghormatan yang amat tinggi diberikan oleh Parlimen. Cumanya, yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat bagi Ketereh ialah penghormatan yang begitu tinggi itu hendaklah setimpal dengan beberapa kelebihan keistimewaan itu setimpal dengan peranan besar Ahli Parlimen.

Saya juga ingin menyatakan bahawa ringkas sahaja, kita hendak buat sesuatu perkara, dengan izin, *it is got to be done incrementally*, tidak boleh kita *abroad*. Yang penting bagi saya, apa yang berlaku akhir-akhir ini cukup meyakinkan saya bahawa perubahan-perubahan sudah pun dilaksanakan dan saya yakin bahawa perubahan-perubahan akan terus dilakukan dari masa ke semasa dan ini berlaku secara meyakinkan, *incremental*. Jadi, saya harap kita bersabarlah kerana segala pandangan telah diambil kira oleh pihak kerajaan. Terima kasih.

**Dr. Ir Wee Ka Siong:** [Bangun]

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Yang Berhormat bagi Gelang Patah?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ayer Hitam.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, silakan.

**Dr. Ir Wee Ka Siong:** Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri kata suara rakyat itu *supreme* dan saya bangkitkan tentang JPA di peringkat dasar dan jawatankuasa, tetapi saya tidak dengar pun satu jawapan yang menyentuh tentang apa yang saya kemukakan. Kalaulah suara rakyat itu diagung-agungkan, pelajar 40 orang itu tunggu keputusan sama ada apa tindakan yang mereka perlu ambil.

Saya mintalah supaya, tidak tahu cara apa yang boleh saya buat, saya sudah suarakan dua kali dalam Dewan ini, mintalah pandangan khusus daripada Yang Berhormat bagaimana kalau boleh berjumpa dengan pegawai atau macam mana, sekurang-kurangnya ada satu janji. Kalau tidak, rakyat tunggu di luar tanya macam mana, dibangkitkan dua kali, tetapi apa jawapannya? Saya tergamam apabila ditanya dalam keadaan seperti itu. Saya mintalah pandangan daripada Yang Berhormat, apa yang perlu saya buat sekarang?

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Tuan Pengerusi, seperti yang saya katakan tadi kita kena buat berperingkat-peringkat dan keputusan kerajaan, umpamanya untuk menubuhkan Jawatankuasa Pemilih atau *Select Committee* adalah satu perubahan ke arah itu untuk memantapkan lagi peranan Parlimen dan saya yakin bahawa Ahli Yang Berhormat akan mendapat peranan yang besar dalam memberi pandangan kepada kerajaan tentang dua isu yang telah pun diputuskan dalam *Select Committee* tersebut.

Jadi, itu antara perubahan-perubahan yang telah berlaku. Kita boleh bagi pandangan dan kerajaan menimbangkannya. Ada pandangan yang disetujui oleh kerajaan, ada yang tidak dapat disetujui oleh sebab-sebab tertentu. Memanglah kita menghormati pandangan Ahli Parlimen, tidak semestinya semua sekali pandangan dapat dilaksanakan oleh kerana ada masalah undang-undang, masalah kewangan dan banyak masalah.

Jadi, bila balik ke Ayer Hitam, beritahu bahawa tidak semua yang dibangkitkan itu, tadi Yang Berhormat bagi Kinabatangan sebut, umpamanya, dia hantar surat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, banyak senarai projek dan difahamkan beratusan juta kosnya, jadi ada kekangan kewangan pula. Jadi, itu maksud saya. Bukan maksud saya, rakyat *supreme* bermakna segala-galanya boleh kita lakukan. Ada batasan-batasan tertentu. Terima kasih.

**Dr. Ir. Wee Ka Siong:** [*Bangun*]

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Saya kira cukuplah, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia tidak bagi, Yang Berhormat.

**Dr. Ir. Wee Ka Siong:** Sedikit sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ha, sila.

**Dr. Ir. Wee Ka Siong:** Tuan Pengerusi, saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Menteri tadi bahawa tidak semua yang dapat kita tunaikan, tetapi saya sudah bangkitkan tiga kali bukan dua kali, sebelum ini beberapa minggu yang lalu saya ada bangkitkan perkara yang sama. Di peringkat dasar pun sudah dibangkitkan, di peringkat in pun dibangkitkan.

Apa yang saya hendak cuma satu jawapan boleh atau tidak, apakah tindakan yang perlu diambil ataupun mereka sekadar catat apa yang mereka suka catat dan dijawab pula adalah mereka yang rasa dia hendak jawab. Jadi, saya minta satu panduan apa yang perlu saya lakukan apabila saya tidak dapat jawapan dan sudah jemu saya kata dua, tiga kali di sini, itu tidak ada jawapan juga.

Saya mintalah supaya satu pertimbangan atau kaedah itu, macam mana kita hendak menyelesaikan masalah rakyat. Saya tidak minta semua itu dapat ditunaikan, cuma kita dapat gambarkan kepada orang yang mengadu kepada kita, kalau tidak boleh, kenapa tidak boleh, apa kekangan yang ada pada kerajaan. Kalau boleh, apa yang perlu kita lakukan sekarang. Itulah permintaan saya dan saya mohon restu daripada Yang Berhormat Menteri supaya bagi panduan. Terima kasih.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Terima kasih. Oleh kerana Yang Berhormat bagi Ayer Hitam sudah bangun, saya jawablah isu yang dibangkitkan oleh beliau dengan secara khusus.

Pertama berkaitan biasiswa JPA, Yang Berhormat minta supaya ditambah. Untuk makluman Yang Berhormat pada tahun 2002, RM1,420 bukan RM1,300, pada tahun 2003, RM1,591, naik ya dan 2004 mungkin RM1,506, mungkin tetapi belum pasti lagi. Ini ialah angka tentatif yang saya dapat. Tetapi MARA, Perdana Menteri sudah umumkan dalam Dewan ini dahulu RM700, tahun ini RM1,000, umpamanya, meningkat ya. Jadi, kalau kita campur semua sekali, ini JPA, yang Yang Berhormat tanya fasal JPA, Yang Berhormat kata RM1,300 tidak betul. Tahun ini RM1,506 untuk menjawab soalan Yang Berhormat. Jadi, ada peningkatan. Balik ke Ayer Hitam, boleh

maklumkan bahawa kerajaan sudah pun menambahkan peruntukan biasiswa untuk pelajar-pelajar.

Yang Berhormat juga bangkitkan berkaitan dengan temu duga berkumpulan. Jadi, masalah ini adalah kerana terlalu ramai. Kalau terlalu ramai dan inilah sebab yang diberikan. Jadi, kita berterima kasihlah kepada Yang Berhormat yang mencadangkan supaya diubah kaedah temu duga. Sekarang ini berkumpulan, 10 orang, satu panel, buat kerja kumpulan, Yang Berhormat kata ini tidak adil untuk menunjukkan kebolehan seseorang itu. Terima kasih atas pandangan yang diberikan.

Satu lagi Yang Berhormat cadangkan supaya negara-negara yang kosnya tinggi jumlahnya, kita kurangkan hantar pelajar. Kita sudah pun mulakan tindakan untuk mengurangkan penghantaran pelajar ke negara-negara yang mana kosnya tinggi, tetapi tidak boleh kita keluarkan mendadak kerana kadang-kadang negara yang kos pengajiannya tinggi, ilmunya banyak di sana, ilmu dalam bidang teknologi banyak di sana. Jadi, kita mengambil kira beberapa buah universiti itu perlu kita terus hantar pelajar-pelajar.

Yang Berhormat juga membangkitkan mengenai kolej persediaan pelajar tidak berkualiti. Terima kasihlah atas cadangan itu. Saya harap ini memuaskan hati Yang Berhormat. Saya hendak jawab juga penghujung kerana saya hendak kata ini, yang pertama mengenai Petronas, yang kedua berkaitan dengan harga minyak dan yang ketiga, Parlimen. Baru yang ketiga, hendak jawab juga tetapi Yang Berhormat tanya, saya jawablah. Terima kasih.

Okey, boleh saya teruskan?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Teruskan, Yang Berhormat.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Ya, saya teruskan kerana masa menghambat kita semua.

Seterusnya yang keempat saya hendak bercakap tentang EPU dan ICU yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Yang pertama, Yang Berhormat bagi Tuaran membangkitkan mengenai pembangunan tidak seimbang dan beliau minta supaya lebih peruntukan dan perhatian diberikan kepada negeri-negeri di Malaysia Timur iaitu di Sabah dan Sarawak dan memanglah saya hendak maklumkan di sini, sejak dilaksanakan Dasar Pembangunan Negara 1990, kita telah memberi penekanan pembangunan seimbang antara wilayah termasuk antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Sabah dan Sarawak telah diberikan peruntukan pembangunan antara yang tertinggi dalam negara kita. Bagi RMK-8 umpamanya, Sabah diperuntukkan sebanyak RM12.7 bilion, berbanding RM6.9 bilion. Pertambahan hampir dua kali ganda berbanding RMK-7. Sarawak diberikan RM12 bilion dalam RMK-8 berbanding RM5.9 bilion dalam RMK-7. Sebenarnya tidak banyak negeri yang mendapat peningkatan yang begitu ketara, dua kali ganda termasuklah negeri saya, Kelantan pun tidak dapat tambahan yang begitu banyak. Jadi, memang kita akan terus berusaha untuk memastikan bahawa keadaan akan semakin seimbang antara pembangunan dalam negara kita.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya akan menjawab beberapa perkara berkaitan dengan penswastaaan. Saya cakap tentang Yang Berhormat bagi Seputeh dahululah kerana beliau memang ada jumpa saya tiga minggu lepas, beliau ada menulis surat dan berjumpa dengan Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri dan.....

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Tuaran bangun.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Yang Berhormat bagi Tuaran, okey.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasihlah dengan peruntukan yang begitu besar dan yang meningkat. Ini sentiasa diberi jawapan oleh Menteri-menteri yang Sabah ini berkali ganda naik peruntukan. Tetapi itu kita tidak boleh bandingkan dengan negeri-negeri lain sebab di Sabah ini luas 73,000 kilometer persegi dan Sarawak pula 124,000 kilometer persegi dari segi keluasannya.

Jadi kita tidak boleh buat perbandingan kalau kita bandingkan susahlah. Macam Perlis itu, kawasan saya Tuaran lebih besar daripada Perlis kalau kita hendak buat perbandinganlah. Tetapi Yang Berhormat perkara yang saya bangkitkan tadi ialah kalau kita ambil strategi pembangunan wilayah bermula daripada Dasar Ekonomi Baru dahulu, sampai sekarang ialah mewujudkan pusat-pusat pertumbuhan, *growth centres*. Jadi apabila untuk mewujudkan *growth centres* ini kita perlukan agensi. Kalau yang di Kelantan, Terengganu dan sebagainya ada dia punya Lembaga Kemajuan Wilayah, tetapi Sabah tidak ada.

Persoalannya walaupun ada peruntukan diberikan tetapi untuk mewujudkan *growth centres* ini itu yang masalah. Kemudian dari segi jalan-jalan raya, kita perlukan

*accessibility* jalan raya, *highway* dan sebagainya. Kalau setakat peruntukan ini jalan-jalan kecil itu susah sedikit. Jadi itu yang saya minta penjelasan tadi dari segi *growth centres* untuk perindustrian dan sebagainya. Itu yang saya tanya tadi Yang Berhormat, terima kasih.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Terima kasih Tuan. Tuan Pengerusi, saya bertanggungjawab dengan kerajaan kepada perancangan ekonomi negara dan insya-Allah dalam RM-9 yang mana kita sudah mula buat kajian dan juga kerja untuk mulakan RM-9 ini kita akan ambil perhatian tentang perkara ini.

Memanglah keperluannya banyak tetapi kita harus berlandaskan kepada kemampuan kewangan. Kita tahu di Sabah dan Sarawak yang pertama besar, yang kedua sekolah-sekolah lebih uzur, jalan-jalan tidak banyak, jambatan tidak banyak ya, tetapi oleh kerana dalam RM-8 kita cuma ada RM170 bilion sahaja, itu siling kita. Jadi dalam RM170 bilion itu saya sebutkan tadi RM25 bilion hampir RM30 bilion peruntukan untuk Sabah dan Sarawak kita rasa itu adalah satu angka yang wajar. Jadi terima kasihlah kepada pandangan daripada Ahli Yang Berhormat termasuklah cadangan tadi untuk menubuhkan *growth centres* dan juga badan-badan agensi bagi membangunkan kawasan pertumbuhan baru.

Saya teruskan kepada isu-isu lain. Yang pertamanya projek ataupun 200 orang setinggan terlibat dalam Projek *KL Linear City*. Malangnya projek ini telah tergendala kerana didapati tidak *viable* dan sudah pun dihentikan dan memanglah 200 keluarga sampai hari ini belum mendapat rumah lagi dan kerajaan pihak EPU telah mencadangkan supaya setinggan terlibat diberi pilihan untuk membeli rumah kos rendah yang akan dibangunkan oleh DBKL di Jalan Klang Lama dan perkara ini sedang dalam perundingan.

Untuk makluman Yang Berhormat perkara ini masih lagi dalam perundingan belum lagi dimuktamadkan projek penswastan ini. Projek penswastan ini memerlukan masa sedikit untuk merundingkan terma-terma dan apabila siap kita berunding maka kita akan kemukakan kepada Jemaah Menteri dan bila diluluskan oleh Jemaah Menteri bolehlah syarikat ini melaksanakan projek. Projek ini di Jalan Klang Lama melibatkan 700 unit rumah kos rendah. Jadi yang ada 200, insya-Allah kita berharap masalah yang dihadapi oleh mereka yang sekarang ini tinggal di tebing Sungai Klang ini dapat diatasi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Seputeh.

**Puan Teresa Kok Suh Kim:** Terima kasih jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Sepatutnya saya rasa gembiralah tetapi kalau kita lihat *Hansard* dua tahun lepas atau tiga tahun lepas jawapan seperti ini pun dibentangkan di Dewan Rakyat. Jadi bolehkah Yang Berhormat Menteri juga beri saya satu surat aku janji dan tetapkan bila *dead linen*nya kerana sejak tahun 1997 sampai sekarang, enam sehingga tujuh tahun mereka sudah tunggu. Ya, saya mintalah bantuan daripada Yang Berhormat.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Untuk makluman Seputeh memang tahun 2002 perkara projek penswastan ini telah dibawa kepada pertimbangan kerajaan tetapi diminta, diarah oleh kerajaan supaya mengkaji semula terma-termanya tidak berpihak kepada kerajaan. Kita ada sedikit pertikaian berkaitan terma 2002 itu sebabnya ada surat diberi. Tetapi sekarang ini kita kaji semula memanglah setahun dua, sekarang kita sedang kaji semula projek ini tentang *viability*nya dan apabila sudah selesai semua kita akan laksanakan projek ini, terima kasih.

Tuan Pengerusi, seterusnya berkaitan dengan isu-isu penswastan yang banyak juga dibangkitkan. Tanah Merah umpamanya mencadangkan supaya beberapa syarikat kerajaan EPF dan lain-lain mengambil alih lebuhraya bertol ini dan dengan itu katanya boleh dikurangkan kadar tol, Petronas, TNB, Telekom mengambil alih jalan raya ini. Saya ingin memaklumkan di sini bahawa projek penswastan ini adalah berasaskan kepada kos yang ditanggung oleh syarikat dan kos kewangannya perlu ada untungnya, IIRnya dan setelah diambil kira itu semua barulah dikenakan ataupun dicadangkan kadar tol.

Pada pandangan kerajaan kadar-kadar tol yang dikenakan adalah berpatutan berasaskan kepada pembinaan jalan, berasaskan kepada kos kewangan dan juga kos-kos lain yang berkaitan. Adalah tidak wajar syarikat-syarikat Petronas, TNB dan Telekom mengambil alih jalan-jalan ini dan tidak semestinya kalau Petronas, Tenaga Nasional Berhad atau Telekom mengambil alih akan membawa kepada penurunan dalam kadar tol dan sebelum diambil oleh syarikat-syarikat ini pun mereka merupakan *Public Listed Companies* mereka perlu membuat *due diligence* untuk mengkaji ini sama ada ianya *viable* ataupun tidak. Jadi itu jawapan kepada Tanah Merah.

Tuan Pengerusi, Jerai ada mencadangkan supaya projek-projek penswastan yang akan datang tidak diberikan oleh syarikat individu yang tertentu sahaja, itu cadangan Jerai. Saya ingin memaklumkan di sini bahawa penswastan adalah

berdasarkan kepada kewibawaan sesebuah syarikat, mempunyai modal yang besar, kepakaran dan komitmen yang tinggi.

Tidak ada pilih kasih individu tertentu yang diberikan kepada projek penswastaaan dan pihak EPU membuat kajian yang teliti. Satunya kajian teknikal, yang keduanya ialah kajian kewangan sebelum dibuat keputusan sama ada hendak dilaksanakan sesuatu projek penswastaaan ataupun tidak. Yang Berhormat Temerloh mencadangkan supaya kerajaan menubuhkan jawatankuasa pemantauan ataupun *regulator* untuk mengawasi pelaksanaan projek-projek penswastaaan supaya tarif caj tidak membebankan.

Untuk makluman Yang Berhormat pada masa ini kita ada Suruhanjaya Tenaga, Suruhanjaya Multimedia yang sudah pun ditubuhkan untuk mengawasi dua industri tersebut dan kerajaan sedang menimbangkan untuk menubuhkan beberapa suruhanjaya yang lain untuk mengawasi projek-projek penswastaaan termasuklah penswastaaan ataupun projek-projek jalan raya. Ini adalah bagi menjamin bahawa kerajaan akan dapat melindungi kepentingan rakyat. Kerajaan juga sedang mengkaji kemungkinan menubuhkan Suruhanjaya Perbekalan Air Negara dan beberapa suruhanjaya lain untuk melindungi kepentingan rakyat.

Ahli Yang Berhormat bagi Kelana Jaya mencadangkan supaya sebelum kerajaan ataupun sebuah syarikat itu mengenakan tol, hendaklah rakyat kawasan tersebut dimaklumkan terlebih awal. Saya ingin memaklumkan bahawa sebelum sebuah lebuhraya dibuka, pihak EPU akan mengadakan satu kaji selidik untuk mendapat pandangan orang ramai sama ada mereka bersetuju pembinaan lebuhraya berkenaan dan juga ditanya tentang kadar tol. Ini juga diberi perhatian dalam menentukan kadar tol selain daripada aspek-aspek kewangan.

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak kerajaan memaklumkan kepada pengguna kira-kira dua minggu sebelum jalan berkenaan dibuka, tentang kadar tolnya dan lazimnya rakyat atau pengguna akan diberikan tempoh dua minggu, kadang-kadang sebulan penggunaan percuma lebuhraya berkenaan. Ini antara perkara yang dilakukan oleh kerajaan.

Yang Berhormat bagi Tanah Merah membangkitkan tentang penswastaaan IKRAM. IKRAM ini diputuskan pada tahun 1996 dan untuk makluman Yang Berhormat bagi Tanah Merah, sebenarnya kadar-kadar yang dikenakan oleh IKRAM kepada JKR dan jabatan-jabatan lain yang memerlukan perkhidmatan IKRAM, sebenarnya telah

pun dikurangkan daripada RM34.8 juta sebelum ini pada tahun 2002, pada tahun ini RM23.3 juta. Jadi kadar-kadar ini telah pun dikurangkan pada kadar yang dikenakan oleh pihak IKRAM. Itu berkaitan dengan penswastaan.

Yang Berhormat bagi Kelana Jaya juga membangkitkan tentang skop projek jalan raya menghubungkan Subang dan Klang. Saya ingin maklumkan bahawa skop projek ini perlu dikurangkan kerana pihak kerajaan mendapat bantahan daripada persatuan penduduk tempatan. Ini antara sebab kenapa skop projek ini diubahsuai.

Seterusnya saya pergi kepada isu-isu berkaitan.....

**Tuan Loh Seng Kok:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Kelana Jaya bangun.

**Tuan Loh Seng Kok:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang diberikan tentang projek pembinaan jalan penyambung Subang-Klang. Sebenarnya persatuan penduduk bukannya hendak membantah keseluruhan projek tersebut, cuma mereka telah pun membangkitkan persoalannya tentang apakah projek itu, apabila siap nanti masalah kesesakan lalu lintas akan dapat diatasi dengan sempurnanya kerana skop kerja itu pada masa kini hanya sampai keseluruhan projeknya, apabila siap jalan itu hanya dibina sampai ke Persiaran Lagoon Selatan sahaja. Kalau itulah skop projeknya, ini hanya akan menarik lebih banyak kenderaan masuk ke kawasan Jalan Kewajipan, tidak akan menyelesaikan masalah kesesakan. Ini hanya mengalihkan masalah kesesakan dari satu lokasi ke satu lokasi yang lain sahaja.

Apa yang hendak dicadangkan ialah supaya keseluruhan projek itu dapat diperluaskan, dipanjangkan agar dapat *divert* keseluruhan kesesakan lalu lintas itu supaya melicinkan lagi kelancaran lalu lintas di kawasan itu. Itu yang mereka minta. Persatuan penduduk pernah membangkitkan perkara ini kepada pihak JKR, kepada pihak kontraktor dan sebagainya yang meminta supaya adanya kajian *environmental impact study* dan sebagainya supaya dapat meyakinkan mereka bahawa kerajaan apabila melakukan kerja ini memang telah membuat kajian yang teliti. Itu sahaja yang mereka minta, mereka tidak membantah, mereka tidak memohon untuk memendekkan atau mengurangkan skop kerja itu. Itulah permintaan penduduk. Terima kasih Yang Berhormat Menteri..

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kelana Jaya. Sudah pasti Yang Berhormat bagi Kelana Jaya mempunyai maklumat yang tepat kerana beliau merupakan wakil rakyat kawasan yang berkenaan, cumanya saya ingin memaklumkan jalan yang sesak ini di seluruh Malaysia sebenarnya. Jalan Parlimen sesak, saya di Kelantan, Kota Bharu pun sesak, Kuala Terengganu, Alor Setar, Pulau Pinang, Ipoh, sebenarnya seluruh jalan di Malaysia ini sesak kerana kita ada kereta, kita ada wang, kita beli Perodua, Kancil dan macam-macam.

Jadi Yang Berhormat, kalau hendak sebut, hanya Jeli sahaja belum sesak kerana tidak ramai penduduknya, kawasan kampung tetapi Kota Bharu sesak, Kuala Terengganu sesak, Pulau Pinang lagi sesak dari Kelana Jaya. Jadi sebenarnya kalau hendak digunakan alasan ini untuk membina jalan, maka kita kena bina di seluruh Malaysia sebenarnya. Kota Kinabalu pun sesak, Kuching pun sesak, itulah keadaannya tetapi sebelum kita buat sesuatu projek, pihak JKR dan pihak-pihak teknikal lain buat kajian dan kita ikut susunan keutamaan yang mana yang lebih diperlukan. Itulah kaedah perancangan yang kita gunakan dalam kerajaan. Kalau sesak, kesemuanya sesak cuma kita tengok dari segi *priority*. Kita bersimpati dengan penduduk Kelana Jaya dan pada masa yang sama, kita juga bersimpati dengan penduduk-penduduk di Pulau Pinang, Ipoh, Kota Bharu, Kuching dan Kota Kinabalu. Jadi, itulah penjelasan saya iaitu kita mesti ikut *priority* atau keutamaan. Terima kasih.

Seterusnya saya pergi pula kepada ICU yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan dan beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain. Yang Berhormat bagi Kinabatangan memaklumkan bahawa beliau telah mengemukakan cadangan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan memanglah pihak ICU telah pun menerima cadangan ini dan ia meliputi 1003 projek, satu bilangan yang besar melibatkan kos pun tinggi RM103.9 juta dan memanglah kerajaan, saya selaku Menteri bertanggungjawab kepada perancangan ekonomi negara ingin memaklumkan bahawa kita mengkaji semua ini dalam konteks kemampuan dan peruntukan yang ada kepada kerajaan, itu yang pertama.

Yang keduanya dari segi *priority*.

Yang ketiga, luar bandar, pertanian yang merupakan *priority* pada masa ini. Kita berhasrat untuk menyelesaikan masalah rakyat di kampung khususnya, tetapi kita perlu merujuk kepada kemampuan kerajaan dan juga kita perlu buat *in stages*, dengan izin. Tidak boleh kita selesaikan semua masalah di Kinabatangan, di Sabah, di

Sarawak dan tempat lain sekali gus. Kita harus bersabar, kerajaan bertekad untuk menyediakan kemudahan yang lebih baik kepada rakyat mengikut kemampuan dan juga mengikut *priority* yang telah ditetapkan oleh kerajaan setelah dibuat kajian tertentu oleh pihak kerajaan. Jadi selesaikan EPU/ICU.

Tuan Pengerusi, yang keempat saya akan pergi ke BPR. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor membuat sindiran kepada kerajaan dan UMNO yang mengatakan bahawa politik wang dalam UMNO berleluasa dan beliau menyebut beberapa kenyataan. Adakah ia retorik sahaja dan Perdana Menteri tidak bersungguh-sungguh, sambil lewa, ini adalah antara tuduhan-tuduhan yang dibuat oleh beliau.

Saya ingin memaklumkan dalam konteks ini bahawa masalah yang dihadapi oleh BPR ialah untuk mendapatkan saksi dan dalam kes UMNO ataupun mana-mana kerajaan tidak melindungi mana-mana parti politik. Dakwaan Ahli Yang Berhormat bahawa seolah-olah UMNO ini *immune*, adalah satu dakwaan yang liar, yang tidak berasas sama sekali. Rasuah itu rasuah, di mana-mana jua berlaku tetapi dalam kes UMNO dan lain-lain, perlukan saksi. Jika ada saksi, maka perkara ini akan disiasat.

Dalam pada itu, saya dimaklumkan bahawa pihak BPR telah pun memulakan siasatan awal terhadap perkara ini. Walaupun tidak ada aduan setakat ini dan mungkin agak sukar untuk mendapatkan saksi kerana biasanya orang-orang yang menerima ini dia senyapkan, dia seronok, jadi sukar untuk BPR mendapatkan saksi. Jika ada saksi, tidak ada masalah. Saya ingin memberi penegasan di sini bahawa kerajaan serius dalam memastikan bahawa kita memerangi rasuah seperti mana yang ditekankan oleh Yang Berhormat Perdana Menteri, kita komited dalam perkara ini dan tidak harus ada mana-mana pihak dalam negara kita yang mempertikaikan kesungguhan kerajaan dalam hal ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Ya, Ipoh Timor.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak boleh ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri oleh kerana Yang Berhormat sudah kalah dalam *election Vice President* sungguhpun *hot favorite* sebagai *President's man*, tetapi saya juga tidak mahu ucapkan takziah oleh kerana bukan akhir perjuangan politik. Bukankah *invidious* dengan izin, untuk Yang Berhormat menjawab perkara ini oleh kerana peranan beliau dalam *election* UMNO itu. Dalam perkara *money politics* UMNO, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa ini sangat penting. Apabila Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri memegang jawatan dan memberi jaminan akan memperkenalkan sebuah kerajaan yang bersih, yang tidak korup dan ada orang yang menunggu *result*, dan pada awalnya dinasihatkan untuk tunggu sehingga pilihan raya besar apabila beliau mendapat mandat barulah kita boleh lihat tindakannya.

Tetapi *general election* sudah habis di mana dapat majoriti yang begitu besar, dan masa itu pun tidak ada tindakan. Ada orang kata bahawa tunggu sehingga bulan September di Perhimpunan Agung UMNO, di mana beliau boleh memperkukuhkan kuasa politik dan tentulah beliau dapat mengukuhkan kuasa politik oleh kerana tidak ada perlawanan terhadap beliau sebagai Presiden UMNO, tetapi apa yang berlaku ialah *money politics*, *money politics* yang tidak boleh dinafikan. Kalau sekarang kita menafikan ada berlakunya *money politics*, politik wang dalam UMNO, bukankah ini seperti dahulu, di mana kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara, di mana korupsi dilihat serius yang mana Malaysia jatuh dari tempat 23, Corruption Perception Index Transparency International 1995 ke tangga 37 tahun lalu dan *excuse* adalah tidak ada bukti. Bukankah kita perlu mengadakan *breakthrough* dalam isu ini? Kalau kita tidak boleh *breakthrough* dalam masalah politik wang, tentulah masalah korupsi ada *breakthrough*.

Adakah ACA sudah mengadakan satu siasatan yang menyeluruh? Adakah satu laporan telah dibuat? Siapa yang membuat laporan itu? Adakah ACA sendiri yang membuat laporan atau adakah orang-orang UMNO buat laporan, dan bukankah cara untuk mendapatkan bukti ialah insentif. Beri insentif kepada sesiapa, bukan sahaja yang boleh memberi perlindungan kepada mereka dan tidak menghadapi apa-apa *consequent*, tetapi beri insentif. Mungkin Yang Berhormat Menteri sendiri pun ada bukti tetapi enggan kemukakan sahaja. Tetapi kalau perkara ini kita semua tahu ada berlaku tetapi kita pura-pura tidak berlaku, bagaimana kredibiliti kerajaan untuk mengadakan sebuah kerajaan yang bersih, boleh dapat keyakinan orang ramai?

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Pengerusi, saya mohon penjelasan, kita berhenti pukul 5.30 petang ya?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Ya, saya minta Yang Berhormat habiskan.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** 5.30, jadi saya hendak *rush too*, respons kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, saya ingin menyatakan bahawa kalau Yang Berhormat bagi Ipoh Timor begitu prihatin kepada masalah *money politics*, saya ingin

memberi jaminan bahawa kami ahli-ahli UMNO yang ramai di sini lebih prihatin dari Yang Berhormat, tidak payahlah Yang Berhormat campur tangan dengan urusan kami. Kami lebih prihatin daripada Yang Berhormat bagi Ipoh Timor termasuk Tuan Pengerusi, terima kasih banyak.

Seterusnya saya pergi kepada isu.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan, penjelasan.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Masa sudah cukup, saya sudah jawab.

**Tuan Lim Kit Siang:** Akhir, akhir.....

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Ringkas sahaja.

**Tuan Lim Kit Siang:** Okey, masalah di sini bukan prihatin atau tidak prihatin, boleh kata, boleh menyuarakan keprihatinan, bukan bermaksud UMNO, masalah wang politik UMNO ialah masalah rakyat Malaysia, bukan politik wang masalah UMNO sahaja . Kalau UMNO mahu meyakinkan rakyat bahawa latar belakang, tulang belakang kerajaan ialah prihatin dalam isu ini, mahu membanteras rasuah, bukankah perlu menunjukkan adalah *result* dalam tindakan untuk menghapuskan, bukan sahaja untuk masa hadapan, mereka yang bertanggungjawab mengenai politik wang dalam Perhimpunan Agung baru-baru ini mereka perlu ditangkap di bawa ke mahkamah dan dihukum. Bukan menunggu 2007 atau 2008 menunggu tarikh yang lain.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup Yang Berhormat.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Pengerusi, perkara ini tidak perlu campur tangan DAP, UMNO akan menanganinya.

**Tuan Lim Kit Siang :** Bukan campur tangan.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** UMNO akan mengatasi masalah ini, terima kasih.

**Tuan Lim Kit Siang:** Rasuah tidak ada campur tangan, itu hak rakyat Malaysia mahu tahu, bukan campur tangan.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Ipoh Timur. Seterusnya, Tuan Pengerusi, mengenai Allahyarham Jalil Ibrahim di Hong Kong, setakat ini tidak ada perkara baru yang timbul dan jika ada bukti baru maka perkara ini akan dibuka semula. Setakat ini tidak ada perkara baru.

Seterusnya berkaitan dengan Biro Guaman yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Sepang dan beberapa Yang Berhormat yang lain, malangnya Biro Guaman ini memanglah pegawainya tidak ramai 20 orang sahaja, jumlahnya 270, 20

orang profesional dan Biro Bantuan Guaman telah pun mengemukakan permohonan kepada pihak JPA untuk menambah lagi 50 orang peguam dan menambah *staff* keseluruhannya 1,000 untuk membolehkan ia berfungsi dengan berkesan di seluruh negara.

Tuan Pengerusi, saya ringkas sahaja perkara-perkara lain kerana kesuntukan masa. Berkaitan dengan JAKIM isu dibangkitkan yang penting sekali ialah imam. Kerajaan telah mengumumkan untuk memberi sugu hati RM450.00 sebulan kepada imam dan garis panduan sekarang ini sedang dirangka oleh JAKIM dan akan diumumkan tidak lama lagi untuk melaksanakan keputusan kerajaan. Pandangan berkaitan dengan masjid, keadaan masjid, keadaan *maintenance* masjid, tok siak, tok bilal dan lain-lain saya mengucapkan terima kasih di atas pandangan yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat. Tuan Pengerusi, itu berkaitan dengan JAKIM.

Seterusnya ada beberapa isu lain yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Seputeh, membangkitkan tentang isu tanah di Wilayah, juga Yang Berhormat bagi Labuan membangkitkan masalah sewa dan tanah di Labuan. Saya ingin memaklumkan bahawa kes yang dibangkitkan di Jalan Kuchai Lama itu sedang disiasat dan BPR telah mengadakan siasatan pada pertengahan September yang lalu tentang kes yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Seputeh. Jadi, tindakan sedang diambil.

Seterusnya berkaitan dengan isu perpaduan negara, ada beberapa pandangan yang diberikan. Saya dimaklumkan bahawa memanglah pada hari ini terdapat jawatan kontrak, sebanyak 2,837 jawatan lantikan kontrak Jabatan Perpaduan Negara. Mereka terdiri daripada guru perpaduan dan pembantu pemaju masyarakat. Selain itu juga peruntukan untuk kegiatan-kegiatan Rukun Tetangga telah pun ditambah oleh kerajaan.

Yang Berhormat bagi Setiu membangkitkan isu-isu berkaitan dengan profesion guaman. Perkara ini lebih melibatkan Majlis Peguam ataupun *Bar Council* dan adalah lebih baik Yang Berhormat bagi Setiu mengemukakan pandangan kepada Menteri yang bertanggungjawab mengenai undang-undang yang akan mengemukakannya kepada *Bar Council*. Hal ini hendaklah diselesaikan oleh pihak Majlis Peguam sendiri. Isu-isu berkaitan dengan kegiatan tidak beretika, merebut pelanggan, kes-kes *accident* dan *conveyancing* dan lain-lain yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi

Setiu, kita cadangkan supaya Yang Berhormat mengemukakan kepada Menteri untuk dikemukakan kepada *Bar Council*.

Seterusnya Yang Berhormat bagi Temerloh membangkitkan tentang MTEN, saya mengucapkan terima kasih selaku orang yang bertanggungjawab kepada MTEN, terima kasih Yang Berhormat bagi Temerloh membaca *website* MTEN. Memanglah kita menjalankan kajian dari masa ke semasa. Antara kajian-kajian terpenting yang kita lakukan yang ada kesan kepada kerajaan dan kajian untuk menggalakkan *health tourism*, dilaksanakan pada tahun 2002 dan hasil kajian tersebut insya-Allah, kerajaan akan mengadakan satu pendekatan baru untuk menguruskan *health tourism*.

MTEN juga membuat kajian bagaimana untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan pada tahun 2002. Hasilnya hari ini kerajaan lebih bersepadu dalam usaha-usaha untuk menggalakkan pelajar-pelajar asing belajar di negara kita. Jadi, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Temerloh kerana membuat cadangan tersebut.

Ada lagi perkara-perkara lain yang mungkin tidak sempat.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tidak mengapa, Yang Berhormat boleh teruskan.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Boleh teruskan. Jadi, Tuan Pengerusi ringkas sahaja, juga berkaitan dengan Parlimen supaya diadakan lawatan ke luar negara. Perkara ini akan diberikan pertimbangan oleh pihak Parlimen. Ahli Parlimen dibenarkan melawat Parlimen di luar negara ya. Jadi, sekarang sudah ada *Parliamentary friendship group* telah diwujudkan dan beberapa Parlimen di Arab Saudi, Maghribi dan Republik Iran telah pun ada dan Parlimen Malaysia sedang menguruskan lawatan ini. Pemilihannya akan di buat oleh Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Jadi, ini satu berita baik untuk Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin membuat kajian tentang parlimen-parlimen lain di luar negara.

Yang Berhormat bagi Tumpat mencadangkan supaya undang-undang dalam bahasa Inggeris ini diterjemahkan. Jadi, perkara ini sedang diambil tindakan oleh pihak berkenaan dan insya-Allah, lebih banyak lagi undang-undang akan diterjemahkan ke dalam bahasa Malaysia.

Tuan Pengerusi, saya rasa itulah antara isu-isu utama yang dibangkitkan. Yang Berhormat bagi Labuan meminta saya menyemak tentang *Liberty Wharf* tentang kadar sewa yang dikenakan yang telah mengakibatkan *charges* yang lebih tinggi

dikenakan kepada pengguna-pengguna *Wharf* tersebut dan insya-Allah, saya akan menyemak perkara-perkara yang dibangkitkan oleh beliau.

Jadi, Tuan Pengerusi.....

**Cik Fong Po Kuan:** Minta penjelasan. Kita masih ada masa lagi, saya berharap kita tidak perlu tergesa-gesa, Yang Berhormat Menteri. Jarang pula ada peluang melihat Menteri di dalam Dewan. *[Ketawa]* Jadi, saya hendak bertanya perkara berkenaan dengan Jabatan Audit Negara yang saya bangkitkan tadi. Setiap tahun kita diberi buku setebal ini, pegawai kita menjalankan tugas mereka tetapi semua nasihat-nasihat ini nampaknya tidak diberi perhatian. Saya berikan satu contoh sahaja, hutang kerajaan negeri. Setiap kali ada mengatakan kurang memuaskan, mesti berhati-hati memberi pinjaman sebagai penjamin kepada syarikat-syarikat. Nampaknya tidak diendahkan.

Jadi, saya pohon, saya hendak tahu apakah langkah tegas yang akan diambil oleh Kerajaan Persekutuan untuk memastikan pinjaman ini dijelaskan kepada Kerajaan Persekutuan. Kita agak lebih banyak wang kita boleh elakkan kepada mereka yang memerlukannya.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Pada jam 4.40 petang semalam saya mengusulkan supaya Dewan dilanjutkan sehingga tamat persidangan dan Yang Berhormat bagi Batu Gajah mencabar saya supaya hadir di Parlimen malam tadi. Saya datang ke Parlimen untuk berjumpa Yang Berhormat tetapi tidak berjumpa Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Jadi, mengenai laporan.....

**Cik Fong Po Kuan:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Mengenai Laporan Audit Negara kita mengucapkan terima kasih Yang Berhormat membangkitkan perkara tersebut. Memanglah perkara ini dibangkitkan setiap tahun iaitu hutang-hutang kerajaan negeri. Ada kerajaan negeri yang tidak mampu untuk membayar hutang, teguran Jabatan Audit Negara setiap tahun kita dengar tentang perkara ini. Perkara ini sedang ditangani oleh kerajaan dan sebenarnya sebelum ini sudah ada satu inisiatif untuk mengurangkan hutang ini, sepuluh tahun yang lalu di mana beberapa hutang telah dihapus kira oleh pihak kerajaan. Itu sepuluh tahun yang lalu. Jadi, terima kasih atas

pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Terima kasih, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM54,590,800 untuk Maksud B.1; RM1,457,300 untuk Maksud B.2; RM70,264,900 untuk Maksud B.3; RM27,650,000 untuk Maksud B.4; RM32,218,000 untuk Maksud B.5; RM1,922,091,000 untuk Maksud B.6; RM1,067,628,200 untuk Maksud B.7, RM73,469,700 untuk Maksud B.8; RM76,414,000 untuk Maksud B.9; dan RM8,264,200 untuk Maksud B.40 di bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM54,590,800 untuk Maksud B.1; RM1,457,300 untuk Maksud B.2; RM70,264,900 untuk Maksud B.3; RM27,650,000 untuk Maksud B.4; RM32,218,000 untuk Maksud B.5; RM1,922,091,000 untuk Maksud B.6; RM1,067,628,200 untuk Maksud B.7, RM73,469,700 untuk Maksud B.8; RM76,414,000 untuk Maksud B.9; dan RM8,264,200 untuk Maksud B.40 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:-** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM2,644,248,600 untuk Maksud P.6; dan RM37,507,700 untuk Maksud P.7 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2005 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM2,644,248,600 untuk Maksud P.6; dan RM37,507,700 untuk Maksud P.7 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2005.

***Majlis Mesyuarat bersidang semula.***

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu sekarang jam 5.30. Saya mengucapkan selamat kembali ke kawasan dan memberi khidmat kepada rakyat yang mengundi kita terutama sekali UMNO yang tidak balik minggu sudah. Dewan ditangguhkan sehingga hari Isnin jam 10.00 pagi.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.***